

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 1 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar-dasar dan strategi-strategi baru yang akan diperkenalkan bagi memulihkan ekonomi negara sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum negara telah berjaya mencapai kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.4% pada tahun 1999 iaitu melebihi daripada kadar yang dijangkakan sebanyak 4.3%. Kejayaan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah pertumbuhan eksport yang kukuh; strategi yang melonggarkan dasar fiskal dan kewangan dan kawalan modal.

Apa yang penting ialah kita berjaya untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan sosial dan mengelakkan rakyat di negara ini daripada penderitaan seperti yang dialami oleh rakyat di negara-negara lain yang dilanda krisis ekonomi. Walaupun ekonomi negara telah pun pulih Kerajaan Barisan Nasional akan terus melaksanakan dasar-dasar dan strategi-strategi bagi memastikan bahawa ekonomi negara akan terus berkembang dengan pesat. Langkah-langkah akan dipertingkatkan bagi mengukuhkan sistem kewangan termasuklah program penggabungan bank-bank dan langkah-langkah bagi meningkatkan pasaran modal di negara ini.

Pakej rangsangan fiskal yang dilaksanakan pada masa ini akan diteruskan dengan menumpukan perhatian kepada projek-projek seperti sekolah, perumahan kos rendah dan jalan raya. Kerajaan akan mengekalkan dasar kewangan dan membantu perkembangan ekonomi dengan memastikan

bank-bank memberi kemudahan pinjaman yang mencukupi dan mengenakan kadar faedah yang rendah. Dasar penetapan kadar ringgit telah menggalakkan pertumbuhan eksport. Ini akan diteruskan sehingga ke satu masa yang sesuai.

Prestasi sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan termasuk pelancongan akan dipertingkatkan bagi menggerakkan ekonomi ke tahap produktiviti yang lebih tinggi. Kerajaan telah memperuntukkan RM150 juta bagi Pelan Pemasaran Pelancongan Negara. Belanjawan 2000 telah pun dibentangkan dan ini dijangka terus merangsangkan kegiatan ekonomi negara seterusnya pada tahun ini.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membincangkan mengenai dengan keadaan selepas daripada pemulihan ekonomi. Kita tahu bahawa di bawah hukum ekonomi sesuatu ekonomi akan mengikut kitaran, ada masa yang turun, ada masa yang naik. Dalam sejarah negara kita selepas merdeka dua kali ekonomi kita telah jatuh, iaitu pada tahun 1980'an dan juga pada tahun 1998. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagaimanakah keyakinan kerajaan di atas langkah-langkah yang diambil seperti pengstrukturkan ekonomi, penyusunan dan sebagainya dapat memastikan kita tidak menghadapi krisis ekonomi sekali lagi dan jika kita hadapi krisis ekonomi pun tidak seteruk tahun 1998 dan apakah alasan-alasan untuk menyokong pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun yang begitu peka dan prihatin mengenai masalah ekonomi di masa hadapan. Inilah contoh wakil daripada Barisan Nasional yang memikirkan masalah hadapan negara, tidak seperti pembangkang, orang sudah cerita fasal pemulihan ekonomi dia dok cerita lagi fasal kegawatan ekonomi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih belum berpuas hati dan terus memantau pemulihan ekonomi serta melaksanakan perubahan-perubahan struktur yang akan membantu kita dalam mengelakkan daripada berulangnya krisis ekonomi. Beberapa langkah penting yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengelakkan daripada berulangnya krisis ekonomi. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mengukuhkan sistem kewangan. Dua pelan induk sedang dirangka iaitu pelan bagi sistem kewangan dan pelan bagi pasaran modal;
- (ii) memperbaiki kestabilan bank dengan melaksanakan penggabungan bank-bank dan mengawal peraturan bank serta keupayaan pengurusan berisiko akan diperkukuhkan;
- (iii) mengekalkan kawalan modal khususnya penetapan ringgit kepada US Dollar akan diteruskan untuk mempertahankan ekonomi dari serangan spekulatif yang berterusan;
- (iv) kita akan terus mengekalkan pengurusan yang baik bagi hutang luar;
- (v) kita juga akan meningkatkan daya saing ekonomi. Kerajaan akan melakukan perubahan struktur dalam ekonomi, seterusnya meningkatkan daya saing dan mempercepatkan pembangunan teknologi dan kemahiran;
- (vi) usaha-usaha penyusunan semula sektor korporat dan pengurusan korporat akan dipercepatkan bagi mengurangkan pendedahan syarikat-syarikat tersebut daripada krisis dalaman dan luaran yang baru;
- (vii) kita menggalakkan kerjasama serantau untuk membendung krisis masa hadapan. Kita akan terus bekerja rapat dengan negara jiran untuk faedah serantau secara menyeluruh. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sektor pembuatan didapati memberi sumbangan untuk memulihkan ekonomi kerana peningkatan eksport. Apakah pasaran baru-baru yang telah diterokai oleh pengeksport kita dan pasaran tradisional memandangkan untuk menembusi pasaran global memerlukan daya saing yang tinggi. Bagaimana negara melihat daya tahan pengeksport kita dalam menghadapi situasi ini.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Dalam usaha kita mempertahankan daya saing kita ini, kita bukan sahaja menumpukan dalam sektor pembuatan, kita juga akan menumpukan dalam sektor perkhidmatan dan juga pertanian. Oleh itu, kita akan terus menyediakan persekitaran ekonomi yang menggalakkan agar memberi peluang kepada perniagaan yang berpandangan jauh dan inovatif. Dalam sektor pembuatan perubahan akan ditumpukan kepada barangan elektronik yang mempunyai nilai yang lebih tinggi.

Sektor perkhidmatan yang terus merupakan sumber pertumbuhan yang kukuh akan diperkembangkan. Sektor pertanian pula juga akan diperkukuhkan kerana ia terus menjadi sektor yang penting. Terima kasih.

2. **Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) berapa ramai pekerja asing masih bekerja di Malaysia bagi tahun 1999/2000; dan
- (b) bilangan agensi pekerja asing yang berlesen di Sarawak dan Sabah, dan bilangan pekerja asing yang telah dihantar balik semasa kegawatan ekonomi pada tahun lepas 1996/1997.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pekerja asing yang sah yang berada di Malaysia pada 1 Januari 2000 ialah seramai 697,219 orang.
- (b) Bilangan agensi pekerja asing yang berlesen di Sarawak dan Sabah pada bulan Januari 2000 adalah sebanyak 30 buah; iaitu 18 buah di Sarawak dan 12 buah di Sabah. Bilangan pekerja asing di Sarawak yang memohon balik ke negara asal pada tahun 1998 dan 1999 iaitu semasa kegawatan ekonomi adalah seperti berikut; pada tahun 1998 seramai 6,602 orang, sementara pada tahun 1999 seramai 4,553 orang. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen Negeri Sabah tidak mempunyai rekod terkini mengenai pekerja-pekerja asing yang dihantar pulang

dalam suasana kegawatan ekonomi. Insya -Allah, apabila data ini kita perolehi akan dimaklumkan secara bertulis.

Tuan Shahziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penambahan dan kemudahan pengambilan pekerja asing di negara ini juga adalah satu daripada bukti bahawa keadaan ekonomi negara pada hari ini amat baik pada ketika ini di samping membuktikan pelabur-pelabur asing saya rasa begitu yakin dengan dasar kerajaan, di samping keadaan politik yang begitu stabil walaupun ada orang yang butakan mata, pekakkan telinga, walau bagaimanapun, kadangkala pengambilan pekerja asing yang begitu ramai juga menyebabkan timbulnya masalah-masalah sosial. Persoalannya, adakah pihak Kementerian Sumber Manusia sama ada melakukan atau menyelaraskan dengan kementerian-kementerian lain, memantau seperti mengadakan pemeriksaan berskala atau berjadual ke syarikat-syarikat yang ramai mengambil pekerja-pekerja asing ini supaya memastikan pekerja-pekerja asing tidak pula mewujudkan perkampungan setinggan yang baru dan benar-benar bekerja sebagaimana tertera di permit kerja serta tidak pula melakukan atau melibatkan diri dalam perniagaan-perniagaan yang berunsur maksiat. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin, orang muda. Sebenarnya kerajaan sudah lama membentuk satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing. Maka segala perkara yang bersangkutan-paut mengenai hal ehwal kemasukan, penghantaran dan juga kebajikan-kebajikan pekerja-pekerja asing – pekerja asing Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis; satu PATI satu PADI PADI ini pekerja asing dengan izin, PATI ini pekerja asing tanpa izin. Jadi, kita memang di Kementerian Sumber Manusia membuat pemeriksaan-pemeriksaan berskala dengan kerjasama kementerian-kementerian lain bagi memastikan kebajikan pekerja-pekerja asing terpelihara sesuai mengikut akta-akta yang telah diperuntukkan dalam negara kita. Kita membuat pemeriksaan berskala ini atas bidang kuasa, umpamanya di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) ataupun melalui Jabatan Buruh, tidak kira Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia atau Jabatan Buruh Sabah atau Sarawak.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan agak ramai pekerja asing di negara kita Malaysia dalam sektor pembuatan atau kilang-kilang termasuk di negeri Sabah dan Sarawak, dan sudah tentu bila mereka balik ke negara mereka, mereka tentu membawa banyak wang kita keluar ke negara mereka tiap-tiap tahun dan ini satu dari sebab negara kita menghadapi krisis kegawatan ekonomi. Jadi, soalan saya mengapakah rakyat tempatan kita tidak berminat bekerja di negara sendiri sama ada gaji mereka masih rendah atau sebab kerja itu hanya diberi kepada orang asing oleh sebab upah atau gaji rendah diberi kepada mereka? Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Selangau. Yang Berhormat ada mengatakan bahawa salah satu sebab mengapa kegawatan ekonomi berlaku adalah kerana pekerja-pekerja asing membawa sekian banyak laba dan dana ke luar negara bila mereka balik atau mereka hantar mengikut kemampuan masing-masing. Tetapi kita semua sedia maklum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tadi mengatakan bahawa sebab utama kegawatan ekonomi adalah ekoran daripada kegiatan penyangak mata wang dunia yang sengaja memporak-perandakan negara-negara yang kita kenal pasti sebagai negara industri yang baru.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat secara rambang sebenarnya kita di Malaysia ini dikurniakan satu keadaan bukan sahaja ekonomi tetapi suasana ekonomi yang boleh mencetus kepada pembentukan dan peluang pekerjaan-pekerjaan yang begitu lumayan. Kalau kita lihat daripada jumlah kekosongan pekerjaan, minggu lalu sahaja pada 20 Februari hingga 26 Februari terdapat kekosongan sebanyak 2,624 berbanding dengan mereka yang diberhentikan kerja seramai 679. Jadi, ini menandakan bahawa realitinya rakyat mempunyai pilihan kerja yang begitu banyak dan sudah pasti dalam suasana ekonomi yang membangun, membrangsangkan kira-kira satu dekad lebih daripada 6%, maka rakyat sudah tentu mengalami comfort zone, dengan izin, suasana selesa. Maka kerja-kerja yang dikhususkan untuk pekerja-pekerja asing biasanya melibatkan kerja-kerja yang berasaskan kepada 3D, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pekerja asing ini selalu kita arahkan mereka bekerja 3D - dirty job, difficult job, dangerous job.

Jadi, pekerja-pekerja tempatan, Yang Berhormat sebelah saya kata tadi tambah satu lagi 'donkey job'. Maka, mengatakan bahawa rakyat kita tidak rela bekerja dalam suasana ini adalah tidak benar dan rata-rata kalau kita melihat statistik yang mutakhir terlalu banyak pekerjaan yang ditawarkan dan dalam suasana sistem perburuhan yang terbuka di mana mana-pekerja jika dia rasa dia sesuai untuk bekerja di satu tempat dan sesuai pula dengan upah dan gaji yang diberikan, maka dia boleh bekerja di tempat yang diminati itu. Sekian.

3. **Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bersedia untuk mewajibkan pengisytiharan harta oleh Ahli Jemaah Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen serta wakil-wakil rakyat dalam sebuah pendaftaran awam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan di atas bersama-sama soalan-soalan mengenai perkara-perkara yang sama bertarikh 13 Mac dan 3 April 2000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Khamsiyah binti Yeop: Semua ahli pentadbiran iaitu Ahli-ahli Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang dilantik adalah dikehendaki mengisytiharkan harta masing-masing kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu mereka dilantik memegang jawatan dalam kerajaan. Mereka dikehendaki memperbaharui pengisytiharan harta mereka setiap dua tahun atau apabila ada tambahan atau perubahan kepada kedudukan harta mereka. Ahli-ahli pentadbiran yang tidak mempunyai harta juga dikehendaki mengisytiharkan, mengemaskini kedudukannya mengikut pada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli pentadbiran adalah diberi tempoh yang tertentu untuk membuat pengisytiharan harta tersebut. Pegawai-pegawai kerajaan tidak kira mereka yang berjawatan tinggi atau rendah juga diwajibkan mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang telah ditetapkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/1995. Peraturan yang diguna-pakai sekarang adalah memadai untuk menentukan bahawa mereka yang menjawat jawatan penting

mengisytiharkan harta mereka dan tidak mengguna jawatan mereka untuk kepentingan peribadi. Tidak perlulah pengisytiharan harta ahli-ahli pentadbiran serta pegawai tinggi kerajaan dibuat secara terbuka dan didedahkan kepada orang ramai untuk dijadikan bahan tatapan dan perbincangan yang ramai.

Kerajaan telah pun mewujudkan agensi-agensi khusus seperti Badan Pencegah Rasuah untuk membendung dan mencegah gejala-gejala rasuah dan sebarang salah laku di negara ini termasuklah salah laku oleh anggota pentadbiran dan kakitangan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah bebas menyiasat siapa sahaja sama ada anggota Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dan lain-lain anggota kerajaan. BPR juga pernah menyiasat beberapa orang anggota Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Namun begitu, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, seksyen 21(4) Akta Pencegah Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan pada 8 Januari 1998 menyatakan bahawa, "*Sesuatua duan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa.*" Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat oleh mana-mana pihak kepada mana-mana orang selain daripada pegawai-pegawai BPR dan Pendakwa Raya. Oleh yang demikian, BPR tidak boleh memberitahu maklumat ini kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan sama ada kerajaan akan mewajibkan pengisytiharan harta kepada wakil-wakil rakyat, kerajaan akan mengkaji perkara ini jika sesuai akan dilaksanakan. Sekian.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri?Setiausaha Parlimen, maaf. Naik Pangkat. Tadi, Yang Berhormat ada menyebut bahawa kerajaan juga BPR khususnya ada menyiasat Jemaah Menteri sama ada Menteri, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen. Sekarang ini rakyat tertanya-tanya apa jadi dengan hasil siasatan yang dibuat oleh BPR khususnya kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar dan sudah banyak kali diperbahaskan, dan tidak ada satu penjelasan dan jawapan yang jelas ke atas persoalan dibangkitkan oleh rakyat kerana didapati bahawa

daripada pendakwaan yang dibuat kepada Ketua Pemuda KeADILan, Jabatan Peguam Negara pendakwa secara tidak langsung mengakui kononnya bahawa dokumen yang didedahkan oleh Saudara Ezam itu ialah dokumen yang berkaitan dengan siasatan dan recommendation yang dibuat oleh BPR supaya Yang Berhormat Kuala Kangsar didakwa dengan lima pertuduhan. Sebab itu rakyat ingin tahu.

Puan Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, kes tersebut dibawa kepada pihak penyiasatan. Kita tunggulah penyiasatan dan pihak yang berwibawa dan berupaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Eh..er..

Puan Khamsiyah binti Yeop:...untuk menjalankan tindakan ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:...itu sudah selesai disiasat. Mengikut dokumen yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:...dikatakan didedah oleh...apa nama..Ezam..

Puan Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:...bahawa kes itu sudah selesai disiasat....

Puan Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:...Takkan lima tahun lagi lepas pilihan raya yang akan datang masih dalam siasatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena!

Puan Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah yang menyoal ini pihak BPR kerana hanya orang yang sepatutnya berwibawa akan menyelesaikan masalah ini. Telah saya katakan sebarang kes yang berkaitan mengikut seksyen 21(4) [*Menyemak nota*] Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan pada 8 Januari 1998 menyatakan bahawa “Sesuatu aduan yang dibuat di bawah seksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa”...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Puan Khamsiyah binti Yeop:.....Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ‘Mak cik’ tak jawab soalan saya, ‘Mak cik’!

Puan Khamsiyah binti Yeop:...oleh mana -mana pihak kepada mana-mana orang selain daripada pegawai BPR. Oleh sebab Yang Berhormat bukan BPR, bukan tempat untuk saya memberi jawapan tersebut. Sekian.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini Parlimen tempat kita membuat undang-undang, ‘Mak cik’! *[Ketawa]* Yang Berhormat ‘Mak cik’ tak jawab soalan saya ini. *[Ketawa]* Siasatan dah dibuat. *[Beberapa Ahli menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sebentar tadi Setiausaha Parlimen ada mengata bahawa kategori-kategori yang disebutkan itu perlu mengisytiharkan harta mereka kepada Perdana Menteri sahaja. Adakah kategori-kategori yang dikatakan itu termasuk proxy-proxy, anak-anak, isteri-isteri, adik-beradik dan ahli keluarga mereka kerana jikalau seseorang hendak membuat sesuatu, takkan dia bodoh sampai semua harta letak d bawah nama dia sendiri. Mesti boleh dipinda kepada proxy-proxy, anak-anak, isteri-isteri, adik-beradik dan ahli keluarga dan sama ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cuma satu sahaja. Satu sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Satu sahaja! *[Ketawa]*

Puan Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat semua diambil kira, termasuk Yang Berhormat sendiri. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat yang bertanya, kalau ada kes terbukti, sahih, sila bawa ke muka ‘peraduan’ kerana kerajaan tidak buat pernah menghadkan kepada mana -mana pihak. Sekian.

4. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah matlamat utama diadakan program pertukaran belia antarabangsa dan adakah kementerian bercadang untuk

meneruskan atau membuat program lanjutan daripada program pertukaran belia dan program lawatan belia antarabangsa pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, matlamat pelaksanaan Program Pertukaran Belia Antarabangsa adalah untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama di antara belia Malaysia dengan belia negara yang dilawati. Program ini juga dapat memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pemimpin-pemimpin belia tempatan mengenai program pembangunan belia di negara-negara yang berkenaan.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia masih mengekalkan program ini kerana di peringkat antarabangsa, kementerian tetap memainkan peranan yang penting dari segi koordinasi jaringan dan menjadi tempat rujukan dalam Program Pembangunan Belia Serantau seperti Commonwealth Youth Programme di peringkat Commonwealth dan ASEAN Sub-Committee on Youth di peringkat ASEAN dan sebagainya. Langkah ini telah membolehkan pemimpin-pemimpin belia tempatan menerajui beberapa jawatan penting di peringkat serantau dan antarabangsa. Pada masa kini kementerian tidak bercadang hendak mengadakan program baru tetapi akan berusaha untuk memantapkan program yang sedia ada.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Program Pertukaran Belia Antarabangsa dikekalkan, jadi soalan saya, apa syarat-syarat dan kelayakan yang tertentu untuk memberi para belia untuk menyertai program ini supaya mereka dapat dipilih, dilantik untuk menyertai program ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Serdang, selama ini pemilihan calon-calon untuk menyertai Program Pembangunan Belia yang tersebut itu adalah tertakluk kepada perakuan yang dibuat oleh badan-badan belia yang berkenaan melalui Majlis Belia Malaysia dan bersabit dengan syarat-syarat yang disoal tadi, selama ini hanya had umur, had umur itu ditetapkan pada tahap 40 tahun dan tiada syarat-syarat yang lain tetapi biasanya dalam kes-kes yang saya difahamkan, kegiatan setakat mana seseorang pemimpin belia memainkan peranannya dalam badan belia yang disertainya itu adalah salah satu faktor yang diambil kira.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberikan jawapan yang cukup jelas dan saya pun menyokong rancangan pertukaran belia ini untuk pendedahan belia di peringkat yang lebih luas. Cuma yang saya ingin dapatkan soalan tambahan di sini ialah dalam tahun 1997, kalau tak silap ingatan saya, saya difahamkan bahawa ada kehadiran lawatan belia-belia Israel ke Malaysia – ini dalam tahun ... saya difahamkan daripada sumber-sumber tertentu dan adakah ini bermakna bahawa termasuk di dalam rangka kerjasama pertukaran belia ini. Kalau ini termasuk dalam rangka kerjasama pertukaran belia-belia antarabangsa ini, apakah ada hasrat daripada kementerian untuk mengadakan satu pertukaran ataupun lawatan balas ke atas kehadiran belia-belia Israel ke Malaysia. Sekian.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena atas soalan yang berasaskan andaian itu, itu pun berasaskan kepada hearsay semata-mata. Walaupun demikian, untuk makluman Yang Berhormat bagi Pokok Sena, setakat ini kementerian melaksanakan enam program pertukaran belia, antara lain, termasuk 'kapal belia Asia', program di antara Malaysia dengan Fukoka, Jepun, di antara Malaysia dengan Indonesia, di antara Malaysia dengan Korea Selatan, di antara Malaysia dengan Thailand dan perkhemahan di antara Malaysia dengan Singapura. Maksudnya, Israel itu tidak termasuk dalam senarai yang disebutkan tadi dan setakat ini pun belum ada lagi sebarang program yang melibatkan negara-negara dari bekas blok komunis atau sosialis.

5. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Pertahanan menyatakan keputusan dan status cadangan pemindahan dan penswastan tapak Institut Teknologi Udara, Jalan Puchong, Selangor Darul Ehsan, sekiranya diputuskan. Bila dan ke mana tapak ini dipindah dan apakah projek penswastan yang akan dijalankan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tanah bekas tapak Institut Teknologi Udara (ITU) TUDM di Jalan Puchong tersebut telah diputuskan oleh kerajaan untuk dijadikan tanah balasan kepada pemaju yang akan membina kompleks Kolej Tentera Udara di Alor

Setar. Pembinaan Kolej Tentera Udara ini akan dilaksanakan di bawah program penswastaan kerajaan.

Ketika ini Unit Perancang Ekonomi sedang membuat pertimbangan untuk memilih cadangan pemaju yang terbaik bagi melaksanakan projek ini.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya program penswastaan bekas Institut Teknologi Udara di Jalan Puchong, maka saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apa jadi corak atau perumahan industri atau komersial di kawasan ini akan dilaksanakan oleh pihak swasta yang ditentukan kerajaan ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya kata kan tadi, tanah itu telah pun kita bagi kepada pihak pemaju, kita akan bagi kepada pihak pemaju yang akan memajukan Alor Setar punya projek ini dan tertaklukkan kepada bakal penerima tanah itu, tapak itu untuk memajukan apa bentuk kemajuan yang akan hendak dimajukan oleh pihak pemaju itu – sama ada dia hendak membina rumah ataupun terletak juga termaktub kepada peraturan-peraturan yang diletakkan dalam geran tanah yang disebutkan tadi itu.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan tambahan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Penempatan tapak Institut Teknologi Udara (ITU) di Alor Setar bersama dan berdekatan TUDM Alor Setar yang mana juga terletak Sekolah Latihan Penerbangan TUDM adalah amat sesuai. Oleh kerana pelatih-pelatih ITU dapat memperolehi pengetahuan teknikal dan praktikal secara berterusan dengan pesawat-pesawat terbang yang sedia ada. Juga mata pelajaran bagi pelatih ITU dan pelatih juruterbang ada similaritiesnya, dengan izin. Insya-Allah, ITU juga saya dengar akan bekerjasama dengan kolej TUDM yang sedia wujud untuk melaksanakan program Diploma Kejuruteraan Aerospace yang dijalankan bersama UTM. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang untuk bukakan ITU ini kepada semua rakyat Malaysia supaya ITU dapat menjadi pusat pendidikan yang cemerlang untuk pengajian Kejuruteraan dan Sains Aerospace dan juga dengan sekaligus menarik dan menaikkan minat rakyat dalam bidang aerospace. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Wangsa Maju. Sememangnya memang hasrat kerajaan untuk menggalakkan para bakal yang akan berkhidmat dalam angkatan tentera ini dan di samping itu maka dengan itu kita hendakkan supaya rakyat Malaysia yang ramai melibatkan diri dalam perkhidmatan ketenteraan sama ada udara, mahupun laut ataupun darat. Untuk menjawab soalan memanglah menjadi galakan kita tetapi setakat ini tidak ada rancangan kita untuk hendak membuka kepada orang ramai tetapi di samping itu memang kerajaan di Kementerian Pertahanan menggalakkan kerjasama memorandum of understanding kadang-kadang kita lakukan di antara beberapa pengajian tinggi seperti UiTM baru-baru ini di mana kita menggalakkan penggunaan kemudahan di peringkat hospital tentera yang ada supaya juga digunakan oleh anak-anak kita yang masih di peringkat pengajian tinggi menggunakan kemudahan dan insya-Allah kita buat setakat ini tidak ada rancangan untuk hendak buka kepada orang ramai.

6. **Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah rendah di Sarawak yang belum lagi mempunyai bekalan air paip, elektrik atau generator. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan pendidikan yang diberi kepada murid-murid di luar bandar juga bertaraf dunia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman – dulu saya duduk sebelah dengan Yang Berhormat dan memang sentiasa sebut masalah-masalah rakyat di negeri Sarawak khususnya dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah rendah di Sarawak yang tidak ada bekalan air paip yang diproses adalah sebanyak 701 buah tetapi bagi bekalan elektrik pula terdapat 444 sekolah rendah yang menggunakan janakuasa yang berkuasa kuda yang rendah, manakala 61 buah sekolah rendah yang tidak ada janakuasa atau generator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan membekalkan peruntukan jika kawasan tersebut diwujudkan kemudahan awam bekalan air

yang diproses atau bekalan elektrik awam supaya dapat di sambung ke sekolah-sekolah berkenaan.

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa mengambil dasar daya usaha meningkatkan taraf sekolah-sekolah di luar bandar dari segi kemudahan asas dan fizikal untuk menjamin keselesaan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran setaraf dengan sekolah-sekolah di kawasan bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Dato'. Tahniahlah kawan sebelah sini sudah pergi sebelah sana. Orang Melayu kata "kalau pergi haji lambai-lambailah kawan datang." *[Ketawa]*

Tuan Moktar bin Radin: Bolehkah Sarawak sama Sarawak, Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut program yang sedia ada, berkemungkinan untuk menghantar api elektrik ke kawasan-kawasan sekolah di pedalaman yang mungkin jalan satu hari ataupun dua hari gunakan bot dan jalan kaki ke pedalaman tak akan tercapai dalam masa yang singkat tetapi ilmu IT bertukar enam bulan sekali ataupun tiga bulan sekali. Jadi, adakah kementerian telah berbincang dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar tiap-tiap sekolah diberi generator untuk sementara sebelum 'grid' sampai, dengan izin. Diberi generator ke tiap-tiap sekolah dan dibekalkan dengan komputer di tiap sekolah barulah orang di luar bandar tidak tinggal ke belakang macam mana Sri Aman dah ditinggal oleh Yang Berhormat di belakang. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Batang Lupar kalau ada rezeki mungkin satu hari akan duduk sini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang peka tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di luar bandar. Oleh kerana itu baru-baru ini Menteri saya beserta dengan Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan juga pegawai-pegawai kanan telah buat satu lawatan ke Sarawak untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai di peringkat negeri dan dapat bincang dengan Ketua Menteri Sarawak cara-cara

untuk menangani masalah tentang kekurangan kemudahan-kemudahan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di negara Sarawak.

Memang Kementerian Pendidikan sentiasa akan juga bincang dengan kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dapat kita rangkakan satu strategi untuk mengatasi masalah.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan baik saya kerana telah memberi jawapan yang begitu baik.

Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak begitu 'ramai' sekolah-sekolah rendah di pedalaman yang mendapat bekalan air mereka dari sungai-sungai, *gravity fed* ataupun terus disedut dari sungai, dan saya nampak sungai itu tercemar oleh kerana pembalakan ataupun oleh kerana penanaman kelapa sawit. Jadi, di pasaran sekarang, ada juga dijual 'sistem' penapisan tetapi yang diminum oleh murid-murid di pedalaman ialah *raw water*, air yang tidak ditapis. Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, sama ada kementerian ada bercadang untuk mengadakan sistem penapisan untuk air-air yang diminum oleh murid-murid yang di sekolah rendah dan kalau ini tidak dapat sama ada kementerian dapat menyatukan sekolah-sekolah rendah yang kecil-kecil ini supaya kemudahan yang lengkap boleh diadakan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman yang memang telah mengemukakan satu cadangan yang cukup baik. Sebenarnya, soal sama ada akan memberikan sistem penapisan air memang telah kita bincang dan kita akan kaji semula sama ada ini boleh dilaksanakan. Dari segi sama ada kementerian akan mengkaji sama ada dapat disatukan sekolah-sekolah, *under enrol*, dengan izin, atau sekolah kurang murid ini dapat dicantum semula atau disatupadukan, dengan cara ini mungkin kita akan dapat memberikan kemudahan yang lebih baik dari masa ke semasa.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]
tidak hadir]

8. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyak tabung kewangan yang akan dibelanjakan untuk perkhidmatan Doktor Udara di Sabah untuk tahun 2000.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang disediakan untuk perkhidmatan doktor udara di Sabah bagi tahun 2000 ialah RM550 ribu.

9. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bahru]** minta Menteri Kewangan menyatakan sudahkah jet rasmi M 4801 yang ditempah dari Syarikat Global Express dari Kanada diterima oleh kerajaan dan berapakah harga sebenar jet itu termasuk harga pengubahsuaian sekali.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd.

Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Malaysia telah menerima dengan rasminya jet eksekutif jenis Global Express ataupun GE daripada Syarikat Bombardier Incorporated, Kanada pada 9 Disember 1999. Harga pesawat tersebut termasuk kos pengubahsuaian ialah USD40,000,376.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk membeli jet rasmi untuk kegunaan kerajaan ini. Namun saya ingin tahu dari Menteri Kewangan, sama ada apakah latar belakang pembelian kapal terbang ini dan adakah tender terbuka telah dijalankan sebelum ianya dibeli. Sekian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Untuk makluman Yang Berhormat, latar belakang pembelian kapal terbang ini bermulanya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini. Pada ketika itu kebanyakan jentera-jentera ataupun kapal terbang TUDM itu yang telah kita beli telah banyak jatuh dan mengorbankan banyak nyawa dan hasil daripada itu dalam 10 tahun terakhir, TUDM telah kehilangan sebanyak 29 juruterbang akibat kemalangan pesawat dan punca-punca kemalangan yang dikenalpasti ialah seperti kerosakan teknikal, masalah cuaca, masalah teknik dan masalah juruterbang sendiri.

Saya ingat pada masa itu, Yang Berhormat bagi Larut pada masa itu dan juga Yang Berhormat bagi Yan, telah memperkatakan bahawa masalah ini perlu diatasi. Yang Berhormat bagi Larut pada ketika itu menyatakan bahawa

insiden ini, apa yang dikatakan pesawat-pesawat TUDM adalah *flying coffins* ataupun keranda terbang. Perkara yang mencemaskan pada ketika itu pernah berlaku ialah apabila helikopter Nuri, buatan Indonesia yang digelar PUMA, telah jatuh dan meragut nyawa pilot dan pramugarinya sekali di Sungai Petani, tatkala dalam perjalanan untuk mengambil bekas Timbalan Perdana Menteri, kapal terbang lain telah dihantar dan kapal terbang itu juga mengalami kerosakan dan akhirnya kapal terbang yang ketiga telah selamat membawa bekas Timbalan Perdana Menteri balik dari Perlis ke Kuala Lumpur.

Jadi, dengan insiden itu, ramai orang telah menyatakan bahawa kita bukan sahaja hendak melihat kapal terbang TUDM tetapi juga hendak melihat pembesar-pembesar kita, Agong, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri supaya dapat selamat menaiki kapal terbang. Dan oleh kerana itu telah dibincangkan di Parlimen dan telah dibawa ke kabinet dan kabinet telah pun meluluskan bersama dengan EPU, Jabatan Perdana Menteri supaya dapat satu kapal terbang yang baru diluluskan untuk kegunaan pembesar-pembesar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan kerajaan untuk membeli pesawat-pesawat Global Express ini dibuat setelah mengkaji berapa jenis pesawat eksekutif lain dan pesawat-pesawat yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat pembuatnya ialah seperti Felcon 900 EX, buatan Felcon Jet Cops. dari Perancis, G4 HP buatan Aerospace Cops. dari Amerika Syarikat dan Global Express buatan Bombardier. Saya ingat dulu masa saya menerangkan pembelian kapal terbang ini, saya telah pun membacakan prospektusnya dan telah pun diberikan kepada Yang Berhormat bagi Kepong.

Setelah membuat kajian terperinci tentang keupayaan ketiga-tiga jenis pesawat yang telah dicadangkan, kerajaan mengambil keputusan untuk membeli pesawat jenis Global Express dari Kanada yang memenuhi spesifikasi utama iaitu mampu terbang sejauh 6,500 batu notika tanpa henti daripada membawa had muatan seberat 1,600 paun atau membawa 4 anak kapal serta 8 penumpang. Spesifikasi yang ditetapkan oleh kerajaan ini akan membolehkan pesawat tersebut terbang tanpa berhenti daripada Kuala Lumpur ke London atau dari Tokyo ke New York. Terima kasih.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Saya terima kasihlah atas penjelasan Timbalan Menteri Kewangan. Cuma saya hendak tahu mengikut pendapat kerajaan, dengan harga sebanyak ini, apakah kerajaan berpendapat bahawa terlalu mewah bagi kerajaan Malaysia.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Selalunya apa yang kita katakan, kita mementingkan nyawa, dan kita mementingkan bahawa pembesar-pembesar kita, Agong, terutamanya Agong sekarang ini daripada Selangor, saya sayangkan Agong saya dan juga Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri [*Ketawa*] akan di bawa dengan lebih selamat, jadi, maknanya nyawa lebih penting daripada harga.

10. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada rancangan supaya diperluaskan pembukaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke daerah-daerah terpencil seperti di Selama dan Batu Kurau di Perak bagi mengurangkan penghijrahan dan bebanan ibu bapa yang tidak berkemampuan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut yang mengemukakan soalan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan pembukaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bergantung sepenuhnya kepada pengusaha persendirian dan permintaan. Pihak kerajaan tidak menyediakan sebarang peruntukan kewangan untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa menyokong usaha tersebut dan pertimbangan khas akan diberikan sekiranya ada permohonan bagi menubuhkan IPTS di kawasan-kawasan yang jauh dari bandar.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana berusaha untuk melahirkan lebih ramai cerdik-pandai selaras dengan Dasar Pendidikan Negara. Soalan saya, saya ingin tahu bilangan bumiputera yang menerajui IPTS pada masa ini dan program-program berkembar dengan universiti tempatan dan juga luar negara selaras dengan Dasar Pendidikan Negara.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka bagi bilangan bumiputera yang telah belajar di IPTS yang terdapat di negara kita ini, saya akan memberikan secara bertulis. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, bilangan IPTS yang telah ditubuhkan ialah sebanyak 591 buah dan bilangan pelajar yang sedang belajar di IPTS ini adalah sebanyak 215,850 orang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Dato', sudah ada Dato' kah? *[Disampuk]* Dato' ? Terima kasih. Timbalan Menteri Pendidikan – orang MCA angguk dapat Dato', orang GERAKAN tidak angguk.

Saya ingin hendak bertanya sikit, tadi 200 ribu yang dikatakan jumlah penuntut kita yang belajar di IPTS, satu jumlah yang besar dan sedikit sebanyak jumlah yang besar ini kejayaan juga dasar kerajaan untuk membuka peluang yang luas supaya rakyat Malaysia dapat 'mengambil' pengajian tinggi. Tetapi saya hendak tanya sikit, ada keluhan masyarakat, ini UMNO sudah bawa, baru-baru ini PAS pun hendak bawa juga, orang Melayu, bumiputera, mahu juga mengikuti dalam IPTS ini.

Tetapi ramai mereka tidak mampu kerana tidak ada sumber kewangan tetapi kita tahu juga ada juga yang bukan Melayu pun kurang sumber kewangan tetapi majoriti orang Melayu kurang sumber kewangan, sebab itulah kalau di luar-luar bandar ini mereka mahu belajar tetapi tidak ada sumber kewangan, bagaimana usaha kerajaan untuk membanyakkan lagi penglibatan bumiputera dari segi membiayai pembelajaran ini. Adakah satu skim pinjamankah ataupun biasiswa, khusus untuk di IPTS ini. Kita tahu bahawa mereka yang belajar di IPTA ini ada sumber kewangan yang akan diberi tetapi di IPTS bagaimana untuk menegakan pendemokrasian ataupun keadilan dalam pendidikan ini. Saya minta sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ketua Backbancher yang sentiasa sebut masalah-masalah hubungkait dengan rakyat Malaysia khususnya bumiputera. Ucapan tahniahlah, memang UMNO ini membela nasib bumiputera, memang benar,

tulen *[Tepuk]* Memang tulen, bukan macam parti-parti lain ini, cuma pakai mulut sahaja. *[Tepuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ekuiti bumiputera turun banyak teruk!

Dato' Hon Choon Kim: Bukan cara macam ini Yang Berhormat. Bila saya cakap, Yang Berhormat diamlah, Yang Berhormat ada chance.

Jadi saya rasa memang UMNO, khususnya Kerajaan Barisan Nasional memang banyak bantu pelajar-pelajar bumiputera, banyak jenis-jenis bantuan telah disediakan untuk membolehkan sebilangan besarnya daripada anak bumiputera dapat melanjutkan pelajaran di universiti-universiti. *[Tepuk]* Memang cukup banyak, tengok sekarang ini, banyak doktor terdiri dari bumiputera, engineer, Yang Berhormat pun profesional *[Disampuk]* land surveyor dan banyak lagi. Jangan tuduh belakang - jadi yang sebut kerajaan tidak membantu bumiputera ialah untuk tujuan politik, untuk menaikkan perasaan supaya rakyat benci kerajaan. *[Tepuk]*

Jadi, saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang duduk di sebelah sana, berhenti kerja ini. *[Tepuk]* Berhenti kerja inilah. *[Disampuk]* Ini jawapan sayalah, *[Ketawa]* Sebab Yang Berhormat tanya, apa jenis bantuan yang telah diberikan. Sebenarnya kerajaan pun telah menyediakan satu tabung PTPTN khususnya untuk membantu rakyat yang miskin, bantu rakyat miskin bukan sahaja bumiputera, juga terlibat kaum-kaum yang lain Cina, India dan sebagainya juga dapat menikmati bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan. *[Tepuk]*

Jadi, Yang Berhormat jangan risaulah, selagi Kerajaan Barisan Nasional memerintah negara kita ini, hak bumiputera, hak rakyat Malaysia tetap akan dibela. *[Tepuk]*

[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang] tidak hadir]

[Soalan No. 12 - Y.B. Datuk Song Swee Guan [Badar Kuching] tidak hadir]

13. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai rekod kawasan yang sering berlaku kemalangan maut yang disebabkan oleh struktur jalan dan persimpangan yang mengelirukan hasil daripada perancangan yang tidak tepat. Adakah pihak kementerian meletakkan keutamaan bagi usah-usaha

pengubahsuaian jalan berkenaan untuk mengelakkan kemalangan daripada terus berlaku.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya ada menyimpan rekod kawasan-kawasan jalan raya yang sering berlaku kemalangan termasuk yang melibatkan kehilangan nyawa. Rekod-rekod ini dapat diadakan dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia yang memberi maklumat mengenai semua kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini.

Maklumat tersebut dianalisa oleh kementerian ini dengan tujuan untuk menyenaraikan kawasan-kawasan, dengan izin, *accident black spots*, mengikut bilangan kemalangan di samping mengenalpasti sebab-sebab punca kemalangan di kawasan-kawasan tersebut. Di antara punca-punca kemalangan yang telah dikenalpasti termasuk kecuaiannya pemandu iaitu memandu dengan terlalu laju, antaranya selekoh tajam, permukaan jalan licin, jarak penglihatan yang tidak mencukupi di kawasan yang berbukit, jalan sempit dan sebagainya.

Sekiranya didapati kemalangan berpunca daripada ciri-ciri reka bentuk jalan yang tidak baik, maka kementerian ini akan mengambil tindakan untuk memperbaiki reka bentuk jalan di kawasan yang terbabit. Usaha-usaha pembaikan yang dijalankan termasuk kerja-kerja menaikkan taraf persimpangan iaitu antaranya memasang lampu-lampu isyarat jika didapati perlu, menambah dan atau menggantikan papan-papan tanda jalan, memperelokkan garisan jalan, memperbaiki sistem perparitan dan juga mengadakan lebih banyak lintasan pejalan kaki seperti jejantas.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam yang lalu, peruntukan sebanyak RM86 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pembaikan di 42 lokasi jalan raya berbahaya dan pembinaan 27 jejantas pejalan kaki. Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pula, peruntukan sebanyak RM52 juta disediakan untuk memperelokkan 200 kawasan-kawasan jalan raya berbahaya yang telah dikenalpasti di seluruh Malaysia.

Daripada 200 kawasan jalan raya berbahaya yang tersebut di atas, kerja-kerja pembaikan telah siap bagi 107 kawasan, sementara di 15 kawasan lagi, kerja-kerja sedang berjalan manakala bagi yang selebihnya masih di peringkat reka bentuk dan pengumpulan data.

Selain daripada itu, kementerian ini melalui Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan audit keselamatan jalan bagi semua projek jalan baru di peringkat reka bentuk lagi untuk memastikan bahawa semua jalan baru yang dibina adalah selamat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik kepada lebih 200 kawasan hitam yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan juga hendak mengadakan audit keselamatan, memang kita berharap ini dapat mengurangkan tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat itu sebutkan faktor yang utamanya ialah kecuaiannya pemandu. Adakah Yang Berhormat itu bercadang untuk mengkaji dengan mendalam sistem ujian pemandu dan sebagainya dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita perhatikan pemandu-pemandu di mana selekoh pun kadangkala mungkin 70% yang tidak menunjukkan hendak belok kiri, hendak belok kanan. Adakah ini kerana sistem dan kaedah yang digunakan oleh pihak kementerian itu tidak cukup untuk melatih atau memastikan pemandu-pemandu ini mencapai satu tahap?

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Saya percaya soalan sedemikian lebih baik ditujukan kepada Kementerian Pengangkutan kerana kalau kita lihat kepada soalan asal ia bertanyakan simpang dan jalan, bukan kepada pemandu.

Jadi, saya minta maaf. Tetapi perkara itu boleh dijawab. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, soal pemandu ini kita tahu antaranya kemalangan sememangnya tidak berbau. Jadi, ini perkara-perkara yang berlaku tanpa sesuatu yang kita tidak dapat jangkakan tetapi dalam soal pemandu pada setiap masa, saya percaya di negara kita, kita mempunyai standard yang tinggi untuk

menentukan mereka yang boleh membawa kenderaan berada pada tahap yang terbaik untuk diberikan lesen.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi yang telah pun memberikan satu penjelasan yang memuaskan, cuma saya ingin menyatakan kepada pihak Yang Berhormat, saya berharap kalau boleh dari segi masa untuk mengambil tindakan kepada kawasan-kawasan yang dipanggil *black spot* ini dapat disegerakan kerana di tempat saya ada satu kawasan itu, sudah tujuh kemalangan maut dalam masa lima tahun masih lagi belum ada tindakan walaupun perancangan ada tetapi pelaksanaannya masih belum dapat dilaksanakan.

Soalan saya Yang Berhormat Dato', kita dapati dalam soal kemalangan jalan raya ini pemandu-pemandu motor dan juga pembonceng-pembonceng motor adalah merupakan victim yang agak besar. Kita dapati jalan-jalan yang ada di negara kita terutamanya di luar bandar, bahu-bahu jalan kadang-kadang tidak memberikan satu ruang laluan yang selesa kepada pemandu-pemandu motorsikal. Adakah pihak kementerian sedar perkara ini dan adakah pihak kementerian memasukkan dalam perancangan supaya bahu-bahu jalan ini dapat disediakan dengan lebih selesa dan juga dapat digunakan oleh pemandu-pemandu motor apabila dalam keadaan kecemasan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya, pihak kementerian memang sedar mengenai perkara ini dan akan mengambil tindakan untuk mengatasi soal yang dinyatakan oleh Yang Berhormat mengenai laluan motorsikal dan masalah bahu-bahu jalan. Misalnya, untuk laluan motorsikal di Kuala Lumpur yang kita tahu di Federal Highway dan sebagainya pihak kementerian sedang mengenalpasti dan akan mengambil tindakan untuk memperbaiki laluan motorsikal di sepanjang jalan dalam kawasan bandaraya Kuala Lumpur.

Saya percaya untuk kawasan-kawasan lain juga akan diberikan perhatian seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 7, 11, 12 dan 14 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan”.

[29 Februari 2000].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Diminta Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menyambung ucapan.

11.05 pagi

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ketua Pembangkang telah banyak menyentuh hal-hal kehakiman, hal-hal OSA, Akta Cetak, ISA, Printing Act dan sebagainya. Saya tidak mahu mengulang cara panjang, cuma saya harap menteri yang jaga undang-undang yang menulis buku, yang membuat tesis Ph.D. tentang penguasaan eksekutif dalam perundangan di Malaysia dapat beliau membetulkan keadaan perundangan di Malaysia sehingga rakyat kembali yakin kepada sistem perundangan di Malaysia. Keluhan yang dicurahkan semasa beliau mengambil Ph.D. itu kita harap beliau dapat laksanakan untuk kembalikan keyakinan rakyat kepada sistem perundangan di Malaysia dan rakyat hormat undang-undang tetapi kadangkala undang-undang rakyat tidak hormat kerana berlaku kebocoran dalam undang-undang itu.

Misalnya, orang bankrap, orang yang bankrap tidak boleh keluar negeri, selalunya pasportnya ditahan. Bahkan kalau dahulunya kena pakai selipar, tidak boleh kasut tetapi sekarang ini orang bankrap seperti Umi Hafilda dapat ke London, duduk di London begitu lama. Jadi, bankrap apa macam ini? Ini satu – rakyat melihat ada bankrap istimewa, ada bankrap betul. Jadi, inilah perkara-perkara seperti ini menyebabkan rakyat ragu terhadap sistem perundangan yang ada di Malaysia ini.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya untuk pihak Kementerian Dalam Negeri memberi penjelasan beberapa perkara, di antaranya, berlaku pembunuhan terhadap geng yang dikatakan rompak

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat, minta jalan.

Tuan Mohamad bin Sabu:iaitu Steyr Geng

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya hendak tanya sedikit, Yang Berhormat sebut Umi Hafilda ini, saya tidak faham Umi Hafilda yang mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi? *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Takkan Umi Hafilda pun tak kenal, *[Ketawa]* *[Disampuk]* yang dok kempen untuk UMNO dalam pilihan raya tu. *[Disampuk]* *[Ketawa]* *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak tanya Yang Berhormat ini, orang UMNO dok guna orang macam itukah untuk kempen? [Ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, orang macam itu sahaja yang hendak sokong UMNO lagi sekarang. [Ketawa] [Sorak] Bekas-bekas imam Masjid Negara, bekas Ketua Hakim, bekas apa ni pakar sakit puan, Prof. Dr. Hamid Arshad itu semua sudah bersama dengan PAS.

Jadi, orang macam Umi itu masih bergunalah untuk mereka. [Ketawa]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Mohamad bin Sabu:ha, baru seronok. [Ketawa]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat minta supaya menteri yang baru ini membuat satu cara untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap undang-undang.

Jadi, apabila sebut undang-undang ini Yang Berhormat, saya hendak mendapat penjelasan. Undang-undang yang bagaimana? Adakah undang-undang yang orang lain yang nampak bersalah, faktanya memang betul orang itu bersalah tetapi bila pergi mahkamah dia boleh lepas. Macam ada satu kes kat Kota Bharu dulu [Ketawa] fakta dia memang betul dah, berdua-dua dalam bilik [Disampuk] siapa pun tidak boleh menafikan. [Ketawa] Tetapi bila pergi ke mahkamah [Disampuk] pelaksanaannya di mahkamah, ada technical error, peguam pun dok pandai-pandai boleh lepas.

Jadi, keyakinan macam mana Yang Berhormat maksudkan? [Disampuk] Adakah keyakinan itu, undang-undang macam itu pun hendak yakinkan kepada rakyat lagi? Macam di Kelantan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih, terima kasih. Itu saya tahu tuju pada saya. [Ketawa] Saya telah dibicarakan di mahkamah, saya telah dibicarakan oleh akhbar, saya dibicarakan dalam pilihan raya. Sehingga TV3 pun kempen juga “*Kami tidak mahu Mat Sabu di Kuala Kedah.*” Tetapi semuanya itu saya – kena diri saya orang lainlah jawab, saya tidak mahu seperti Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dia membela diri dia

di Parlimen. Tempat bela diri dalam mahkamah dan mahkamahlah tempat membuat keputusan. Itu ...*[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan itu lima tahun dulu dok tanya dah

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Eh, ini PAS punya style.....

Tuan Mohamad bin Sabu:telah jawab banyak kali dah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:PAS pun macam itu juga, kisah lima tahun dulu Bank Bumiputra

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak, ini

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:dah lupa pun, dia dok cerita lagi.

Tuan Mohamad bin Sabu:Umi Hafilda bankrap dan sekarang berada di London.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berikan laluanakah?

Tuan Mohamad bin Sabu: Dia sekarang

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Hendak beri laluanakah tidak mahu?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak bagi dah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak bagi tak apalah, janganlah marah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak, tak marah, saya tidak marah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Kita ikut peraturan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya telah dibicarakan sepanjang tahun dan saya lulus sekarang berada di sini lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin bangun.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha, Rompin, Rompin, tidak apa boleh.

[Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini gambaran Yang Berhormat cuba berikan bahawa cuba menggambarkan tokoh-tokoh intelektual, tokoh agama, semua menyokong PAS tidak benar. Ada satu, dua itu terpengaruh dengan benda-benda yang tidak betul *[Disampuk]* dan kecewa dengan Barisan Nasional pun ada juga. So, saya ingat kalau boleh Yang Berhormat teruskan sebab saya melihat bahawa teruskan hujah Yang

Berhormat benda-benda yang pentinglah, yang asas. Ini benda-benda politik ini kita cerita di

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya, saya setuju.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:kawasan daerah masing-masinglah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya hendak pergi perkara pentinglah ini, Tanjong Karang kacau. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, ini soal saya sebut iaitu bagaimana peraturan kita orang yang bankrap. Adakah orang yang bankrap itu passport telah ditahan, boleh pergi ke luar negeri tanpa menuju kepada sesiapa yang hidup atau yang mati. Misalnya, begitu dapat diterangkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta pihak Kementerian Dalam Negeri dapat memberi penjelasan sedikit kepada kami di dalam Parlimen ini soal pembunuhan terhadap mereka yang diisytiharkan sebagai perompak iaitu Steyr Geng dan sebab perkara ini timbul keraguan bagi masyarakat terutama di kawasan Parit, Perak, kawasan Kuala Kedah di mana di antara yang terbunuh itu termasuklah seorang yang dikatakan bekas imam masjid dan hafiz Al-Quran dan sebagainya.

Apakah benar-benar mereka ini perompak dan bagaimana senjata daripada Kem Kemunting boleh dikeluarkan, semuanya ini kita perlu penjelasan sebab rakyat sekarang ini ragu kepada tindakan polis akibat peristiwa yang dahulu seperti tertembak wanita India yang mengandung dalam operasi untuk mengejar orang yang katanya terlibat peras ugut, maka kesilapan-kesilapan itu menyebabkan kalau berlaku kejadian-kejadian yang lain pun pihak rakyat ragu terhadap tindakan polis itu. Kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat memberi penjelasan.

Kemudian, saya juga ingin dalam usaha kerajaan untuk menyekat perkembangan pihak pembangkang sekarang ini kerajaan bertindak untuk mengawal masjid-masjid. Di antaranya, ada pihak tertentu meminta supaya pihak polis juga mengambil tindakan mengawal masjid, monitor khutbah-khutbah dan sebagainya.

Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Norian Mai, Ketua Polis Negara yang mengatakan bahawa hal masjid di bawah Majlis

Agama Islam negeri-negeri dan pihak polis tidak perlu campur tangan. Kenyataan Ketua Polis Negara ini amatlah saya dan pihak kami hargai, kalau polis mula monitor khutbah-khutbah dan sebagainya, maka negara kita sudah jadi *police state* dan akan jadi seperti Turki di mana kita lihat di Turki, penglibatan pasukan keselamatan dalam semua bidang. Sehingga dalam bilik darjah, dalam kelas-kelas polis monitor mahasiswa-mahasiswa yang dianggap memihak kepada pembangkang ataupun yang memihak kepada golongan Islam akan dimonitor oleh pihak polis.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Mohamad bin Sabu:Jadi, kenyataan Ketua Polis Negara itu amat kami hargai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, tadi Yang Berhormat ada bercakap tentang ada usaha-usaha desakan supaya pihak polis khususnya di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk berusaha bagi membendung pengaruh PAS melalui kawalan kepada masjid dan tadi telah dijelaskan tentang pendirian Ketua Polis Negara. Tetapi ada satu lagi persoalan di mana kita nampak seperti Kementerian Dalam Negeri juga menggunakan kedudukan mereka dalam usaha untuk membendung perkembangan pengaruh PAS ini.

Apabila sehingga sekarang ini permit *Harakah* yang sepatutnya semalam berakhir, sehingga pagi ini permit *Harakah* masih belum diperbaharui. Apakah ini menunjukkan satu elemen di mana kementerian sendiri dan kerajaan itu sendiri sangat bimbang dengan pengaruh PAS melalui pembacaan orang khususnya ahli-ahli PAS yang dikhususkan untuk membaca *Harakah* ini. Takut mereka makin teguh dengan perjuangan yang diperjuangkan oleh PAS dan minta pandangan Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya minta Kementerian Dalam Negeri membuat pertimbangan yang sewajarnya sebab kita di millennium baru ini dapatlah dibuka minda rakyat, biar rakyat mendengar ceramah daripada PAS, ceramah kempen daripada melalui televisyen dan radio. Kemudian, melalui

New Straits Times, Utusan dan sebagainya dan rakyat membuat pertimbangan. Timbalan Menteri Dalam Negeri yang baik budi, yang dulu Ketua Penerangan parti S46, yang kritik begitu [*Ketawa*] banyak hal media di Malaysia, kita harap Timbalan Menteri yang baik itu akan usahalah untuk memberi permit kepada *Harakah*.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini Tanjung Karang – hendak beri, masa tidak banyak ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan tidak?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, masa banyak lagi, tidak apa.

[*Ketawa*]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik tadi bila Yang Berhormat ambil contoh negeri Turki mengenai keadaan politik di Turki. Polis kawal orang yang menyokong pembangkang tetapi di Turki juga, Yang Berhormat, ada satu kes yang mana seorang Ahli Parlimen wanita di Turki, yang dia [*Disampuk*] pakai tudung, dia tidak benarkan angkat sumpah di Parlimen Turki dan akhirnya dia pun tidak angkat sumpah.

Jadi, itu Yang Berhormat setuju tidak bahawa Ahli Parlimen ini ada prinsip perjuangannya dan berbeza dengan Ahli-ahli Parlimen pembangkang di Malaysia ini. Waktu hendak angkat sumpah dahulu dia kata Parlimen tidak ikut peraturan, tidak ikut Perlembagaan. Tetapi selepas itu tiba-tiba dia meluru pula masuk angkat sumpah. [*Ketawa*] [*Tepuk*]

Jadi, bagaimana beza perjuangan prinsip wanita dengan PAS ini?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, itu lain, itu prinsip, itu soal hukum dan Turki ini, dia yang jadi begitu diperintah oleh Kamal Attartuk dahulunya. Kamal Attartuk itulah dipuja oleh Perdana Menteri, Presiden UMNO. Hendak lagi – Kamal Attartuk ini banyak ucapan-ucapan Perdana Menteri yang puji Kamal Attartuk.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ha,

Tuan Mohamad bin Sabu: saya tidak beri masa dah, sikit saja masa.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sikit, sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kawan pun kacau. [*Ketawa*]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga sahabat saya dari Kuala Kedah. Perdana Menteri merupakan orang yang pertama yang cuba untuk mewujudkan satu kawasan yang tidak ada langsung halangan dan sekatan dari segi informasi, dari segi perhubungan dengan kerajaan dan sebagainya seperti mana terdapat di MSC.

Maknanya, segalanya tidak ada halangan dan sekatan, dengan izin, obstacles. Itu untuk kawasan ataupun jaluran 15 kilometer, kali dengan 55 kilometer yang dikenali sebagai jaluran, dengan izin, Multimedia Super Corridor. Tetapi pada masa yang sama Perdana Menteri tidak memberikan ruang kepada parti-parti pembangkang selaras dengan tuntutan demokrasi untuk mengadakan akhbar yang boleh ditatap oleh seluruh rakyat Malaysia. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pegangan dan prinsip sebegini rupa oleh Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, kalau pihak Barisan Nasional, kerajaan tidak membuka saluran informasi, khasnya akhbar *Harakah* yang lesennya tamat, tidak disambung, maka kita harap kerajaan berfikir waraslah dalam perkara ini supaya jangan dituduh undemocratic, maka ditambah lagi dengan tidak membenarkan *Harakah* diterbitkan, maka kerajaan ini akan dianggap sebagai diktator dan tidak memberi ruang kepada akhbar sebuah parti pembangkang untuk diedar kepada ahli-ahlinya yang kita telah ikut segala peraturan termasuk juga akhbar *Harakah* di markas-markas PAS sekarang ini. Kalau telah semua peraturan diikuti, tidak beri juga, maka kerajaan ini sesuai digelar “Mahazalim” seperti yang disebut sekarang ini. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal dadah, dadah kita sekarang ini hanya mengeluarkan angka di Parlimen ini. Baru-baru ini Naib Presiden PEMADAM, Dato' Lee Lam Thye mendedahkan sekali lagi bahawa setiap hari ada 109 orang penagih dadah baru yang berdaftar, yang

tidak berdaftar ada empat orang di belakang yang berdaftar. Ini bererti satu hari lebih 400 orang penagih dadah baru, satu tahun 160,000.

Dadah menjadi masalah yang cukup berat terutama sekali di kawasan saya di Kuala Kedah, di pelabuhan Kuala Kedah itu dadah ini berleluasa. Banyak mereka mati dalam usia yang muda akibat daripada dadah. Banyak janda-janda yang ditinggalkan terpaksa saya kena jadi bapa angkat kepada mereka semua sekarang. *[Ketawa]*

Dan 42 tahun Kuala Kedah di bawah Barisan Nasional, saya lihat cukup mundur dalam segala segi. Saya tak sangka itu negeri Perdana Menteri, dahulu saya wakil rakyat Kubang Kerian selama di sana lebih hampir sepuluh tahun. Saya tidaklah seteruk jadi wakil rakyat di Kuala Kedah kerana Kubang Kerian masyarakatnya agak senang, agak mewah, saya balik sekali sekala pun tak apa, sekarang Kuala Kedah rakyatnya miskin begitu ramai, masalah dadahnya begitu banyak, ini negeri Perdana Menteri, negeri Tun Daim yang bercakap berdegar-degar tetapi masyarakat di sana berada dalam keadaan yang cukup teruk terutama di Kuala Kedah itu sendiri, kita minta pihak Jabatan Perdana Menteri datanglah buat kajian hal kemiskinan di Kuala Kedah, kami sedia memberi kerjasama sepenuhnya melihat keadaan yang sebenar berlaku. Apa yang digambarkan angka tunjuk naik saham dan sebagainya, orang kampung bukan faham, saham ditutup bercampur-campur, dia tidak tahu apa dia? Yang dia tahu, saham ditutup dalam keadaan lega. *[Ketawa]* Indeks emas naik 1.8 mata, orang Kuala Kedah tak tahu apa. Yang mereka lihat ialah keadaan sosial mereka makin hari makin teruk akibat daripada dadah ini.

Dadah satu perkara yang cukup serius, bukan masalah UMNO, bukan masalah PAS, ini masalah rakyat, apa kita hendak buat, apakah kita perlu buat satu revolusi (culture revolution) seperti yang dilancarkan oleh Mao Tse Thong yang dahulunya kita lihat bagaimana China yang dilanda dengan serangan candu yang akhirnya melalui revolusi kebudayaan itu melahirkan masyarakat China yang cergas dan menjelang tahun 2020, China akan jadi gergasi ekonomi mengatasi Amerika Syarikat dan Eropah Barat.

Kita menjelang tahun 2020 kalau satu tahun 150,000 penagih dadah baru muncul menjelang tahun 2020 barangkali masa itu tiga, empat juta penagih dadah. Inilah yang kita bimbang, marilah kita bertindak dan mencari

satu formula bagaimana hendak menyelesaikan masalah dadah ini. Apakah di peringkat penguasaan, apakah di peringkat pelaksanaan, apakah di peringkat masyarakat, semuanya ini kena kaji secara menyeluruh, serius sungguh perkara ini.

Saya yakin kemalangan yang begitu banyak penunggang motosikal di antaranya kerana dadah, mereka bila berdengung itu mereka menunggang motosikal dengan tidak ikut peraturan dan mereka akan cuba menunjuk-nunjuk dan sebagainya, ini di antaranya punca daripada dadah. Masalah ini serius sungguh, ertinya kita gagal.

Saya tidak mahulah kata kerajaan gagal, kita sebut kita gagal. Macam mana kita hendak buat sekarang? Fikir masalah ini, yang kita boleh lihat terang-terang di Chow Kit Road, kita boleh lihat terang-terang di Kuala Kedah bahkan ada yang pergi ke Kuala Kedah menangkap ikan upahnya ialah dadah. Sebab saya sendiri hendak tahu kehidupan nelayan, saya sendiri ke laut bersama dengan nelayan. Saya naik atas perahu dan saya ikut mereka dan saya dapat mengesan kehidupan masyarakat di laut ini, sebab itu bila kita dekat dengan masyarakat begitu di Kuala Kedah, BN tak menang dah di situ, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha, gulung. Satu perkara yang saya ingin sentuh iaitu masalah judi. Judi ini anggapan masyarakat sekarang ini mereka menganggap, hendak hapus judi kena beri PAS menang sebab kalau selagi UMNO memerintah judi tidak boleh hapus. Ini pandangan masyarakat. Sebab bila kita memerintah di dua buah negeri, Kelantan dan Terengganu, judi dihapuskan dan bila selagi UMNO memerintah judi tak dihapuskan. Ini pandangan umum mengatakan kalau judi hendak dihapuskan di Malaysia kena beri PAS menang, Barisan Alternatif menang. Ini telah terlekat dalam kepala pemikiran orang ramai, bukan kita yang salah, ini anggapan orang ramai kalau hendak hapus judi kena beri UMNO kalah.

Sebab itulah kami berkempen besar-besaran di antaranya kerana kita lihat UMNO tidak berjaya menghapuskan judi barangkali tauke-tauke seperti Tan Sri Lim Goh Thong, seperti tauke-tauke Ananda Krishnan yang terlibat dalam Magnum dan lain-lain lagi, Nala dan sebagainya ada hubungan dengan

pemerintah Barisan Nasional. Sebab itulah kita lihat judi seolah-olah sudah sebatu dengan pemerintah BN. Hendak hapus judi kena hapus BN. Ini pandangan orang ramai sekarang dan pandangan ini kami amat alu-alukan kerana pandangan ini memang sudah menjadi terbukti sekarang ini. UMNO tidak boleh hapuskan judi, walaupun alim ulama banyak berada di dalam UMNO. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

11.25 pagi.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak berucap dalam perbahasan Ucapan Titah Diraja, maka saya menyeru kawan-kawan dari dua pihak jangan ganggu nanti. Saya perlukan masa yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan tahun 2000 Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan penubuhan sebuah ‘think tank’ di Kementerian Kewangan untuk menyediakan pelan tindakan strategik bagi membolehkan kerajaan merancang dalam menghadapi cabaran yang dibawa oleh globalisasi dan liberalisasi serta perkembangan teknologi maklumat. Globalisasi sedang berlaku dengan cepatnya dalam alaf baru ini. Ia merupakan, dengan izin, a double edged sword, yang boleh membawa risiko dan peluang

Globalisasi yang berhala neo-liberalisme merupakan global kapitalisme yang didominasi oleh kuasa kapitalisme yang berhala liberalisasi dan spekulasi yang tanpa berproduktiviti. Globalisasi kini dikuasai oleh dua kuasa pokok yang bukan sahaja mengancamkan kepentingan dan kebajikan negara yang sedang membangun, malahan menggugat kestabilan ekonomi sejagat.

Yang pertama, ialah TNC (transnational companies) yang pro-kepentingan kapitalis dari negara Barat, yang kedua ialah virtual capital yang bersifat spekulasi dalam pasaran penukaran mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan tidak semestinya bertindak secara melulu demi manangkis dan menentang aliran globalisasi. Sentimen yang xenofobia dan tabiat yang munafik haruslah diketepikan. Semasa kita menentang kesan buruk globalisasi yang berhala neo-liberalisasi

jangan kita menolak kesan baik yang dibawa oleh aliran globalisasi yang bersifat konstruktif kepada negara kita. Globalisasi yang patut dibentuk ialah globalisasi yang lebih bersifat kemanusiaan, saksama dan adil. Misalnya, pembinaan sebuah masyarakat moden yang berbentuk, knowledge society, dengan izin, yang berdasarkan informasi yang free flow amat diperlukan pada masa kini. Aliran globalisasi mendesak segala kuasa politik yang bersifat authoritarian melaksanakan reformasi supaya informasi yang free flow dapat direalisasikan tanpa sebarang rintangan. Oleh itu, masa sudah tiba untuk kerajaan memansuhkan akta-akta yang menyekat pengaliran maklumat secara bebas seperti OSA dan Printing & Presses Act.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, pembentukan globalisasi yang positif memerlukan kerjasama antara kuasa NGO dan kesatuan sekerja, supaya daya sesebuah kerajaan dalam nation state, dapat diperkuatkan demi menangkis ugutan dan eksploitasi TNC (transnational companies). Oleh itu, sesebuah kerajaan yang benar-benar ikhlas ingin menentang aliran globalisasi yang negatif sepatutnya berganding bahu dengan NGO dan kesatuan sekerja. Misalnya kerajaan boleh memberi dorongan kepada kesatuan sekerja supaya mereka dapat menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan penubuhan kesatuan sekerja antarabangsa. Dengan itu, persepakatan dan solidariti yang kukuh baru boleh diwujudkan demi bertindak dengan lebih keras terhadap ugutan transnational companies.

Ketiga, salah satu kesan positif yang dibawa oleh globalisasi ialah nilai-nilai yang bersifat universal dapat dipromosikan dengan lebih berkesan, seperti nilai hak asasi manusia sejagat yang tidak ambil kira keunikan tamadun Barat atau Timur harus dihormati oleh setiap kerajaan yang dianggap demokrasi.

Kerajaan hendaklah menunjukkan komitmennya terhadap sistem demokrasi berparlimen dengan memansuh atau meminda beberapa akta yang zalim dan tidak bersesuaian dengan alaf baru ini, di antara akta-akta berkenaan adalah ISA, OSA, UCCA.

Keempat, globalisasi yang bersifat neo-liberalisme yang menggunakan WTO, IMF dan World Bank sebagai alat untuk menebus tempoh perlindungan dagangan harus kita peka terhadapnya. Free trade yang dilaung-laungkan oleh

WTO dan IMF sepatutnya digantikan dengan konsep dan pelaksanaan fair trade supaya negara yang sedang membangun dapat bersaing dengan syarat-syarat yang lebih saksana dan adil.

Pasaran globalisasi yang bersifat adil diperlukan kuasa konsensus politik yang kuat dan kewujudan konsensus itu memerlukan kerjasama antarabangsa. Dalam pada itu, DAP bercadang kerajaan harus menjalinkan hubungan yang rapat dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti ICFTU (International Confederation of Free Trade Unions), ILO (International Labour Organization), SI (Socialist International) dan lain-lain lagi supaya bersama-sama berusaha membentuk satu aliran globalisasi yang bersifat fair trade dan bukan free trade semata-mata.

Kelima, demi mempertingkatkan daya persaingan perdagangan negara kita di pasaran antarabangsa maka pelaburan dalam bidang human capital, iaitu dalam bidang pendidikan adalah paling mustahak. Pakar yang sanggup bersaing dalam era globalisasi mementingkan visi, efisiensi, daya kreativiti dan pandangan yang kritikal. Maka sumber manusia negara kita harus dididik dan dilatih sebagai bangsa global yang berdasarkan gagasan 'pendidikan tanpa perbatasan'. Oleh itu, dasar pendidikan negara kita dikehendaki satu penukaran paradigma yang bersesuaian dengan perkembangan globalisasi yang pesat. Misalnya, kerajaan harus mengkaji falsafah dan orientasi pelaksanaan dasar pengkorporatan institusi-institusi pengajian tinggi awam yang menganggap pendidikan sebagai satu lagi cara untuk mengaut keuntungan. Maka DAP bercadang kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut supaya human capital, yang berkualiti tinggi harus dilabur oleh kerajaan yang bervisi globalisasi dan bukan membiarkan kuasa pasaran untuk menentukannya.

- (i) Menegaskan bahawa pendidikan merupakan tanggungjawab asasi negara, meskipun sistem pendidikan swasta dibenarkan.
- (ii) Menghentikan segala usaha ke arah penswastaan institusi pengajian tinggi awam dan mengkaji semula pelaksanaan dasar pengkorporatan supaya memastikan

- ia berpegang kepada prinsip pendidikan dan bukan keuntungan kewangan.
- (iii) Memperkukuhkan kedudukan institusi pengajian tinggi awam yang sedia ada dan meningkatkan prestasi mereka.
 - (iv) Memperbanyakkan bilangan institusi pengajian tinggi awam secara teratur supaya tidak melemahkan institusi pengajian tinggi awam yang sedia wujud untuk membolehkan mereka menerima pelajar-pelajar yang layak dengan yuran pengajian yang paling minimum atau percuma.
 - (v) Memperluaskan skim biasiswa dan pinjaman, terutamanya untuk pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.
 - (vi) Menjamin autonomi universiti dan institusi pengajian tinggi serta mutu mereka dengan membentuk suruhanjaya universiti yang akan menyelia pengurusan semua universiti dan meminda UUCA supaya menegakkan hak asasi masyarakat akademik, termasuk siswa siswi.
 - (vii) Memperluaskan skop Lembaga Akreditasi Negara untuk memantau, mengkaji dan mengiktiraf taraf akademik, diploma, ijazah dan sijil peperiksaan di luar sistem pendidikan kebangsaan. Ijazah-ijazah dari institusi pengajian tinggi Arab, Indonesia, Filipina, Taiwan, India, Pakistan, China dan negara-negara lain serta sijil-sijil persekolahan tempatan, seperti sijil UISE (United Independent Schools Examination), dengan izin, perlu diiktirafkan dari segi pertimbangan taraf akademiknya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak persidangan Parlimen bermula pada 14 Februari tahun ini, banyak telah diperkatakan mengenai pilihan raya umum ke-10 yang merupakan pilihan raya yang paling kotor sekali dalam sejarah

pilihan raya negara kita. Banyak juga telah diperkatakan untuk menjustifikasikan wujudnya demokrasi dalam negara kita. Seorang Setiausaha Parlimen – dia tak ada di sini - telah berkata bahawa kemenangan pembangkang dalam pilihan raya lalu telah membuktikan wujudnya demokrasi di Malaysia.

Ini adalah satu simple conclusion from a simple mind. Demokrasi memang wujud dalam Malaysia tetapi ia bukan lagi satu demokrasi yang tulen oleh kerana prinsip dan semangat demokrasi telah diancam. Majalah *Solidariti* penerbitan bulan Oktober 1971 mengandungi satu artikel yang bertajuk '*Problems of Democratic Nation Building in Malaysia*', penulis artikel ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengulas cadangan kerajaan melarang Parlimen membincangkan empat perkara yang sensitif iaitu, dengan izin, the position of Malay as the national language, the special position of Malays and the legitimate rights of non Malay citizens and the institution of the Constitutional monarchy, telah berkata, saya tidak buat terjemahan, ia asal dalam bahasa Inggeris, '*Thus another variation of democracy is born. This democracy is not quite guided as Soekarno's democracy, nor basic like Ayub Khan's in Pakistan. This is a limited democracy especially designed for Malaysia. Together with peculiar laws which make racial harmony compulsory, this limited democracy is said to ensure that the mutually antagonistic races of Malaysia will not clash as they watch an effectively authoritarian Government muddle along.*'

Tuan Yang di-Pertua, beliau terus berkata, '*When the race riots of May 13th broke out, Tun Dr. Ismail, who took over the Ministry of Home Affairs declared that, democracy is dead in Malaysia. It would have been most appropriate if he, as the architect of limited democracy had, in his defense of the Constitutional Amendments Bill ended up his speech in Parliament with long live limited democracy, for henceforth democracy may no longer interfere with what the government considers is nation building*'. Ini semua kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, architect of limited democracy, telah lama meninggal. Pemimpin yang telah mengkritik limited democracy telah menjadi

Perdana Menteri Malaysia sejak tahun 1980. Adakah negara kita telah menjadi lebih demokratik berbanding dengan tahun 1971. Apakah jenis demokrasi yang kerajaan amalkan hari ini. Adakah hak asasi rakyat lebih terjamin atau semakin terancam. Adakah keyakinan rakyat terhadap institusi-institusi demokrasi telah menambah atau merosot? Jawapannya adalah begitu jelas sekali bagi sesiapa yang berpegang kepada prinsip dan semangat demokrasi.

Dalam demokrasi purba, prinsip yang diamalkan ialah principle of majority rule. Akan tetapi, dengan perkembangan teori hak manusia dalam abad 17, the principle of majority rule has become a necessary but not a sufficient condition, dengan izin, demokrasi moden menitikberatkan hak asasi minoriti yang tidak boleh dirampas.

Maka dalam demokrasi moden, dengan izin, majorities could do everything except deprive minorities of the freedoms – of speech, press, assembly, rights to a fair trial, and so on the exercise of which might enable the minority peacefully to win over the electorate and come to power. Minorities might do everything within the context of these human right to present their case.

Tuan Yang di-Pertua, hak asasi ini memastikan rakyat boleh memberi freely given consent, dengan izin, mereka dan merealisasi konsep demokrasi bahawa minoriti boleh jadi majoriti dengan cara aman. Tanpa freely given consent atau persetujuan yang diberi dengan bebas dan sukarela dari rakyat, majoriti yang menang dalam satu pilihan raya sebenarnya tidak mempunyai, dengan izin, democratic legitimacy.

Syarat-syarat freely given consent, hanya wujud sekiranya:-

- (i) when there is no physical coercion or threat of coercion employed against expression of opinions;
- (ii) when there is no arbitrary restriction placed on freedom of speech, press and assembly;
- (iii) where there is no monopoly of propaganda by the ruling party; and
- (iv) where there is no institutional control over the instruments or facilities of communication.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah syarat-syarat minimal untuk kewujudan *freely given consent*. Tanpa kewujudan syarat-syarat ini, satu pemungutan suara rakyat yang mendapat sokongan sebulat suara pun adalah tidak sah dari segi demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah mencapai kemerdekaan selama 42 tahun, satu hakikat yang sedih ialah pendidikan bahasa ibunda masih menghadapi pelbagai masalah yang asas sekali. Layanan yang tidak adil terhadap pendidikan bahasa ibunda adalah bertentangan dengan matlamat pembangunan negara yang memerlukan sistem pendidikan yang profesional, liberal dan bersifat pluralism supaya bidang pendidikan sebagai kejuruteraan sosial (*social engineering*) dapat mengembangkan potensi manusia, memenuhi keperluan sumber manusia dan memupuk daya kreativiti, daya inisiatif serta teknik pembelajaran warga negara kita.

Pegangan prinsip DAP terhadap pendidikan bahasa ibunda, terdiri daripada empat asas, iaitu prinsip hak asasi manusia yang bernilai universal seperti mana yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kedua, fahaman hak kesaksamaan antara setiap bangsa tanpa prejudis. Ketiga, peruntukan sumber ekonomi negara secara adil dan saksama mengikut keperluan. Keempat, mendukung idea pendidikan adalah keutamaan bagi pelaburan sosial.

DAP mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dengan tanpa syarat. Akan tetapi, setiap bangsa masing-masing mempunyai hak demi memperkembang dan mempelajari bahasa ibundanya dan hak tersebut sepatutnya dihormati dan terjamin oleh undang-undang. Sehubungan itu, DAP merayu bahawa kerajaan memansuhkan segala peruntukan yang menggugat kewujudan serta perkembangan bagi pendidikan bahasa ibunda Cina dan Tamil yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Demi merealisasikan pembinaan pelaksanaan hardware dan software terhadap perkembangan pendidikan bahasa ibunda, Kerajaan sepatutnya memikul tanggungjawab itu sebagai kewajipan awam dan bukan menjadikan isu berkenaan sebagai modal politik perkauman yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, antara isu yang paling menonjol ialah keengganan Kerajaan membina sekolah jenis kebangsaan Cina yang baru

berdasarkan keperluan. Dan semalam saya dapat satu jawapan dari Menteri Pendidikan yang mengatakan bahawa pada masa ini bilangan sekolah jenis kebangsaan Cina adalah mencukupi. Ini ada satu fakta yang tidak akan diterima oleh sesiapa pun. Jadi saya kena ingatkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan jangan percaya kepada memorandum yang dihantar oleh MCA sahaja. Ini satu gambar di sini. Satu sekolah di mana murid-murid terpaksa 'kerut' table, meja diletak sampai papan hitam. Ini cara dia orang belajar di sekolah Cina. Penuh dengan orang. Jadi jawapan ini adalah mengelirukan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina walaupun diserap ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dan mendapat pengiktirafan rakyat berbilang kaum, akan tetapi di bawah dasar pendidikan Kerajaan yang sedia ada perkembangan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina masih menghadapi pelbagai sekatan dan halangan. Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996 memeruntukkan bahawa "tertakluk kepada peruntukan akta ini menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyegerakan sekolah-sekolah itu." tetapi sebenarnya permohonan masyarakat Cina untuk membina sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sukar mendapat kelulusan daripada Kerajaan. Menurut perangkaan Kementerian Pendidikan, jumlah bilangan sekolah kebangsaan Cina pada tahun 1976 ialah 1318 buah. Bilangan itu dikurangkan sebanyak 34 buah dan tinggalnya 1284 buah pada tahun 1999. Akan tetapi, bilangan murid bertambah dari 560,985 orang ke 609,673 orang dalam tempoh yang sama, jumlah tambahan ialah 48,688 orang. Sekiranya menurut kriteria pembinaan sekolah rendah kebangsaan, yakni bilangan murid bertambah 1,022 orang maka diperlukan sebuah sekolah yang baru. Jadi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sepatutnya bertambah 48 buah yang baru, jikalau diambil kira 34 buah sekolah yang dikurangkan sejak tahun 1976, maka jumlah bilangan sekolah rendah jenis kebangsaan yang perlu dibina ialah 82 buah. Jadi saya tidak tahu macam mana Menteri Pendidikan kata cukup. Ini adalah tidak betul.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ramai ibu bapa bukan Cina turut memberi sokongan dan keyakinan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dengan menghantar anak mereka belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan

Cina. Menurut anggaran Kementerian Pendidikan, sebanyak 65,000 orang murid bukan Cina belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina pada tahun lalu, iaitu 12% sehingga 15% daripada jumlah murid-murid sekolah jenis kebangsaan Cina.

Demi kepentingan negara, DAP berharap kerajaan dapat membenarkan pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang baru dan memperuntukkan sumber yang mencukupi supaya membuktikan bahawa kerajaan benar-benar bervisi jauh dan mengamalkan dasar pendidikan yang berprinsip toleransi dan pluralism. Semasa menjelang pilihan raya tahun lalu, kerajaan telah membuat perjanjian bahawa ia akan membina 8 buah sekolah jenis kebangsaan Cina yang baru dan membenarkan sekurang-kurangnya 12 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang menghadapi masalah kekurangan ruang yang mencukupi untuk menampung murid-murid yang berlebihan supaya dapat dipindahkan. DAP berharap kerajaan dapat menunaikan janjinya dengan secepat mungkin melalui memperuntukkan tanah dan wang yang diperlukan. Dan Tuan Yang di-Pertua, di sini ada juga satu gambar sekolah ini tinggal tiga murid sahaja, tiga orang dan tahun depan akan habis sebab tidak ada murid baru dan mereka pohon pindah. Dua tahun tidak dapat apa-apa jawapan. Ini masalah besar yang dihadapi oleh SRJKC, Cina.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru terlatih di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina juga merupakan satu isu yang lama belum dapat diselesaikan. SRJKC selama ini kekurangan guru terlatih sebanyak lebih - mengikut jawapan menteri semalam 3,778 orang. Kerajaan tidak melatih guru mengikut keperluan setiap aliran mengakibatkan sekolah kebangsaan pula kelebihan kira-kira 12,000 orang guru Bahasa Melayu. Memorandum demi memorandum telah dihantar kepada kerajaan oleh Dong Jiao Zhong atau United Chinese School Committees Association of Malaysia dan United Chinese Teachers Association of Malaysia.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Hari ini tidak boleh Yang Berhormat minta maaf.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kedekutlah.

Tuan Kerk Kim Hock: Janji dmei janji telah dibuat tetapi masalah masih berterusan. DAP berharap kerajaan dapat melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Dong Jiao Zhong.

Tuan Yang di-Pertua, semalam pun kerajaan ada kata bahawa memang terdapat kekurangan guru-guru terlatih di SRJKC dan cara yang diselesaikan ialah melantik guru sandaran tidak terlatih. Sebenarnya masalah yang dihadapi oleh SRJKC, Cina saya bagi satu maklumat. Ini semalam satu laporan akhbar terdapat 20 buah SRJKC Cina di daerah Johor Bahru dan setiap bulan lebih daripada RM100,000 digunakan untuk mempelawa guru sandaran sendiri. Apakah sebabnya sekolah-sekolah ini mempelawa guru sendiri oleh kerana apabila mereka membuat permohonan kepada Kementerian Pendidikan supaya hantar guru-guru sandaran sebenarnya guru yang dihantar ke sekolah ini ialah guru-guru berlebihan yang cuma berkelayakan dalam Bahasa Melayu. Inilah masalah yang sebenarnya. Jadi satu bulan lebih seratus ribu satu tahun berapa? Ini tidak mungkin dilaporkan kepada Menteri Pendidikan oleh MCA.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah menengah persendirian sejak Akta Pendidikan 1961 digubalkan, cuma tinggal 60 buah sahaja. Bilangan muridnya dari tahun 1973 lebih kurang 20000 orang meningkat sehingga 60000 orang pada masa kini. Kerajaan selama itu bukan sahaja tanpa membiayai satu sen pun terhadap perkembangannya, malahan masih mengongkang perkembangannya. Misalnya sejak tahun 1961, permohonan pembinaan sekolah menengah persendirian yang baru langsung tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa. Walaupun pemimpin-pemimpin kerajaan, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberi pujian yang unggul terhadap sumbangan sekolah menengah persendirian khasnya waktu menjelang pilihan raya umum, akan tetapi segala pujian atau janji-janji kosong terserlah tidak mendatangkan sebarang faedah yang konkrit kepada perkembangan sekolah menengah persendirian. Sekiranya kerajaan benar-benar mengamalkan dasar yang adil terhadap perkembangan sekolah menengah persendirian, maka kerajaan harus mengetepikan segala rintangan yang tidak rasional di samping prasangka yang bersifat perkauman demi membenarkan permohonan pembinaan sekolah menengah persendirian yang

dikemukakan oleh masyarakat Cina. Antaranya ialah Sekolah Menengah Fun Yew di Johor Bahru yang memohon supaya cawangan sekolahnya yang bertapak di Indah Putra, Skudai dapat diluluskan dengan secepat mungkin oleh Kementerian Pendidikan dengan dokumen yang formal.

Selain itu, masyarakat Cina Negeri Pahang juga secara umumnya telah mengemukakan permohonan supaya sekolah menengah persendirian Chong Hwa Kuantan dapat ditubuhkan semula. Sebenarnya di Negeri Pahang terdapat 75 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan setiap tahun terdapat lebih kurang 4200 orang murid lepasan dari sekolah-sekolah tersebut. Menurut satu kajian yang dibuat oleh Gabungan Persatuan-persatuan Cina Pahang, didapati 40% daripada ibu bapa-ibu bapa di negeri Pahang berhasrat supaya anak-anak mereka dapat melanjutkan pendidikan di sekolah menengah persendirian Cina.

Menurut kajian tersebut, setiap tahun terdapat lebih kurang 300 orang murid lepasan sekolah rendah di negeri Pahang belajar di sekolah menengah persendirian Cina di negeri-negeri lain seperti negeri Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak. Kerajaan seharusnya meluluskan permohonan penubuhan semula sekolah menengah persendirian Chong Hwa Kuantan agar menghormati hasrat kolektif yang ditunjukkan oleh masyarakat Cina Negeri Pahang. Masyarakat Cina di Segamat Negeri Johor dan Kajang di Negeri Selangor masing-masing menghadapi masalah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, belakang Yang Berhormat.

Haji Husam bin Haji Musa: *[bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: Maaf hari ini jangan. Masyarakat Cina di Segamat sejak tahun 1986 bermula membentangkan permohonan mereka tetapi selama itu langsung tidak dilayan oleh kerajaan. Begitu juga keadaannya bagi masyarakat Cina di Kajang, permohonan mereka ditolak pada tahun 1987 oleh Kementerian Pendidikan dengan alasan bahawa penubuhan sekolah menengah persendirian Cina adalah bertentangan dengan prinsip pendidikan negara. Kuasa untuk memerintah hendaklah digunakan untuk melaksanakan polisi yang adil. Saya berharap kerajaan dapat menyelesaikan segala masalah yang telah begitu lama dihadapi oleh pendidikan bahasa ibunda.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Menengah Pay Fong melaka adalah sekolah persendirian Cina yang tunggal di Melaka. Semua perbelanjaannya dibiayai oleh bantuan derma dari orang ramai. Di persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka pada bulan Disember tahun lepas, wakil DAP telah bercadang supaya kerajaan Melaka memberi peruntukan kepada Sekolah Menengah Pay Fong. Yang Berhormat Datuk Haji Long Md. Said, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pendidikan telah berkata bahawa untuk kerajaan memberi peruntukan kepada sekolah ini adalah bagai mencurahkan garam ke dalam laut dan memberi stoking kepada seorang yang pakai kot.

Kata-kata sedemikian telah menyinggung perasaan dan melukakan hati orang ramai yang telah selama ini memberi derma kepada sekolah ini. Mereka menganggap komen Datuk Haji Long Md. Said sebagai “rubbing salt into the wound.” dengan izin. Komen Datuk Haji Long Said menunjukkan prejudisnya terhadap sekolah menengah persendirian dan ini telah membuktikan bahawa beliau tidak sesuai dan tidak layak untuk menjadi seorang ahli exco. Sebenarnya sehingga hari ini, beliau masih enggan tarik balik kata-katanya yang mencerminkan beliau adalah seorang yang telah ketinggalan zaman. Memandangkan Yang Amat Berhormat ketua Menteri Melaka tidak sedia untuk mengambil tindakan terhadapnya, saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional memecat Datuk Haji Long Md. Said sebagai ahli exco Melaka.

Pelantikan Datuk Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan dan Datuk Mahadzir Mohd. Khir sebagai Setiausaha Parlimen telah membawa harapan bahawa satu fokus serta penekanan baru akan ditumpukan ke atas kecemerlangan akademik di samping menggalakkan aktiviti dan idealisasi para pelajar universiti-universiti tempatan. Akan tetapi, isu pengharaman pameran tahunan Tahun Baru Cina UTM baru-baru ini oleh Naib Canselornya Zulkifli Mohd. Ghazali telah membongkarkan kegagalan pihak kementerian dalam tugasnya untuk memupuk budaya saling hormat-menghormati antara kaum di negara ini di samping memulihkan otonomi siswa-siswi dan demokrasi kampus. Pihak UTM yang mengharamkan projek pameran anjuran Jawatankuasa Pameran Tahun Baru Cina UTM telah cuba menggunakan alasan bahawa pihak universiti tidak menggalakkan penganjuran aktiviti-

aktiviti satu kaum, dan sengaja mengabaikan fakta bahawa ahli-ahli jawatankuasa penganjuran pameran Tahun Baru Cina UTM ini terdiri daripada berbagai kaum dan hal ini menjadi lebih ketara apabila rombongan rayuan seramai lebih kurang 100 pelajar UTM yang menghantar memorandum meminta supaya pihak universiti menarik balik keputusan pengharaman itu adalah diketuai oleh Presiden Majlis Pelajar UTM, Suhaimi Mohd. Saaid, seorang pelajar Melayu.

Kepimpinan pelajar UTM harus diberi pujian setinggi-tingginya kerana telah mempamerkan kesedaran warga Malaysia yang menjangkau batasan kaum dan agama dan sikap bertoleransi saling hormat-menghormati harus dijadikan teladan yang patut dicontohi oleh semua pihak pentadbiran universiti.

Selain itu, otonomi siswa-siswi dan “self-determination” dengan izin pelajar patut merupakan satu petunjuk demokrasi yang penting. Naib Canselor sekiranya memainkan peranan sebagai fungsi penindas terhadap pelajar dan kebebasan akademik, maka sistem pengajian tinggi negara kita cuma mewujudkan warganegara yang tidak berpandangan persendirian, mengelakkan tanggungjawab dan hak mereka di samping kekurangan daya mengkritik.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan alih kepada isu perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta gulung Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Banyak lagi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi dengan cepatnya.

Dalam ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat menteri Kewangan telah berkata bahawa pembinaan rumah kos rendah terus di beri keutamaan, selaras dengan dasar kerajaan untuk menyediakan tempat tinggal berkualiti yang mencukupi dan mampu dibeli atau disewa oleh rakyat Malaysia .

Apa yang tidak disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah bahawa rancangan pembinaan rumah sentiasa “off target”, kadang-kadang lebih teruk daripada off target South Pole Jump. Pada 18 Februari tahun ini Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berkata bahawa hanya 20.49% sasaran pembinaan rumah kos rendah

sederhana telah dicapai dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan berakhir tahun ini. Ini bukanlah kali pertama rancangan perumahan menjadi off target. Tanpa satu keinginan politik yang kuat, saya rasa keadaan sedemikian amat sukar diperbetulkan.

Pada 23 Jun tahun lalu bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Datuk Ting Chiew Peh telah mengumumkan bahawa “colour coding demerit point system” akan dilaksanakan sebelum hujung tahun 1999. Menurut laporan akhbar, sistem ini akan melarang pemaju-pemaju perumahan dengan rekod yang tidak baik menjalankan projek baru selama 4 atau 6 tahun. Pengarah-pengarah yang telah disenaraihitamkan juga tidak akan dibenarkan untuk menubuh syarikat perumahan baru.

DAP mengalu-alukan cadangan ini yang boleh memberi perlindungan kepada pihak pembeli di samping memastikan ketelusan industri perumahan. Oleh itu, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah menjelaskan kepada Dewan ini apakah sebabnya beliau telah tolak cadangan ini yang sebenarnya telah sedia dilaksanakan? Apakah sebabnya kepentingan pihak pembeli diketepikan?

Pelaksanaan Housing Development Account telah berjaya mengelakkan ulangan kejadian projek perumahan terbengkalai semasa kegawatan ekonomi. Cadangan baik hendaklah dilaksanakan. Kerajaan hendaklah memastikan dalam perkara “demerit point system” prioriti hendaklah diberi kepada kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, ya saya akan pendek, tambah sedikit sahaja yang lain saya akan potong. Tuan Yang di-Pertua, Gejala rasuah boleh menjejaskan usaha untuk membangunkan negara, oleh itu usaha gigih hendaklah diambil untuk membanteraskan masalah ini. Akan tetapi, gejala rasuah di peringkat bawah tidak akan dapat dibanteraskan dengan efektifnya sekiranya kejadian rasuah yang berlaku di peringkat tinggi pemimpin-pemimpin politik tidak dapat ditangani.

Demi untuk menunjukkan keinginan politik kerajaan untuk membasmi rasuah, tanpa mengira ‘si kancil’ atau ‘naga’, saya dengan ini membuat dua cadangan seperti berikut untuk pertimbangan kerajaan. Yang

pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia tuduhan yang dibuat oleh bekas Timbalan Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim bahawa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak dihadapkan ke Mahkamah kerana campur tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun siasatan BPR telah menunjukkan terdapatnya kes *prima facie* untuk menuduh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas rasuah di bawah seksyen 2(2) Ordinance 22, 1970.

Kedua, kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasatan Parlimen yang dianggotai oleh semua parti untuk menyiasat dakwaan sogokan RM10.6 juta kepada Telekom Malaysia Berhad oleh Mitsui & Co berkaitan dengan kontrak membekalkan papan suis telefon.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebenarnya ada tiga tajuk lagi, boleh saya habiskan berkenaan dengan saudara Lim Guan Eng ini, boleh yang akhir sekali, saya pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebab ini mengenai bekas seorang Ahli Parlimen, akhir sekali minta, sebab saya tahu tak ucap dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat

Tuan Kerk Kim Hock: Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Okeylah, terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

12.07 tgh.

Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apabila mengimbas kembali ucapan belanjawan 2000 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia saya amat optimis berkeyakinan bahawa ekonomi negara kita telah pulih kembali walaupun belum lagi pulih sepenuhnya. Ini adalah petanda baik dan berkat kecekapan

serta kecekalan pemimpin-pemimpin kita yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Pihak pembangkang yang berada di sana tu, haruslah memberi tabik hormat kepada Perdana Menteri sebagai tanda penghargaan atas kejayaan beliau dan kerajaan kerana telah berjaya mengangkat martabat maruah bangsa Malaysia setaraf dengan bangsa-bangsa yang lain di dunia. Belanjawan ini juga seharusnya menjadi iktibar dan keinsafan kepada kita semua bahawa negara yang kita duduki ini adalah milik kita semua. Justeru ini sama ada pihak kerajaan mahupun pembangkang harus merenung jauh akan masa depan kita, negara serta anak bangsa kita. Janganlah kerana kepentingan politik semata-mata perkara yang baik pun dilakukan oleh kerajaan akan menjadi tidak baik bagi pihak pembangkang.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangkit.

Tuan Moktar bin Radin: Tidak ada laluan dulu buat sementara waktu. Nanti saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak ada laluan, sila teruskan.

Tuan Moktar bin Radin: Kempen pilihan raya sudah selesai marilah sama-sama kita tumpukan segala perhatian kita kepada membangunkan negara dan anak bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kemampuan serta kemapanan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telah teruji utuh, kukuh, teguh dan kuat serta bertoleransi dalam semua bidang kerana adalah menjadi suatu perkara mustahil bagi kita untuk melihat kemakmuran dan kestabilan masyarakat seperti Malaysia boleh hidup dalam keadaan aman, damai dan harmoni. *[Seorang Ahli bangun]* Sekejap lagi. Sebagai negara majmuk, ataupun berbilang kaum kita boleh hidup dalam suasana yang lebih terjamin. Ini jika

dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia mereka tinggal dalam satu bangsa, satu agama tetapi boleh bunuh membunuh antara satu sama lain.

Justeru itu saya ingin mengajak pemimpin-pemimpin pembangkang yang berada di sebelah sana itu agar jangan terlalu extreme dalam perjuangan mereka kerana bumi yang kita pijak ini adalah milik kita. Kita tidak punya negara lain, ini adalah tanah tumpah darah kita. Kalau bukan kita yang mempertahankannya siapa lagi yang kita harapkan. *[Tepuk]* Kita semua harus sedar dan menerima hakikat bahawa kuasa-kuasa besar yang selalu didewa-dewakan oleh pihak pembangkang akan sentiasa menunggu peluang dan mengintai-intai di sebalik kemajuan yang kita kecapai. Pihak pembangkang tidak harus terikut-ikut dengan rentak dan tarian pemimpin-pemimpin negara luar seperti Amerika Syarikat. Apakah ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang sanggup bertuankan pemimpin dari negara lain. Kalau ini berlaku sayalah orang pertama yang akan menentang kemungkaran ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang terutama sekalinya DAP jangan terlalu menyempitkan daya pemikiran mereka sehingga tidak ada isu pun dijadikan isu sensasi sehingga bukan lagi busut, tanah rata pun dijadikan gunung, seinci jadi sedepa. Apakah DAP telah tidak relevan lagi atau apakah DAP masih dalam kejutan dengan kehilangan Lim Kit Siang dan Karpal Singh.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ada yang bangun Yang Berhormat

Tuan Moktar bin Radin: Silakan ini kita beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
Silakan.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Apakah yang dimaksudkan dengan tiada isu dan mengemukakan satu isu oleh kerana DAP tiada lagi isu yang lain. Apa yang dimaksudkan isu tersebut.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih, ini saya tunggu peluang pertanyaan seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tidak ada

isu penggunaan bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan 'boleh masuk sikitkah' dijadikan isu sensasi di mana saya mahu pihak pembangkang terutama sekali DAP buktikan di Dewan ini di mana silapnya ungkapan-ungkapan yang saya gunakan, saya mohon tanya. Saya perdebatkan, saya beri ruang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
Jangan berdebat ya, Kalau minta penjelasan, minta penjelasan. Kita tidak boleh berdebat.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat dari Kinabatangan, saya ingin memohon penjelasan apakah itu bahasa Melayu yang sopan, digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Memang itu adalah bahasa, saya tidak nafikan itu bukan bahasa. Apakah itu bahasa yang sopan, yang sesuai, yang munasabah digunakan di Dewan ini dari satu Yang Berhormat kepada Yang Berhormat. Apakah kata-kata itu satu kata yang bersopan yang harus digunakan di Dewan yang mulia ini yang sepanjang masa tidak pernah digunakan oleh mana-mana Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Cukup- cukuplah tu.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih saya tidak tahu, saya bagi gambaran yang jelas kepada Yang Berhormat daripada mana ini, Batu Gajahkah, Kota Gajahkah.

Beberapa Ahli: Batu Gajah.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, Batu Gajah. Kita masuk dalam bilik, bilik bersempit- sempit kita tolak orang depan, permisi, saya masuk sikit, masuk sikit yang saya maksudkan dalam Dewan ini adalah untuk meminta laluan berbicara bukan saya ada maksud atau

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Moktar bin Radin: Nanti dulu, saya belum bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ini ramai ni dia tengah bercakap tu..

Tuan Moktar bin Radin: Duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ..
saya sebelum panjanglah, saya hendak.. ...

Tuan Moktar bin Radin: Bukan bererti saya mahu masuk apa-apa, buat apa saya hendak masuk mana-mana, saya hendak masuk berhujah, berbicara itu yang saya maksudkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
Duduk, duduk, dua-dua duduk.

Tuan Moktar bin Radin: Okay sudah saya perjelaskan .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang perjelaskan pun duduk. Minta duduk, duduk dulu, sebelum saya suruh menyambung apa minta duduk tiga-tiga. Duduk dulu. Saya ingat perkara ini telah pun berpanjangan, Speaker pun dah jawab dalam akhbar dan sebagainya. Tak guna kita panjangkan. Maknanya kalau kita bahaskan perkara ini nampaknya isu kita terlalu kecil dalam dunia di Malaysia ini. Bercakap hal itu sahaja. Saya rasa elok kita menyentuh perkara yang lain dan kita ketepikanlah perkara yang demikian rupa. Kalau saya lihat, kalau ini diperbahaskan berpanjangan, akhbar pun keluar berpanjangan maka seolah-olah kita ahli mesyuarat ini bercakap benda yang begitu remeh, sedangkan perkara penting banyak perlu kita ketengahkan. Jadi pandangan Speaker yang Kerusi telah buat keputusan dan tak usahlah dipanjang-panjangkan. Saya ingat itu perkara yang baiklah patut dituruti. Jadi saya rasa inilah Yang Berhormat patut fikir baik-baiklah. Jadi eloklah teruskan cakap yang lainlah.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

Puan Fong Po Kuan : Minta penjelasan.

Tuan Moktar bin Radin: Sebenarnya tidak salah ahli-ahli Yang Berhormat jadi pembangkang di sana dan saya berkeyakinan insya-Allah ahli-ahli pembangkang yang duduk di sebelah sana akan terus jadi pembangkang dan akan terus duduk di sana kerana kita Barisan Nasional tidak ada hasrat untuk menidakkan species pembangkang ini di Dewan yang mulia ini.

[Tepuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Berkaitan dengan apa yang dibahas.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan bimbang Datuk Speaker, saya tidak akan tergelincir daripada landasan kerana

kita datang ke Dewan ini hendak membawa permasalahan-permasalahan rakyat, masalah-masalah yang ditunggu-tunggu oleh rakyat supaya kita dapat selesaikan. Saya tertarik dengan sahabat saya daripada Kinabatangan yang begitu bersemangat berlainan dengan hari-hari yang lain dan mendapat perhatian daripada gadis-gadis dengan izin di sebelah sana. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat yang bercakap dengan tegas, hebat, tatap menarik dengan bahasa bakunya, saya tahu Sabah terkenal dengan bahasa baku.

Saya merasakan Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawasanya kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah sekian lama disenangi bukan sahaja oleh sebilangan besar rakyat di negara ini, bahkan negara-negara jiran sampai orang Siam, orang Thailand memuji kepimpinan Perdana Menteri kita dan tadi Yang Berhormat ada menyentuh beberapa perkara yang telah sentiasa ditekankan oleh kerajaan Barisan Nasional. Kita memperjuangkan semua kaum, tak kira apa bangsa sekalipun.

Saya rasa Yang Berhormat mungkin setuju dengan saya, tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Kota Melaka yang begitu beria-ia, yang begitu bersemangat seolah-olah DAP sahaja yang memperjuangkan permasalahan sekolah-sekolah China ini. Jadi saya rasa kita tahu di sebelah sana ada Barisan Alternatif yang turut didukung oleh parti-parti rakan-rakan kongsi mereka. Tetapi saya lihat tak tahu sama ada parti-parti daripada Barisan Alternatif ini hanya berdiam diri berhubungan persoalan sekolah-sekolah China ini. Seolah-olah tergambar kepada kita hanya DAP yang memperjuangkan masalah kaum China, yang lain itu bagaimana? Adakah ini satu suasana yang boleh dijadikan role model kepada pembangkang tidak seperti Barisan Nasional, UMNO, baik semua parti kita bersatu seia sekata. Sekian terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Okay fahamlah. Jadi sebetulnya inilah dalam Barisan Alternatif ini memang tidak ada satu unjuran apabila sesuatu isu yang dihadapi memang berlaku ada yang mendiamkan diri, bukan macam dalam Barisan Nasional apabila berlaku isu masyarakat kaum Cina, UMNO dan MIC juga bersedia untuk turut serta menyertai menyelesaikan permasalahan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh saya dapat penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Oleh kerana perkara ini telah disebut, sekolah Cina, di Kelantan sekolah Cina ada beberapa buah, saya rujuk satu buah di Chung Hwa di Kota Bharu yang telah memohon untuk mendapatkan tanah, membeli tanah bersebelahan sekolah itu pada masa Barisan Nasional dan tidak pernah diluluskan dan telah pun diluluskan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz. Begitu juga sebuah sekolah Cina di Kuala Krai telah memohon untuk memiliki tanah kerajaan dan telah dipohon semasa Barisan Nasional dan tidak diluluskan dan telah diluluskan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz dan sekolah - kalau tidak silap saya, Sekolah Menengah Tinggi Chung Hwa di Kok Lanas yang memohon untuk mendapatkan bantuan kerajaan dan juga tapak tambahan juga telah mendapat kelulusan yang sama.

Ini adalah satu gambaran yang...Yang Berhormat semua boleh dapati sebagai satu dasar yang konsistan pada pihak kami untuk memberikan, soalnya adakah Yang Berhormat yang bercakap itu begitu faham ataupun tidak ataupun dia dapat fakta ataupun tidak, saya suka nasihatkan Yang Berhormat untuk masuk pada tajuk yang begitu penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalan saya yang akhir sekali, penjelasan saya yang akhir sekali ialah yang saya pohon, Yang Berhormat ada sebut bahawa kita telah maju di bawah pemerintahan Barisan Nasional, soalan saya ialah jika sekiranya sumber-sumber negara kita digunakan dengan lebih optimun. Umpamanya wang Petronas dalam buku ini sendiri, adakah Yang Berhormat baca pada muka surat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah tidak payah rujuklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Peruntukan untuk Perwaja pada tahun ini ialah RM1.167 bilion dan Yang Berhormat tahu bahawa Perwaja mengikut laporan Price Waterhouse telah pun mempunyai liabiliti hampir RM7 bilion dan kerugian RM2.9 bilion. Pada masa yang sama pada tahun ini kita memperuntukan RM1.167 bilion. Adakah pada pandangan Yang Berhormat

kalau kita menggunakan wang ini dengan lebih optimun, negara kita lebih maju.

Jadi kalau Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Cukuplah.

Tuan Moktar bin Radin: Jadi kita di Barisan Nasional ini memang relevan, kita proaktif dan positif. Apabila ada dilakukan kelulusan sekolah oleh Kerajaan PAS, kita ucapkan tahniah kepada Kerajaan PAS di Kelantan. Tetapi sebetulnya baru dua tiga buah sekolah, Barisan Nasional sudah bina sekolah termasuk Yang Berhormat sendiri menduduki sekolah kerajaan, sekolah Barisan Nasional sehingga mendapat ijazah sehingga pada hari ini dan telah menjadi wakil rakyat. Sementara....

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini mengarut Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Rompin berdiri dahulu. *[Disampuk]*

Tuan Moktar bin Radin: Saya persilakan Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak apa Yang Berhormat sana boleh masuk dalam Internet kalau tidak sempat bercakap di sini. Ini Kinabatangan, kita nampak pada hari ini berbeza sangat PAS, dia hendak bekerjasama pulak memperjuangkan orang Tionghua. Sekarang bekerjasama dengan DAP, dulu bila kita bekerjasama dengan MCA.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia mengarut Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia buat soalan. Saya tahulah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berilah saya bercakap, itu hak saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kadang-kadang semua menurut belaka.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dahulu kalau kita bekerjasama dengan MCA, haram, dengan Tionghua haram, hari ini lain pula lagunya, dondang sayang, sebab sudah boleh dengan DAPlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Persoalannya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh saya berikan penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, saya sudah tanya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh saya dapat penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu bukan cara peraturannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak boleh Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Rompin ini, rendah sangat, dua darjah sahaja stepnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sama-sama serupa sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat berilah hak saya, ini demokrasi, tadi Yang Berhormat bercakap saya dengar, kalau Yang Berhormat benar ahli demokrat, saya bercakap Yang Berhormat dengar pula, barulah saya menghormati Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Persoalannya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Persoalannya saya hendak bertanya adakah ini tidak konsisten. Dahulu cakap lain, lagu lain, sekarang sudah lagu, dulu lain sekarang lain, ini apa mungkin parti dahulu lain dan sekarang lain, tukar nama PAS ini.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih. Saya jawab sedikit, memang seluruh rakyat di negara kita di Malaysia ini tahu bahawa Barisan Alternatif ini tidak konsisten, tidak relevan itu sebablah mereka ditolak di Dewan yang mulia ini dan mereka kekal menjadi pembangkang sehingga pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun jadilah pembangkang yang positif dan relevan, kita menerima kritikan tetapi biarlah kritikan itu benar-benar ikhlas, membina dan memberi kebaikan janganlah menuduh membuta tuli dan menyalahkan kerajaan seratus per cent semua kita ada peranan, ada tugas jalankanlah dengan baik dan hari ini saya melihat...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Kubang Kerian bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Belum lagi sekejap. Hari ini saya melihat wakil rakyat bagi Kuala Kedah ada relevan sedikit dia telah memberi pandangan secara jujur dan kita terima. Kalau ini yang dapat dilakukan saya berkeyakinan wakil rakyat Kuala Kedah ini akan panjang dalam Dewan ini tetapi di situ sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada soal pokok tetapi ini tidak ada kena mengena dengan Pokok Sena kerana pokok yang saya mahu bicarakan ini terdiri daripada pokok-pokok besar yang boleh memberi perlindungan kepada rakyat di seluruh negara ini. Sementara Pokok Sena adalah terdiri daripada ranting-ranting yang rapuh dan tidak menjanjikan kepastian.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pokok besar sudah kena tebang dahulu. Duduk belah nuu!.

Tuan Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Belanjawan tahun 2000 adalah merupakan Belanjawan yang menampakkan kerajaan amat prihatin dan penuh keikhlasan kerana untuk memastikan pembangunan di kota raya, di bandar-bandar, di pekan-pekan dan di kampung-kampung dapat diseimbangkan. Peruntukan untuk pembangunan luar bandar telah dipertingkatkan. Adalah tepat pada masanya agar RM129 juta untuk pembekalan air bersih di kawasan luar bandar agar dapat diagih-agihkan secara berkesan.

Di kawasan saya di Kinabatangan, khususnya masih banyak kampung yang belum mendapat bekalan air bersih. Dengan peruntukan yang sedia ada ini ianya akan dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Kubang Kerian bangun lagi.

Tuan Moktar bin Radin: Silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya cukup sedihlah dengan keadaan di kawasan Yang Berhormat dan saya sudah dengar daripada 'Kampar', kedudukan sekolah orang India, Kapar, daripada Sarawak semalam, daripada Miri, Yang Berhormat daripada Sarawak ada dua orang berucap, keadaan jalan raya di Sarawak, persekolahan, keadaan kesihatan tetapi mukadimah ucapan

semua Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional telah membawa kemajuan, telah membawa pembangunan, hujungnyanya semua cakup kawasan saya tidak ada itu, kawasan saya tidak ada ini, apa makna ini?

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih. Sebetulnya bukan semua tidak ada, daripada seratus yang tidak ada dua puluh, lapan puluh sudah ada. Jadi itulah Barisan Nasional dia konsisten, berterusan sampai akhir masa, dulu kini dan selamanya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Klinik pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan bangun mencelah begitu sahaja.

Tuan Moktar bin Radin: Saya tidak mahu beri laluan lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu teruskan ucapan sama ada daripada Barisan Nasional mahupun dari pembangkang tidak ada laluan lagi.

Demikian juga dengan peruntukan sebanyak RM153.84 juta untuk pembinaan klinik desa, rumah bidan dan lain-lain kemudahan ianya tanpa dapat membantu meningkatkan tahap kesihatan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita amat beruntung mempunyai tahap kesihatan yang amat baik jika dibandingkan dengan tahap kesihatan di sebahagian negara-negara sedang membangun. Kita juga sedar bahawa untuk melahirkan generasi cemerlang, kesihatan rakyat merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan. Ibarat kata pepatah Arab yang bermaksud 'akal yang sihat datangnya daripada badan yang sihat'. Justeru itu pihak kerajaan harus memastikan kesihatan rakyat terjamin daripada sebarang ancaman wabak penyakit. Ini termasuklah langkah-langkah ke arah penyediaan hospital, pusat kesihatan dan lain-lain lebih penting ialah penerapan ilmu kesihatan di kalangan rakyat negara ini.

Saya juga ingin bagi pihak masyarakat Kinabatangan merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas pembinaan hospital baru di daerah Kinabatangan. Sesungguhnya dengan pembinaan Hospital Daerah Kinabatangan yang serba canggih mampu untuk menampung permasalahan kesihatan masyarakat di daerah Kinabatangan khususnya. Namun berdasarkan kepada tinjauan saya, adalah didapati segala kelengkapan yang serba canggih

di hospital daerah berkenaan tidak mempunyai sebarang makna tanpa kakitangan yang mencukupi untuk tujuan operasi.

Pihak Kementerian Kesihatan harus peka dengan tuntutan semasa hospital berkenaan yang mana pada ketika ini mempunyai kekurangan kakitangan untuk menyediakan sebuah hospital yang serba baik ini. Adalah amat malang bagi sebuah hospital daerah yang baru siap dibina tidak mempunyai seorang pemandu ambulan manakala seorang jururawat terpaksa melaksanakan tugas sebagai operator telefon pada masa yang sama. Saya yakin dan percaya, di bawah kepimpinan kerajaan yang ada sekarang ini segala permasalahan kecil seumpama ini dapat diatasi dengan segera dan adanya kesedaran demi untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berbangga pada hari ini, masalah kegawatan ekonomi mampu ditangani secara berkesan oleh pihak kerajaan. Pemulihan ekonomi negara kita begitu rancak jika dibandingkan dengan negara jiran yang lainnya. Di Dewan ini saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia di atas tindakan untuk menolak tawaran kewangan IMF. Kita amat khuatir dengan anasir luar yang cuba untuk menyelinap masuk serta campur tangan urusan negara kita ini disebabkan oleh sikap sombong dan cemburu mereka akan kejayaan kita.

Usaha-usaha untuk merencanakan iklim perniagaan terutama sekali di kalangan masyarakat usahawan bumiputera seharusnya digiatkan oleh kerajaan. Peluang-peluang perniagaan serta bimbingan keusahawanan wajar diperluaskan khusus untuk kaum bumiputera. Ini untuk memastikan pembabitan semua golongan masyarakat dalam bidang perniagaan bagi menjamin pembahagian kekayaan sama rata. Saya juga ingin mengesyorkan agar Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan merangka satu dasar untuk memberi peluang kepada usahawan tempatan sahaja layak untuk melaksanakan projek pembangunan di bawah RM1 juta. Dengan dasar atau arahan seumpama ini, mampu membantu masyarakat usahawan kelas menengah untuk lebih berjaya dan yang penting adalah untuk memastikan projek pembangunan kerajaan dapat dilaksanakan tanpa sebarang kelewatan dan kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, bidang sukan tidak harus diketepikan. Peranan sukan mampu menjadi pengantara serta mempereratkan tali siraturahim di kalangan masyarakat, ia juga mampu untuk memperagakan imej negara kita di mata dunia. Namun pihak kerajaan harus menyediakan kelengkapan serta kemudahan bersukan secara lebih tersusun. Adalah diharapkan dengan wujudnya tempat-tempat bersukan secara sistematik mampu melahirkan atlet-atlet yang berpotensi dan berdaya maju demi untuk mengharumkan nama negara di mata dunia. Kita juga berharap agar Kementerian Belia dan Sukan mampu merancang pelan jangka panjang untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan sukan. Pendekatan sukan sebagai bidang kecemerlangan hidup wajar dipelopori demi untuk melahirkan masyarakat berdaya maju dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, dan akhir sekali seperkara yang tidak kurang penting adalah usaha ke arah menyediakan negara kita sebagai syurga pelancongan. Kita amat bangga pada hari ini negara kita amat dikenali di merata dunia. Kebanjiran pelancong asing merupakan petanda baik terutama dari sudut pemulihan ekonomi negara. Lantaran itu kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sewajarnya melipat gandakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan rantau ini. Daerah Kinabatangan yang dipenuhi dengan hidupan semula jadi wajar diberi perhatian dan keutamaan dalam aktiviti perancangan kerajaan.

Malian Basin yang merupakan lembah yang terunik di dunia patut dipromosikan dan diusahakan sebagai daya tarikan pelancong asing. Usaha-usaha ke arah penyediaan sistem perhubungan menuju ke destinasi serta kelengkapan tempat tinggal yang selesa wajar diterokai oleh pihak terbabit. Saya juga ingin mencadangkan agar Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat memelopori sukan berkayak, berperahu lasak dengan menggunakan aliran Sungai Langgah ke Inarad yang dikenal pasti sesuai sebagai satu-satunya daya tarikan utama pelancong asing ke daerah Kinabatangan.

Di samping itu usaha mempromosikan aktiviti-aktiviti masyarakat tempatan dalam kemahiran memungut sarang burung di Gua Gomantong ataupun the Gomantong Cave dan kehidupan monyet proboscis di hutan liar

Kinabatangan wajar diperluaskan di kalangan pelancong asing. Usaha ini mampu memperkenalkan negara kita di mata dunia dan sekaligus membantu masyarakat bumiputera tempatan menyediakan peluang dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, wakil Kinabatangan mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Permatang Pauh.

12.25 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Setiap Belanjawan sepatutnya mencerminkan konsep dan pendekatan kepada pembangunan yang diamalkan di sesebuah negara. Belanjawan 2000 memperlihatkan beberapa ciri-ciri pembangunan yang wujud di Malaysia sejak beberapa desawarsa yang lalu. Belanjawan 2000 ada juga mengandungi unsur-unsur keadilan dalam beberapa langkah yang bertujuan mengagihkan kekayaan negara secara tidak langsung serta memberi perhatian kepada beberapa sektor ekonomi secara menyeluruh tetapi tumpuan besar ialah kepada sektor perniagaan khususnya perniagaan-perniagaan besar. Ada juga terdapat unsur cuba melindungi kepentingan awam dalam beberapa hal tetapi kepentingan kelompok atau individu nampaknya lebih diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, harus dijelaskan bahawa kita tidak sama sekali menentang pertumbuhan ekonomi malah kita faham pertumbuhan ekonomi adalah penting terutamanya bagi negara-negara yang sedang membangun. Tanpa pertumbuhan ekonomi yang pesat, Malaysia tidak mungkin dapat membebaskan sebahagian besar rakyat desa dan bandar daripada belenggu kemiskinan. Pertumbuhan ekonomilah yang merupakan anak kunci kepada kejayaan beberapa negara di rantau Asia Tenggara dan Asia Timur. Kegagalan mencapai pertumbuhan yang memberangsangkan adalah antara faktor yang membantut pembangunan beberapa negara-negara lain di Asia.

Tidak dinafikan bahawa perniagaan terutamanya perniagaan besar boleh memainkan peranan penting dalam menggerak ekonomi. Dalam konteks negara kita, bidang perniagaan telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Boleh dikatakan kepentingan diri juga merupakan motivasi yang kuat dalam perkembangan ekonomi dan kemajuan hidup.

Kemajuan materialistik membantu mempertingkatkan kesejahteraan hidup dalam bentuk prasarana dan barang-barang pemilikan.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna apa yang kita pertikaikan bukanlah pertumbuhan ekonomi ataupun kemajuan materialistik. Yang kita pertikaikan adalah susunan keutamaan dan penekanan kerajaan dalam perancangan ekonomi dan strategi Belanjawannya. Yang menjadi persoalan ialah falsafah dan nilai-nilai pembangunan yang mendorong pimpinan kita dan perancang-perancang ke arah tertentu. Bagi kami, lima perkara utama yang harus dijadikan garis panduan dalam penggubalan dasar pembangunan dan Belanjawan adalah seperti berikut:

Pertama – Pengagihan kekayaan perlu diberi keutamaan kerana sebahagian daripada masyarakat kita masih daif dan menderita. Dalam sebuah negara yang begitu kaya dengan sumber asli tidak harus ada segolongan manusia yang boleh disifatkan sebagai miskin mutlak.

Kedua – Pembangunan tulen adalah pembangunan yang menyeluruh di mana wujudnya keseimbangan antara semua sektor. Sektor pertanian dan makanan pada satu pihak dengan perniagaan dan perindustrian pada pihak yang lain. Industri kecil dan sederhana pada satu pihak dan perniagaan korporat pada satu pihak yang lain. Sektor swasta pada satu pihak dan sektor awam pada pihak yang lain.

Ketiga – Begitu juga kepentingan awam dan kesejahteraan golongan terbanyak harus mendahului kepentingan peribadi atau kumpulan-kumpulan tertentu. Itulah sebabnya ahli ekonomi yang terkenal, John Gahrve pernah berhujah bahawa apabila kepentingan-kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu mengatasi kesejahteraan awam, mutu hidup akan terus merosot.

Keempat – Ini bermakna bahawa kita harus mempertahankan nilai-nilai yang mulia dan murni seperti keadilan dan keikhlasan. Bagi Barisam Alternatif, ekonomi yang memanfaatkan manusia adalah ekonomi yang berteraskan prinsip al-adil wal-ihsan.

Kelima – Apabila prinsip ini diabaikan, insan yang seharusnya merupakan sasaran utama proses pembangunan akhirnya diabaikan dan dijadikan sebagai alat untuk matlamat-matlamat yang sempit dan cetek. Bagi kita yang memperjuangkan kefahaman ekonomi dan pembangunan yang

berteraskan nilai-nilai murni, pengiktirafan dan penghormatan terhadap insan sebagai Khalifah Allah adalah prinsip mutlak. Oleh kerana manusia merupakan Khalifah Allah, persekitarannya haruslah disesuaikan dari segi keperluan-keperluan hidup untuk membolehkan menunaikan tanggungjawabNya atas bumi ini iaitu menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah positif. Oleh kerana Belanjaawan 2000 tidak mengenyahkan insan, kita mengalu-alukan beberapa langkah positif yang berkaitan dengannya. Antaranya kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10%, melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan serta meningkatkan kadar imbuhan tetap perumahan sebanyak 50% kepada kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah. Pesara dan penerima pencen akan turut mendapat manfaat daripada kenaikan 10% gaji kakitangan perkhidmatan awam, kenaikan kadar biasiswa dan pinjaman di antara 10% hingga 65% untuk pelajar-pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dan MARA di 15 buah negara, bantuan pinjaman dan pendahuluan dinaikkan untuk pelajar-pelajar institut pengajian tinggi swasta dan institut pengajian tinggi awam juga.

Peruntukan sebanyak RM125 juta bagi menyediakan bekalan air kepada penduduk desa yang akan memberi manfaat kepada 30,000 keluarga di seluruh negara. Sistem *wireless in local loop*, dengan izin, juga diperkenalkan ke kawasan desa. Projek ini oleh Telekom Malaysia yang bernilai RM318 juta membolehkan 120,000 pelanggan termasuk pelanggan di kawasan pedalaman menikmati kemudahan perkhidmatan telefon. Peruntukan sejumlah RM30.5 juta untuk pembangunan dan kebajikan Orang Asli. Ini tidak termasuk sejumlah RM46 juta yang disediakan bagi projek penempatan semula kampung-kampung Orang Asli dan projek sosio-ekonomi seperti projek bekalan air bersih.

Inflasi yang mengancam mutu hidup rakyat dikawal pada kadar 2.8 % berbanding dengan 5.3% pada tahun 1998. Pengangguran berkurangan daripada 3.2% kepada 3%. Rizab negara meningkat daripada US\$20.2 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada US\$33.8 bilion pada 24 Februari 2000 yang mampu membiayai 6.4 bulan import tertangguh. Ketersediaan kami mengakui

pencapaian-pencapaian dalam Belanjawan dan pengurusan kewangan negara menunjukkan bahawa kami bersikap seimbang dalam menilai prestasi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan untuk memperbaiki Belanjawan. Oleh kerana kita adil dalam membuat penilaian, izinkan saya mengemukakan beberapa cadangan-cadangan untuk memperbaiki Belanjawan 2000:

- (i) Paras pendapatan yang dikecualikan cukai harus ditingkatkan kepada RM12,000 setahun daripada RM8,000 yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan. Ini memandangkan kepada kos hidup di bandar-bandar besar dewasa ini dan 60% daripada rakyat kita adalah penghuni bandar.
- (ii) Paras pengecualian cukai pendapatan bagi suri rumah sepenuh masa harus dipertingkatkan sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan mereka kepada masyarakat. *[Tepuk]*
- (iii) Sepertimana dicadangkan oleh bekas Ketua Pembangkang, Saudara Lim Kit Siang, gaji untuk Konstabel polis harus dinaikkan daripada RM485 sebulan bagi golongan yang berpendapatan paling rendah kepada RM800 sebulan sebagai gaji minimum. *[Tepuk]* Ini adalah untuk menjaga integriti, maruah dan imej pasukan polis. Dengan gaji yang munasabah, anggota-anggota polis dan keluarga mereka dapat hidup selesa tanpa digoda oleh gejala rasuah dan sebagainya.
- (iv) Kenaikan pencen untuk 400,000 pesara dan penerima pencen kepada RM500 sebulan minimum. Kebanyakan pesara ini kini hanya menerima di antara RM250 dan RM400 sebulan. Ini adalah lebih rendah daripada paras kemiskinan rasmi iaitu RM425 sebulan untuk isi rumah yang mengandungi 4.2 anggota di Semenanjung

Malaysia dan RM375 sebulan untuk Sabah dan Sarawak.

Rakan-rakan saya yang lain daripada Parti Keadilan akan mengemukakan beberapa cadangan-cadangan yang lain tentang pekerja, peniaga-peniaga kecil dan sederhana, golongan korporat, golongan profesional, petani, nelayan dan kumpulan-kumpulan masyarakat yang lain yang bertujuan mempertingkatkan taraf hidup mereka.

Saya akan beralih sekarang kepada lima persoalan masyarakat yang perlu diberi perhatian khusus dalam Belanjawan dan dasar ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan. Walaupun ucapan Belanjawan mendakwa bahawa paras kemiskinan kita telah merosot daripada 8.5% kepada 6.9% dari tahun 1998 ke tahun 1999. Kami berpendapat bahawa kemiskinan mutlak masih merupakan salah satu daripada cabaran yang dihadapi negara kita. Beberapa ahli-ahli ekonomi berpendapat bahawa peratusan yang dilingkungan dalam kategori miskin mutlak mungkin kurang tepat. Ini adalah kerana mereka kurang yakin tentang takrif 'miskin mutlak' yang digunakan kini.

Mentakrifkan 'miskin mutlak' berdasarkan pendapatan bulanan RM425 bagi isi keluarga 4.2 di Semenanjung dan RM375 untuk isi keluarga yang sama di Sabah Sarawak tidak menggambarkan keadaan sebenar. Di kawasan luar bandar pun pendapatan ini mungkin tidak mencukupi untuk menyara perbelanjaan bulanan, apatah lagi di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur di mana kos saraan hidup jauh lebih tinggi. Kita perlu kaji semula paras kemiskinan yang diguna pakai dewasa ini dan menggubal suatu takrif 'kemiskinan mutlak' yang mengambil kira perbezaan taraf hidup antara bandar besar, pekan kecil, kawasan desa dan kawasan pedalaman.

Takrif baru ini juga harus memberi perhatian kepada keperluan-keperluan asas dengan erti kata luas. Selain daripada perbelanjaan untuk makanan, pakaian dan perlindungan, perbelanjaan untuk pendidikan dan rawatan perubatan juga perlu dititikberatkan. Dari segi jangka panjang, cabaran yang berpunca daripada kemiskinan mutlak mungkin kurang serius jika dibandingkan dengan masalah kemiskinan relatif.

Statistik yang ada menunjukkan bahawa jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin semakin lebar. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh daripada 1996 kepada 2000, Gini Coefficient iaitu kaedah yang digunakan untuk mengukur jurang kekayaan menunjukkan bahawa jurang perbezaan telah bertambah buruk daripada 0.462 pada tahun 1995 kepada 0.470 pada 1997. Pemilikan kekayaan 40% penduduk di peringkat bawah telah berkurangan daripada 13.4% kepada 12.8% manakala pemilikan kekayaan 40% di peringkat pertengahan telah merosot daripada 34.7% kepada 33.7%.

Pada masa yang sama, pemilikan kekayaan 20% penduduk di peringkat atasan telah bertambah daripada 51.9% kepada 53.5%. Ini bermakna bahawa kekayaan negara makin terpusat di kalangan segelintir rakyat di peringkat atasan. Yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya kemiskinan relatif ataupun jurang perbezaan kekayaan inilah yang mengancam kestabilan politik dan ketenteraman sosial. Itulah sebabnya kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang berkesan dari sekarang untuk menangani masalah tersebut. Kekecewaan sebahagian daripada pengundi-pengundi dengan kerajaan dalam pilihan raya yang kesepuluh sebenarnya berpunca daripada kemiskinan relatif ini. Sebahagian daripada penyelesaian kepada cabaran kemiskinan relatif juga relevan dalam usaha mengatasi kemiskinan mutlak, mempertingkatkan produktiviti terutamanya di kalangan pesawah dan peladang, memperkuat penguasaan golongan miskin terhadap aset-aset ekonomi seperti tanah dan sumber-sumber asli yang lain, mempertingkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah dan memperluaskan peluang untuk golongan miskin, memperolehi pendidikan dan kemahiran-kemahiran yang tinggi nilai pasarannya sudah tentu akan membantu mengatasi masalah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

Untuk mengurangkan jurang perbezaan antara kaya dan miskin, kita juga harus memperbaiki mobiliti sosial supaya golongan-golongan di peringkat bawah boleh menyertai kelas menengah dengan lebih mudah. Proses memperbanyakkan kelas menengah harus diteruskan di samping mengambil langkah-langkah konkrit untuk memastikan bahawa segelintir

jutawan tidak menguasai ekonomi negara. Lebih khususnya ini bermakna bahawa kerajaan harus memberikan sokongan yang lebih berkesan kepada peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha dan profesional-profesional di peringkat pertengahan daripada golongan atasan.

Tuan Yang di-Pertua, Perumahan. Mengikut Belanjawan 2000, pembinaan kos rendah terus diberi keutamaan selaras dengan dasar kerajaan untuk menyediakan tempat tinggal berkualiti yang mencukupi dan mampu dibeli atau disewa oleh rakyat Malaysia terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini, sejumlah RM4.3 bilion disediakan di bawah beberapa dana khas seperti Tabung Perumahan untuk Rakyat Termiskin, Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah, Tabung Khas Rumah Kos Rendah dan Sederhana serta Dana Perumahan Kos Rendah Syarikat Perumahan Negara. Setakat ini sejumlah 35,000 unit telah siap dibina dan kira-kira 52,000 berada di pelbagai peringkat pembinaan di bawah pembiayaan tabung-tabung tersebut. Ini petikan. Laporan daripada Belanjawan ini tidak memberi gambaran yang lengkap tentang prestasi yang sebenar dalam bidang perumahan.

Dalam akhbar *The Star* 19 Februari 2000, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting mengaku bahawa hanya 20.49% daripada rumah kos rendah sederhana yang dianjurkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah siap dibina. Lebih khususnya, ini bermakna bahawa hanya 71,713 unit kos rendah sederhana dibina daripada sasaran 350,000 unit sebaliknya rumah kos sederhana dan tinggi yang dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh melebihi sasaran yang ditentukan oleh kerajaan. Sekali lagi ini menunjukkan bahawa kerajaan lebih berorientasikan kepada kepentingan golongan atasan. Sikap ini adalah salah satu daripada faktor mengapa kita tidak dapat mengatasi masalah perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Kita berharap bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menunjukkan keazaman politik yang lebih menyerlah untuk memenuhi keperluan asas rakyat kita ini. Pemaju-pemaju perumahan juga harus digalakkan memberi keutamaan kepada projek-projek kos rendah sederhana. Dalam hubungan ini,

kami mencadangkan penubuhan sebuah Perbadanan Pembangunan Perumahan dengan geran pelancaran RM1 bilion khususnya untuk mengatasi masalah perumahan golongan miskin secepat mungkin. Perbadanan ini dipertanggungjawab untuk menyelaras usaha sektor swasta dalam pembinaan perumahan dan menyediakan pinjaman-pinjaman rendah untuk membolehkan golongan miskin khususnya membeli rumah. Selain daripada operasinya di peringkat persekutuan, perbadanan yang dicadangkan ini juga harus berfungsi di peringkat negeri dan Wilayah Persekutuan. Kita yakin bahawa sekiranya badan ini menjalankan tugasnya dengan cekap, berkemungkinan besar kita dapat mengatasi masalah perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam tempoh waktu yang singkat, insya -Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Kesihatan. Dalam rawatan kesihatan negara, sistem rawatan kesihatan negara ada pada persimpangan jalan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pernah mengiktiraf Sistem Rawatan Kesihatan Malaysia sebagai salah satu daripada sistem yang paling berjaya di kalangan negara-negara yang sedang membangun berdasarkan access rawatan kesihatan asas dan pengagihan kemudahan-kemudahan rawatan kesihatan tetapi masa depan sistem ini menjadi tanda tanya memandangkan kepada penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan hospital dalam lima bidang pada tahun 1996 dan ura-ura bahawa kerajaan sedang mencari jalan lain untuk membiayai Sistem Rawatan Kesihatan Awam kita termasuk pengkorporatan hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan. Ini telah menimbulkan kerisauan dan kebimbangan bukan saja di kalangan kakitangan Sistem Rawatan Kesihatan Awam tetapi juga di kalangan orang ramai. Sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia membantah sebarang usaha untuk mengkorporatkan hospital-hospital dan klinik-klinik awam kita sekiranya proses ini menuju ke arah memperdagangkan commercialization rawatan kesihatan awam. Mereka mahu mempertahankan rawatan kesihatan awam sebagai tanggungjawab sosial kerajaan dan access kepada sistem rawatan kesihatan awam sebagai hak asasi manusia sepertimana yang terkandung dalam pengisytiharan ALMA-ALTA.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kerajaan membuat keputusan muktamad tentang pendekatan baru kepada pembiayaan rawatan kesihatan awam, satu

Analisa Kos Faedah, dengan izin, Cost Benefit Analysis bebas harus dilakukan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan rawatan kesihatan yang telah pun diswastakan setakat ini. Ini termasuk stor perubatan awam (general medical store) untuk pembelian ubat dan lima perkhidmatan sokongan hospital iaitu laundry, alat perkakas hospital (hospital equipment), penyelenggaraan kemudahan (facilities maintenance), perkhidmatan cucian (cleaning services) dan perkhidmatan pembuangan sisa klinikal (clinical waste disposal). Apakah benar bahawa kos operasi lima perkhidmatan sokongan hospital telah naik sebanyak lima kali ganda selepas penswastaaan? Pada masa yang sama kerajaan harus membuat kajian mendalam tentang pengorporatan Institut Jantung Negara (IJN) dan melaporkan kepada Parlimen tentang kelebihan dan kekurangan pengkorporatannya. Semakan dan laporan bebas juga perlu tentang pengkorporatan Hospital Universiti Malaya - ini tempat lama saya, jadi terasa teringat pula, khususnya kesan-kesan pengkorporatan terhadap rawatan pesakit, kepuasan kerja doktor dan kakitangan yang lain dan kos pembiayaan dan penyelenggaraan hospital.

Oleh kerana persoalan-persoalan penting ini tentang pengkorporatan dan penswastaaan dalam bidang rawatan kesihatan awam belum dijawab, badan-badan seperti Persatuan Doktor-doktor Malaysia (MMA) dan Persatuan Jururawat Malaysia selain daripada beberapa badan-badan bukan kerajaan yang bergabung dalam Citizens Health Initiative, dengan izin, enggan menerima sebarang perubahan kepada pembiayaan rawatan kesihatan awam tanpa perundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam sistem rawatan khasnya dan orang ramai amnya.

Saya menggesa Menteri Kesihatan memulakan proses perundingan yang seluas-luasnya dengan masyarakat Malaysia tentang masa depan sistem rawatan kesihatan awam. Kerajaan harus memastikan bahawa sebarang perubahan kepada sistem ini akan melahirkan sistem rawatan kesihatan yang lebih baik, lebih cekap, lebih berkesan dan lebih adil kepada semua lapisan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, Alam Sekitar. Keadaan alam sekitar menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat yang prihatin. Petunjuk-petunjuk alam sekitar membuktikan bahawa mutu alam sekitar pada

keseluruhannya telah merosot. Sikap tamak haloba, ketiadaan undang-undang yang berkesan, kelembapan dalam pelaksanaan peraturan-peraturan yang sedia ada, amalan rasuah selain daripada sikap cuai sebahagian daripada masyarakat kita telah membawa kesan negatif terhadap perhutanan, perikanan, perairan dan udara kita. Dua krisis alam sekitar yang berlaku dalam desa warsa 90-an telah mencerminkan keadaan sebenar mutu alam sekitar kita dewasa ini. Masalah jerebu yang menghadapi negara kita tiga tahun lalu walaupun berpunca dari negara jiran kita tidak dapat dipisahkan daripada masalah-masalah domestik seperti kesesakan lalu lintas di Lembah Klang. Amalan pembakaran secara terbuka, kelembapan pelaksanaan undang-undang dan sikap cuai. Begitu juga krisis air yang menghadapi penghuni-penghuni Lembah Klang pada tahun 1997 mendedahkan kelemahan tertentu dalam pengurusan sumber-sumber semula jadi yang terhad.

Adalah mengecewakan bahawa sampai saat ini kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan belum menggubalkan satu dasar yang menyeluruh tentang pengurusan, pengagihan dan penyelenggaraan pembekalan air di negara kita. Beberapa langkah-langkah harus diambil untuk memulihkan dan memelihara alam sekitar kita antaranya :

- (i) Menasihatkan semua kerajaan negeri mewartakan kawasan tadahan air yang mencukupi dengan secepat mungkin.
- (ii) Menggubal undang-undang yang lebih berkesan untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian alam semula jadi, dengan izin, bio-diversity.
- (iii) Meminda Akta Perlindungan Alam Sekitar supaya kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dijadikan sebagai prasyarat sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Ini bermakna bahawa EIA harus dilakukan pada peringkat projek dirancang dan bukan selepas keputusan untuk melaksanakan projek telah dibuat.

Selain daripada langkah-langkah ini, kita tidak dapat memelihara dan melindungi alam sekitar selagi tidak wujud satu kesedaran di kalangan pemimpin dan rakyat yang benar-benar memahami hubungan antara manusia

dan alam dan betapa pentingnya alam sekitar yang sempurna dalam kehidupan seseorang insan.

Tuan Yang di-Pertua, Rasuah. Sepertimana kita gagal melindungi alam sekitar, kita juga belum berjaya membanteras rasuah terutamanya rasuah di kalangan elit politik dan ekonomi. Rasuah di kalangan elit sukar dihapuskan sekiranya elit sendiri tidak berpegang kepada prinsip-prinsip etika yang tinggi sama ada dalam pengurusan perniagaan mereka ataupun dalam kegiatan-kegiatan politik mereka. Untuk memerangi rasuah dalam konteks negara kita kini, teladan yang baik daripada kepimpinan politik sama ada di kalangan pemerintah ataupun pembangkang amatlah penting. Mereka harus membuktikan melalui tingkah laku mereka dan bukan dalam ucapan-ucapan semata-mata bahawa mereka bersungguh-sungguh dalam usaha membanteras rasuah. Undang-undang yang sedia ada terutamanya Akta Anti Rasuah, Akta Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi harus dipinda untuk membolehkan wartawan-wartawan, aktivis-aktivis masyarakat dan orang awam tampil ke depan membongkarkan rasuah yang berlaku di kalangan mereka yang kuat, kaya dan berpengaruh tetapi langkah yang paling berkesan ialah mewujudkan sebuah badan yang benar-benar bebas daripada kawalan eksekutif yang diketuai oleh seorang yang berwibawa yang diberi tanggungjawab membanteras rasuah tanpa perasaan takut dan pilih kasih. Badan anti rasuah yang dicadangkan ini harus menyiasat dan melaporkan terus kepada Parlimen tanpa menunggu lampu isyarat daripada mana-mana pihak sebelum tindakan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan diancam. Apakah benar bahawa sekiranya kita membanteras rasuah, memelihara alam sekitar, mempertahankan sistem rawatan kesihatan awam yang pro rakyat, menyediakan perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana dan mengurangkan jurang perbezaan antara kaya dan miskin, pertumbuhan dan pembangunan yang kita capai sekian lama akan terancam sekiranya kita membebaskan rakyat dari perangkap kemiskinan, menyediakan perumahan untuk mereka, menjaga kesihatan mereka dan memastikan bahawa masyarakat tidak dihinggapi oleh rasuah dan alam sekitar tidak dicemari. Saya percaya rakyat dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada pertumbuhan dan pembangunan negara Malaysia yang dicintai ini.

Kami berpendapat bahawa pengagihan yang adil tidak semestinya bercanggah dengan pertumbuhan yang pesat. Kita dapat mencantumkan kedua-dua matlamat ini sekiranya kita menggubal dasar-dasar dan memilih projek-projek yang wajar. Sebagai contoh, rancangan perumahan besar-besaran untuk rakyat bukan sahaja menyumbang kepada keadilan, bahkan juga memesatkan pertumbuhan. Begitu juga sekiranya kita melancarkan pemodenan sistem kereta api di Semenanjung atau projek rangkaian jalan raya di Sabah dan Sarawak ia akan menguntungkan rakyat dan sekali gus memperkuat pertumbuhan ekonomi. Ini yang kita maksudkan dengan pertumbuhan melalui pengagihan pembangunan dengan keadilan.

Pilihan bagi rakyat bukan pembangunan atau keadilan. Kita boleh menikmati kedua-duanya sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Sila gulung Yang Berhormat. Sila gulung.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Lagi lima minit, gulung ya, sedikit lagi.

Kerjasama tiga hala – untuk mencapai pembangunan yang adil kita perlukan kerjasama tiga hala antara sektor awam, swasta dan komuniti. Sektor awam yang sedia ada yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara harus diperbaiki lagi untuk mencapai matlamat ini. Selain daripada gaji dan ganjaran yang munasabah langkah-langkah juga harus diambil untuk mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan sektor awam. Sektor awam harus dijadikan lebih telus dan lebih bertanggungjawab (accountable).

Dalam hubungan ini, performance auditing harus diperkenalkan sebagai kaedah untuk mempertingkatkan prestasi sektor awam. Melalui perubahan dan pembaharuan kita dapat meyakinkan masyarakat bahawa sektor awam masih merupakan penggerak dan pemangkin utama dalam pembangunan negara. Negara-negara seperti Sweden, Denmark dan Belanda beberapa reformasi telah dilakukan kepada sektor awam untuk mempertingkatkan keberkesanan atas premis bahawa kesejahteraan khalayak ramai tidak dapat dilindungi tanpa sektor awam yang berwibawa.

Sektor swasta adalah pengiring sektor awam dalam transformasi masyarakat. Suasana yang sesuai harus diwujudkan untuk memastikan bahawa

industri perniagaan dan badan-badan iktisias dapat tumbuh dan berkembang tanpa gangguan politik dan karenah birokrasi. Keuntungan daripada perniagaan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang hak dan halal harus digalakkan. Pada masa yang sama pihak swasta harus berpegang kepada nilai-nilai etika juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masa Yang Berhormat cukuplah.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Just a little bit. Sedikit lagi. Ini bermakna bahawa prinsip ketelusan dan tanggungjawab perlu diamalkan dengan erti kata yang sebenar. Sektor ketiga dalam pembangunan negara terdiri daripada kesatuan-kesatuan sekerja, badan-badan NGO dan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Sebagai komponen-komponen penting dalam masyarakat madani mereka boleh menyumbang kepada pembangunan melalui kegiatan-kegiatan mereka yang lebih berkesan bagi mempertahankan hak asasi manusia, mempertingkatkan kesedaran rakyat tentang prinsip dan amalan keadilan dan menyatupadukan masyarakat berbilang dan agama. Peranan ini penting kerana sektor ketigalah yang sering mengingatkan sektor awam dan sektor swasta tentang tanggungjawab mereka yang lebih besar kepada rakyat dan memastikan bahawa pembangunan tidak tergelincir daripada landasan sebenar. Untuk membolehkan ketiga-tiga ini terutama NGO dan pertubuhan-pertubuhan sukarela, peranan mereka, syarikat-syarikat besar harus digalakkan menyumbang satu persen daripada keuntungan bersih mereka setiap tahun kepada penyokong-penyokong aktiviti golongan-golongan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Cukuplah Yang Berhormat ya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Parit Sulong.

12.29 tgh.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan - belanjawannya Jumaat lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menghuraikan banyak langkah strategik untuk memperkasakan ekonomi negara dan mencemerlangkan lagi martabat bangsa

Malaysia di abad ke-21. Satu dari aspek tersebut ialah mengenai pembinaan bangsa Malaysia yang gagah menerusi pembangunan sumber manusia yang boleh menguasai maklumat dan juga pembangunan usahawan Malaysia yang kelak boleh menguasai keekonomi (knowledge economy).

Lantaran itulah maka dihuraikan soal-soal strategi memperkukuhkan negara dari ancaman globalisasi serta soal-soal penyediaan prasarana pembangunan desa, pembangunan generasi, pembangunan sumber manusia, pembangunan usahawan dan peningkatan mutu hidup rakyat jelata yang secocok dengan kebangkitan dunia tanpa sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, *Think-Tank* – sehubungan dengan ini saya berasa bangga kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa melancarkan strategi, dasar serta tindakan yang mendepani zaman. Contohnya, adalah penubuhan kumpulan pemikir ataupun *Think-Tank*, dengan izin, di Kementerian Kewangan untuk menyediakan satu pelan tindakan strategik bagi perancangan strategi, dasar serta tindakan menangkis cabaran globalisasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat boleh sambung petang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Minta Parit Sulong sambung.

14.32 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita berehat untuk Zohor dan makan saya telah pun menjelaskan bahawa saya merasa bangga kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa melancarkan strategi, dasar dan tindakan yang mendepani zamannya. Contohnya, adalah penubuhan Kumpulan Pemikir ataupun 'Think Tank', dengan izin, di Kementerian Kewangan untuk menyediakan Pelan

Tindakan Strategik bagi perancangan, strategi, dasar serta tindakan menangkis cabaran globalisasi.

Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak membuat huraian lanjut mengenai penubuhan 'Think Tank' ini di dalam ucapannya Jumaat lalu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan beberapa pertanyaan mengenai 'Think Tank' ini dan juga menyampaikan beberapa cadangan yang mungkin boleh diambil kira sebagai sebahagian dari garis panduan kepada 'Kumpulan Pemikir' yang berkenaan.

Soalan saya yang pertama, siapakah yang akan mengetuai Pasukan Pemikir tersebut? Kedua, apakah skop tindakan pasukan tersebut? Adakah hanya tertumpu kepada cabaran-cabaran globalisasi terhadap kelangsungan sektor ekonomi, kewangan, perdagangan dan sektor-sektor lain yang berkaitan dengannya? Ketiga, berapa lamakah tempoh yang diberikan kepada pasukan berkenaan untuk menyediakan rumusan cadangan serta perakuannya sebelum diserahkan kepada kerajaan untuk tindakan selanjutnya?

Cadangan saya mengenai Pasukan Pemikir ini pula adalah seperti berikut. Pertama, pasukan tersebut hendaklah mengambil kira perakuan serta cadangan lain-lain organisasi yang sesuai di Malaysia. Umpamanya, pasukan tersebut sewajarnya mengadakan sesi percambahan minda ataupun brain storming, dengan izin, dengan organisasi bukan kerajaan (NGOs) seperti kumpulan-kumpulan usahawan besar, kecil dan sederhana, kumpulan pemikir di luar kerajaan, tokoh akademik terkemuka dan juga ahli-ahli politik. Saya yakin usaha sedemikian akan menghasilkan satu pelan tindakan yang benar-benar strategik dan berkesan.

Pelan Induk K-Ekonomi – Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyatakan di dalam ucapannya Jumaat lalu bahawa Kementerian Kewangan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu untuk menyediakan Pelan Induk K-Ekonomi Negara yang dijangka siap perakuannya dalam tempoh enam bulan. Satu pasukan petugas juga telah diwujudkan di Kementerian Kewangan untuk mengenal pasti projek-projek berkualiti tinggi, termasuk projek-projek K-Ekonomi yang layak diberi galakan istimewa, cukai ataupun bukan cukai. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu K-Ekonomi dan

pasukan petugas mengenai projek-projek bermutu ini memang amat disanjung tinggi. Bagaimana pun, saya mempunyai beberapa pandangan seperti berikut:

Pertama, kedua-dua badan di atas mestilah mengambil kira agenda bumiputera di dalam perakuan dan tindakannya. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agenda IT Bumiputera iaitu satu badan *ad-hoc* untuk memperhebatkan penyertaan bumiputera di sektor perniagaan IT, saya merayu semoga pandangan serta pendapat jawatankuasa ini juga sudi diterima oleh kedua-dua badan berkenaan. Jawatankuasa Agenda IT Bumiputera yang ditaja penubuhannya oleh Kementerian Pembangunan Usahawan beberapa bulan sebelum Pilihanraya Umum 1999 dianggotai oleh kebanyakan profesional dan usahawan bumiputera yang terlibat di dalam industri IT ataupun di dalam bidang kejuruteraan, perekaan sistem, perekaan perisian dan juga beberapa pemimpin sektor korporat terkemuka.

Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa mesyuarat dan telah mengenal pasti banyak masalah yang perlu diatasi untuk memperkasakan penyertaan bumiputera di sektor IT dan multimedia. Di antara masalah usahawan bumiputera di bidang IT ialah kekurangan kemudahan modal teroka atau dengan izin, venture capital dan ketiadaan agenda khusus membantu pembangunan bumiputera di dalam industri IT dan multimedia itu sendiri. Sebab itulah jawatankuasa tersebut telah menaja sebuah kertas kerja mengenai penyertaan bumiputera dalam industri IT dan multimedia yang dibentangkan di Kongres Bumiputera Keempat di Kuala Lumpur tahun lalu. Pandangan serta perakuan jawatankuasa ini telah pun dirangkumkan ke dalam resolusi kongres tersebut dan sudah pun disampaikan kepada pihak kerajaan. Saya harap Jawatankuasa Pemandu K-Ekonomi dan juga pasukan petugas seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Jumaat lalu akan merujuk secara teliti kepada seluruh resolusi kongres berkenaan.

Deklarasi WTO mengenai E-Commerce - Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya kedua kepada Jawatankuasa Pemandu K-Ekonomi dan pasukan petugas mengenal pasti projek-projek berkualiti termasuk projek-projek K-Ekonomi ialah mengenai E-Commerce dan Organisasi Perdagangan Dunia atau dengan izin, World Trade Organization (WTO). Kita sedia maklum bahawa WTO telah pun meluluskan satu keputusan mengenai E-Commerce

sejagat pada 20 Mei 1998. Keputusan yang dikenali sebagai *The WTO Declaration On Global Electronic Commerce*, dengan izin, membolehkan WTO kini mengembangkan agenda perdagangannya meliputi E-Commerce. Sebab itulah WTO kini mewujudkan beberapa rancangan kerja yang komprehensif mengenai E-Commerce untuk dibincangkan di dalam Millennium Round tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti kita semua insaf bahawa WTO adalah satu dari banyak perkakas Barat untuk mewujudkan, dengan izin, Western supremacy, dan, dengan izin, Western dominance di serata jagat menerusi agenda perdagangan antarabangsa. Kita juga insaf bahawa sehingga kini WTO kelihatannya diperalatkan oleh pihak Barat untuk menindas mana-mana negara yang tidak disukainya menerusi agenda perdagangan yang berkenaan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap semoga Jawatankuasa Pemandu K-Ekonomi yang telah pun diwujudkan oleh Kementerian Kewangan meneliti dengan rapi segala implikasi Deklarasi WTO mengenai E-Commerce sejagat ini.

Proses penelitian ini penting dilakukan sekarang dan segera untuk membantu negara kita menyiapkan apa jua bentuk perlindungan yang boleh diberikan kepada usahawan Electronic-Commerce di Malaysia tidak lama lagi. Proses penelitian tersebut juga penting dijalankan sekarang dan segera untuk membolehkan kerajaan bersikap proaktif menerusi penggubalan peraturan ataupun undang-undang yang difikirkan perlu mengenai operasi E-Commerce di negara kita.

Seterusnya proses yang saya cadangkan ini juga penting sebagai senjata melindungi perkembangan E-Commerce Malaysia sekiranya Millennium Round WTO kelak mengambil satu ketetapan atau banyak ketetapan mengenai Electronic-Commerce yang tidak adil terhadap negara-negara membangun seperti Malaysia.

Keselamatan Digital- Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang ketiga mengenai K-Ekonomi ialah mengenai keselamatan digital ke atas seluruh laman web yang kelak diwujudkan sebagai jentera pelaksanaan K-Ekonomi atau Electronic-Commerce di negara kita. Dua, tiga tahun yang lalu saya pernah berucap di Dewan yang mulia ini mengenai keselamatan data yang

berkaitan dengan pelaksanaan Electronic - Government ataupun Kerajaan Elektronik. Hasil daripada pembacaan yang saya lakukan, saya yakin dan saya percaya bahawa soal keselamatan merupakan satu dari aspek penting di dalam pembangunan serta pelaksanaan sebarang aplikasi digital seperti Electronic-Commerce, Electronic-Government ataupun Digital Transaction dan sebagainya.

Minggu lalu saya terbaca sebuah tulisan di dalam majalah *Time* mengenai bagaimanakah beberapa laman web terkemuka di dunia baru-baru ini telah pun dicerobohi oleh hackers secara berkesan. Menurut majalah tersebut, apabila pencerobohan dilakukan ke atas sebuah syarikat Internet Service Provider (ISP) terkemuka di Amerika Syarikat, maka beberapa syarikat Electronic-Commerce yang menggunakan perkhidmatan service provider tersebut telah mengalami banyak masalah transaksi.

Peristiwa pencerobohan ini bukan sahaja mengundang panik, malahan mengundang FBI untuk menyiasatnya. Oleh kerana masalah pencerobohan komputer kini disifatkan oleh banyak pihak telah mencapai ke tahap paling kronik, Presiden Bill Clinton sendiri telah memanggil satu mesyuarat khas dengan para pemimpin perusahaan IT, pakar keselamatan IT serta pegawai kerajaan Amerika Syarikat untuk menentukan pendekatan terbaik menangani masalah hackers atau penceroboh komputer. Memang kita semua sedia maklum hackers sentiasa bermaharajalela. Hakikatnya demikian kerana dunia maya atau alam siber adalah satu dunia jahiliah tanpa undang-undang. Pada waktu yang sama, peristiwa pencerobohan laman web di Amerika Syarikat yang berulang kali tidak seharusnya dikhuatiri kerana mereka mempunyai pakar untuk menangani dengan segera. Lagipun hackers di negara tersebut lazimnya merupakan pakar-pakar IT yang liar yang cuba menguji kapakaran masing-masing menerusi pencerobohan ke laman web atau sistem organisasi milik syarikat yang besar-besar.

Bagaimana pun Tuan Yang di-Pertua, beberapa pakar pencegah hackers ini kini berpendapat bahawa proses pencerobohan atau hacking kini mungkin didasari oleh niat-niat komersil atau pun niat sabotaj. Hakikat inilah yang perlu diambil perhatian serius oleh semua pihak di Malaysia sekiranya mahukan satu pelaksanaan E-Commerce secara berkesan di negara kita kelak.

Oleh itu, izinkan saya merayu kepada pihak kerajaan, curigailah hakikat sabotaj ataupun hakikat yang berniatkan komersil yang boleh dilaksanakan terhadap sebarang aplikasi digital di negara ini. Apabila Electronic-Commerce dilaksanakan secara meluas di Malaysia kelak, titik- beratkanlah soal keselamatan. Jangan diizinkan sistem di Malaysia kelak disabotaj oleh mana-mana pihak yang cemburu dengan kejayaan Malaysia di dalam memajukan industri IT dan aplikasinya.

Dana Industri Teknologi Tinggi untuk bumiputera - Dalam ucapannya Jumaat lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menghuraikan soal wujudnya Dana Teknologi Tinggi. Menurut beliau, wang sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan untuk dana tersebut. Sejumlah RM200 juta disalurkan menerusi Bank Negara Malaysia, RM50 juta menerusi Maybank Bhd. RM50 juta lagi menerusi Bank Bumiputera Commerce Bhd. dan RM200 juta disalurkan menerusi Bank Industri dan Teknologi Malaysia Bhd. Dana RM200 juta yang disalurkan menerusi Bank Industri dan Teknologi Malaysia Bhd. adalah terbuka kepada syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia sebagai modal teroka bagi membiayai pembangunan kilang dan pembelian loji, jentera dan kelengkapan bagi sektor teknologi tinggi.

Kenyataan di atas menimbulkan beberapa persoalan yang strategik. Contohnya, jika hanya RM200 juta yang disalurkan menerusi Bank Industri dan Teknologi Malaysia Bhd. sahaja yang terbuka kepada syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia, adakah ini bermakna bahawa sejumlah RM200 juta yang disalurkan menerusi Bank Negara Malaysia serta RM500 juta setiap satu yang disalurkan menerusi Maybank Bhd. dan Bank Commerce Bumiputera Bhd. itu tertutup kepada mana-mana syarikat milik rakyat Malaysia? Saya memerlukan penjelasan terperinci mengenai hal ini untuk mengelakkan sebarang kekeliruan yang mungkin akan timbul kelak.

Seterusnya, kenyataan tersebut juga memberikan satu gambaran bahawa tidak ada satu peruntukan dana yang khusus untuk syarikat-syarikat teknologi tinggi milik bumiputera. Adakah tanggapan ini benar? Jika tidak benar, harap perjelaskan di Dewan yang mulia ini. Jika tanggapan ini benar, izinkan saya merayu kepada Kerajaan semoga sebahagian dari dana Teknologi Tinggi ini dikhususkan kepada usahawan bumiputera.

Dalam hal ini saya berpendapat adalah wajar sekiranya pihak Kerajaan memperuntukkan 50% dari dana yang disalurkan menerusi Bank Industri dan Teknologi Tinggi Malaysia Bhd. iaitu sebanyak RM100 juta kepada usahawan bumiputera. Ini berkaitan dengan masalah yang kami telah pun buktikan bahawa usahawan-usahawan ICT ataupun IT bumiputera berhadapan dengan masalah modal teroka yang amat genting.

Sumber Manusia Untuk K-Ekonomi -

Bagi melicinkan proses peralihan kepada k-ekonomi, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan Jumaat lalu bahawa jumlah tenaga kerja berpendidikan IT perlulah ditingkatkan secukup-cukupnya. Dalam hal tersebut, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyatakan bahawa *“sistem pendidikan negara mesti memberi penekanan yang lebih ke arah mewujudkan pendidikan berkualiti demi melahirkan satu generasi tenaga kerja yang pintar dan berpendidikan”*.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyeru sektor swasta supaya tampil ke hadapan bagi melengkapkan usaha Kerajaan dengan menyediakan pelaburan berkaitan bagi memenuhi aspirasi negara ke arah mempercepat dan menjayakan peralihan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini memang sangat dialu-alukan terutama sekali apabila di dalam Belanjawan 2000 ini Kerajaan juga telah mewujudkan Tabung Pendidikan Khas sebanyak RM200 juta untuk membolehkan institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS memperolehi pinjaman mudah bagi membiayai pembelian jentera dan kelengkapan, perkakasan dan perisian komputer bagi kursus-kursus di bidang perubatan, kejuruteraan dan multimedia.

Penubuhan tabung seperti ini memang baik. Bagaimanapun, kerajaan perlu melaksanakan satu kajian komprehensif terhadap sistem pendidikan negara masa kini supaya sesuai dengan tuntutan masa depan. Saya telah menyatakan cadangan seperti ini sewaktu membahaskan Akta Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Dewan yang mulia ini pada hari Khamis yang lalu.

Cadangan berkenaan saya sarankan kepada Kementerian pendidikan apabila saya menghuraikan masalah prestasi pelajar bumiputera di dalam mata

pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, baik di peringkat peperiksaan UPSR, PMR ataupun SPM. Saya berpendapat bahawa hakikat kelemahan pelajar bumiputera ini perlu diatasi dengan segera menerusi dua pendekatan pada pandangan saya iaitu pendekatan jangka pendek dan pendekatan jangka panjang seperti berikut:

Pendekatan Jangka Panjang -

Kerajaan mestilah mengkaji secara menyeluruh sistem pendidikan yang dilaksanakan pada hari ini untuk dikenal pasti sama ada sistem yang hanya menitikberatkan peperiksaan itu masih sesuai dengan tuntutan masa depan.

Kajian ini juga perlu merangkumi persoalan kenapakah terbukti bahawa pencapaian pelajar bumiputera di setiap peringkat peperiksaan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains adalah lemah. Adakah, oleh kerana soal-soal logistik atau kemudahan-kemudahan yang tidak lengkap khususnya untuk sekolah-sekolah luar bandar ataupun oleh kerana kewujudan guru-guru yang kurang berpengalaman ataupun kurang berkemahiran untuk menangani soal ini.

Pendekatan Jangka Pendek -

Pelajar-pelajar bumiputera peringkat SPM jurusan sains yang lemah dalam Matematik dan Sains hendaklah diberikan kursus pemantapan dalam mata pelajaran tersebut, menerusi kursus-kursus persediaan seperti yang telah dilaksanakan oleh UiTM.

Tetapi oleh kerana kapasiti di UiTM adalah terhad, kerajaan hendaklah mengenalpasti lain-lain agensi yang melaksanakan agenda bumiputera seperti MARA untuk mengendalikan kursus persediaan dalam Matematik, Sains dan juga Bahasa Inggeris. Saya yakin hanya menerusi cara sebeginilah sahaja maka pelajar-pelajar bumiputera yang lemah dalam Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris boleh berpeluang meneruskan pendidikan masing-masing di peringkat lebih tinggi, sama ada di IPTA ataupun IPTS.

Sekiranya cadangan jangka pendek ini diterima, saya percaya lebih ramai anak bumiputera akan terlatih di bidang-bidang sains dan teknologi selaras dengan tuntutan zaman dan selaras dengan aspirasi kerajaan

mewujudkan lebih ramai tenaga kerja berilmu untuk menangani perkembangan zaman k-ekonomi.

Sebaliknya sekiranya cadangan ini dianggap remeh maka akan terpinggirlah anak-anak bumiputera dengan jumlah yang besar di dalam zaman di mana ilmu akan menjadi modal paling besar untuk kita menimba kekayaan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya serahkan segala masalah ini kepada kebijaksanaan kerajaan untuk meranganinya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Subang.

2.50 ptg.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya menyampaikan ucapan saya yang berkaitan dengan Anggaran Belanjawan tahun 2000. Anggaran Belanjawan tahun 2000 harus dipuji oleh semua pihak sebab ianya merupakan satu kenyataan Kerajaan Barisan Nasional yang ikhlas dan berwibawa. Belanjawan tersebut, dari pandangan saya, telah menewas segala bidas dan cela oleh pihak-pihak tertentu apabila dibentangkan pada Oktober lalu.

Tuduhan-tuduhan bahawa Anggaran Belanjawan dirancang oleh kerajaan hanya untuk memancing undi dan memikat rakyat, tidak benar sekali. Sebaliknya, Anggaran Belanjawan 2000 masa kini tidak berubah dan terus pegang kepada janji-janji yang terkandung di dalamnya. Syabas diucapkan kepada Menteri Kewangan kerana berani membuktikan kepada rakyat jelata bahawa kerajaan mampu dan ikhlas untuk memperkukuhkan lagi ekonomi negara demi kebaikan masyarakat Malaysia.

Anggaran Belanjawan 2000 adalah benar-benar Belanjawan orang ramai yang dapat memberi tumpuan seimbang dengan kehendak ekonomi berasas faktor-faktor industri, IT, liberalisasi dan globalisasi dan juga menentukan perkembangan sosial, kemanusiaan dan kerohanian. Jelaslah pihak Kementerian Kewangan mengambil berat tentang keseimbangan perkembangan ekonomi dan sosial supaya ciri-ciri yang telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara kukuh, stabil, berharmoni dan maju, dapat

dikekalkan dan memperbaiki lagi untuk mencapai wawasan 2020 dengan lancar.

Kita lihat dengan jelas selepas pilihan raya baru-baru ini, beberapa kumpulan yang bersikap negatif dan curiga terhadap motif kerajaan melaksanakan Belanjawan 2000. Tetapi tidak boleh dinafikan ianya membawa banyak manfaat kepada orang-orang Malaysia dan khususnya mereka yang memerlukan lebih bantuan kerajaan, seperti golongan luar bandar, golongan kurang bernasib baik, pesara, pelajar-pelajar pengajian tinggi dan kakitangan awam.

Saya sangat-sangat harap, kini mereka lebih sedar dan insaf bahawa kerajaan tidak main politik dengan masa depan mereka. Kerajaan berdaya memperbaiki keadaan ekonomi mereka dan sentiasa prihatin mengenai kebajikan mereka. Adakah mereka ini yang telah menikmati banyak kelebihan dan bantuan kerajaan, tertarik kepada kebudayaan tidak bersyukur atau '*bites the hand that feeds them*' dengan izin.

Saya ingin menonjolkan kepada masyarakat Malaysia dan khasnya mereka yang mengkritikkan dasar kerajaan sebelum ini, bahawa kerajaan dan pihak Menteri Kewangan yang sediakan Belanjawan ini bahawa dasar-dasar kewangan dan langkah-langkah berkaitan dengannya, telah berjaya meletakkan ekonomi negara ke arah pemulihan dan kemajuan yang lebih pesat. Didapati unjuran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Tuan Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat, ada yang bangkit Yang Berhormat, Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Boleh tanya sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia minta laluan.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Nanti sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak bagi. Sila.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Didapati unjuran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 4.3%, manakala mencapai i benar di tahap 5.4%. Juga, perdagangan negara mencapai lebihan yang berjumlah RM72.3 bilion –

satu angka terbesar yang pernah dicatatkan. Dengan itu, anggaran akaun semasa juga meningkat sebanyak RM47.4 bilion manakala rizab negara meningkat sebanyak US\$33.8 bilion, iaitu satu peningkatan sebanyak US\$13.6 bilion dalam tempoh 6 bulan sahaja. Kadar inflasi juga dapat dikawal pada 2.8% bagi tempoh yang sama.

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kita haruslah berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dengan prestasi ekonomi yang cemerlang seperti ini. Dengan adanya asas-asas ekonomi yang kukuh dan pemulihannya yang pesat, kita sedar bertambah baik kedudukan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga. Pada September 1998, komposit indeks BSKL terjatuh ke tahap terendah 262.7 mata tetapi semalam ianya melebihi 982 mata.

Bukan sahaja pelabur-pelabur luar dan dalam negeri lebih yakin kepada kebolehan Kerajaan mempertahankan dan memantapkan ekonomi negara tanpa bantuan IMF, tetapi jelaslah juga, Kerajaan Malaysia adalah kerajaan bervisi dan bertanggungjawab. Pemulihan BSKL memberi nafas baru kepada sektor swasta dan meringkankan sedikit sebanyak beban pihak sekuriti dan perbankan. Benarlah kita semua boleh senyum kerana suasana ekonomi cerah menjelang alaf baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada beberapa isu-isu utama terhadap Anggaran Belanjawan 2000. Jelaslah peruntukan sektor sosial merupakan sektor yang diberikan peruntukan terbesar. 32.1% atau hampir 1.3 dari belanjawannya dituju kepada pengurusan dan pembangunan sektor ini yang merangkumi bidang-bidang tersebut:

- Pendidikan
- Kesihatan
- Perumahan
- Kebudayaan
- Kebajikan Masyarakat
- Pembangunan Masyarakat dan Desa, dan lain-lain

Pendidikan, seperti biasa, mendapat peruntukan bagi pengurusan dan pembangunannya yang tertinggi iaitu 20.0%, diikuti dengan Kesihatan, Perkhidmatan, Kebajikan, Perumahan, dan lain-lain. Peruntukan bagi sektor

sosial berjumlah lebih daripada RM25 juta, mencerminkan betapa pentingnya sektor tersebut kepada Kerajaan. Langkah ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan jangka masa panjang, untuk menentukan perkembangan sosial, mental dan kerohanian, seimbang dengan kemajuan ekonomi dan infrastruktur negara.

Dalam pada itu, saya ingin menyuarakan satu kenyataan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa beliau membentangkan Belanjawan tahun 2000. Antara strategi-strategi utama, adalah meneruskan agenda sosial negara dan penjagaan alam sekitar. Pada peringkat awal lagi, beliau juga menyentuh terhadap dokumen Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 (LKHM) yang ada berkaitan dengan agenda sosial dan penjagaan alam sekitar.

Saya sangat mementingkan dokumen tersebut dalam konteks Belanjawan yang dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada satu penerbitan bertajuk *Indeks Kualiti Hidup Malaysia*. Penerbitan ini merupakan satu tahap pencapaian kerajaan yang sungguh membanggakan kita semua. Dokumen tersebut berkaitan dengan status dan ukuran kualiti hidup Malaysia. Ianya adalah satu pengukuran terbaru dan satu langkah yang canggih kerana ianya akan membawa negara kita ke status negara yang telah membangun. Dengan adanya IKHM sekarang kita boleh mengkaji bukan sahaja kemajuan ekonomi secara kuantitatif tetapi juga kemajuan sosial yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan kita.

IKHM dapat menggambarkan pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi yang benar dan objektif. Satu pembangunan yang menyeluruh dan seimbang. Hanya kerajaan yang yakin dengan prestasinya berani mencatatkan pencapaian konkrit yang boleh diteliti oleh mana-mana pihak yang berminat. Sebanyak 38 petunjuk telah digunakan dalam pengiraan indeks ini. Dengan gabungan pelbagai petunjuk, ia nya menjadi indeks komposit yang dapat menggambarkan arah aliran serta menunjukkan sejauh mana pembangunan telah tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak kelebihan apabila IKHM digunakan. Pertama, indeks tersebut mengukur secara kuantitatif pelbagai

sidang sosial masyarakat dan merangkumi banyak dimensi proses pembangunan. Statistik dikumpulkan dan dianalisis bagi tahun 1980 hingga 1998 untuk menilai kualiti hidup. Bidang-bidang yang dinilai adalah pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial dan keselamatan sosial. Sebelum ini kebanyakan aspek tersebut di atas dikaji secara kualitatif sahaja. Kini, kami dapat satu gambaran yang lebih konkrit, bermakna dan komprehensif.

IKHM juga menjelaskan secara konkrit perubahan sosio-ekonomi yang berlaku pada masyarakat Malaysia. Pada keseluruhannya terdapat peningkatan indeks kualiti hidup Malaysia dari 86.22% kepada 105.71% bagi tahun-tahun berkenaan iaitu dari 1980 ke 1998. Pada amnya, peningkatan indeks kualiti hidup sebanyak 22.6% ini merupakan satu perubahan mutu kehidupan yang amat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya boleh untuk masa depan, saya bercadang pihak berkenaan dapat mengaplikasikan IKHM ini untuk golongan tertentu seperti golongan luar bandar, kampung baru, kampung tambahan, setinggan dan estet. Ini adalah kerana penduduknya nampak ketinggalan dari arus pembangunan kawasan lain dan kualiti hidup mereka perlulah lebih tumpuan. Misalnya, dari satu kajian MIC di dapati kadar jenayah antara kaum India yang berhijrah dari estet ke kawasan pinggiran bandar dan kawasan setinggan adalah lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain.

Penduduk dalam kawasan setinggan juga mengadu terhadap suasana yang kurang memuaskan. Baru-baru ini, saya mengunjungi kampung-kampung setinggan di kawasan Parlimen Subang. Rumah buruk mereka, kekurangan bekalan air dan elektrik, masalah pengangkutan awam, persekolahan dan kesihatan adalah tanda-tanda terhadap mutu kehidupan yang kurang memuaskan.

Oleh yang demikian, perubahan kualiti hidup dalam beberapa golongan sosial tersebut di atas harus diberi lebih perhatian. Jika boleh, Kementerian Kewangan melalui Rancangan Malaysia Kelapan memberikan lebih peruntukan untuk memperbaiki kualiti hidup mereka dari segi kemajuan sosio-ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, dari IKHM 1998 ini, ada dua perkara yang harus diberi penuh perhatian. Apa yang membimbangkan adalah kedudukan tahap jenayah di negara ini. Dari laporan didapati jumlah jenayah bagi setiap seribu penduduk telah meningkat daripada 5.3% pada tahun 1980 kepada 7.2% pada tahun 1998. Peningkatan jenayah ini dipengaruhi oleh masalah sosial dan kemiskinan yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Perkara lain yang membimbangkan adalah kualiti alam sekitar, satu lagi pengukur kepada Indeks Komposit IKHM ini. Adalah jelas perkembangan faktor-faktor ekonomi lain mempengaruhi alam sekitar negara secara negatif. Baik sahaja bidang ini dapat diukur secara kuantitatif sekarang kerana pihak kerajaan boleh bertindak untuk memperbaiki keadaan ini secepat mungkin. Saya penuh yakin bahawa perancangan Kerajaan Malaysia masa akan dapat mengurangkan kesan-kesan buruk yang menjejaskan mutu hidup seluruh negara yang kami sayangi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tahap dua bidang tersebut, jenayah dan alam sekitar menunjukkan kedudukan negatif. Ini tidak bermakna Malaysia bersikap negatif terhadap bidang-bidang tersebut. Petunjuknya hanya indikator dan perubahan yang berlaku. Sepatutnya, jika kita meneliti secara mendalam dari segi perangkaan sahaja, tahap pencapaian mutu kehidupan di negara kita adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan negara-negara jiran seperti Filipina, Indonesia, Thailand dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya telah katakan tadi Belanjawan 2000 membayangkan komitmen kerajaan untuk terus berusaha untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Sama penting dengannya adalah objektif terus memperluaskan lagi konsep masyarakat penyayang demi kebaikan semua lapisan rakyat Malaysia. Kedua-dua objektif tersebut dari dahulu, sekarang dan masa-masa lama yang datang menjadi teras untuk penggubalan Dasar Pembangunan Ekonomi Negara dan perancangan pembangunan yang lain. Belanjawan 2000 membuktikan bahawa kerajaan mampu dan 'mencekal' kepada konsep-konsep tersebut melalui beberapa langkah baru dapat mengurangkan beban cukai individu dan koperasi. Penurunan kadar cukai pendapatan misalnya sebanyak satu mata peratusan diberi kepada semua kumpulan pendapatan cukai.

Walaupun, ekonomi negara semakin ‘pulih baik’ kerajaan terus bercadang memberi insentif baru kepada sektor swasta. Terdapat pengecualian cukai bagi pelbagai sektor perkhidmatan swasta untuk mencanggihtkan sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam simpulan saya ingin tegaskan betapa pentingnya kita rakyat Malaysia sentiasa berpadu dan bersikap toleransi. Negara kita telah mencapai tahap kehidupan dan ekonomi yang agak makmur dan matang walaupun sebuah negara yang masih muda. Perjalanan kita masa depan penuh dengan cabaran dan berbagai rintangan dari luar dan dalam negara. Kita semua perlu berganding bahu dengan kerajaan untuk terus menjamin kehidupan yang makmur dan aman dapat dikekalkan selama-lamanya. Kerajaan Barisan Nasional seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mempunyai track record, dengan izin, untuk memerintah dengan cemerlang dan akan terus berjuang demi kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian sahaja terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Padang Terap.

3.09 ptg.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih saya yang setinggi-tingginya kepada semua pengundi di Padang Terap, terutama sekali yang memilih saya sebagai wakil untuk menduduki di Kerusi Parlimen ini.

Tindakan pengundi memilih Barisan Alternatif adalah untuk menterjemahkan segala teguran serta melahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap para pemimpin Barisan Nasional yang telah menerajui pemerintahan selama 42 tahun tanpa memberikan banyak perubahan terhadap kehidupan mereka di Padang Terap.

Di Dewan yang mulia ini para wakil Barisan Nasional terus menuding jari ke arah Kerajaan Negeri Kelantan atas dakwaan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan gagal menaikkan taraf kehidupan rakyat, maka jari-jari itulah pada hakikatnya tertuding dengan sendirinya kepada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pimpinan Barisan Nasional kerana ia juga gagal menaikkan taraf hidup rakyat negeri Kedah, khususnya di kawasan Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, di Padang Terap terdapat seramai kira-kira 60,000 orang penduduk yang kebanyakannya adalah petani. Umumnya, mereka mendiami di rumah-rumah yang separuh siap. Pekerjaan penduduk sama ada menoreh getah, menanam padi atau mencari sumber pendapatan lain seperti berternak atau menjaja di pasar-pasar minggu. Ada di antara mereka berpendapatan antara RM12.00 sehari. Pendapatan yang sebanyak itulah digunakannya untuk menyara hidup keluarga yang terdiri di antara enam hingga sembilan orang.

Bayangkanlah, betapa daifnya keluarga ini. Mungkinkah anak-anak mereka memperolehi makanan dan pemakanan yang mencukupi bagi membina badan dan otak serta membesar dalam keadaan yang sihat seperti kanak-kanak di bandar. Mungkinkah generasi ini mampu menghadapi cabaran hidup alaf baru yang kompleks dan pesat itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperoleh pendapatan tambahan ada di antara ketua keluarga cuba mencari rezeki di hutan-hutan. Baru-baru ini, sekeluarga seramai enam orang telah masuk ke hutan untuk menangkap binatang-binatang atau memburu, semoga dengan itu pendapatan mereka pada hari itu akan bertambah. Mereka terserempak dengan burung pipit dada kuning, rezeki menyebelahi mereka, beberapa ekor burung tersebut dapat dipikat. Alangkah leganya perasaan mereka memperoleh rezeki yang tersebut. Lalu masing-masing bersyukur kepada Tuhan, malang tidak berbau, sebaik sahaja mereka keluar dari hutan, mereka terserempak pula dengan anggota polis, lalu mereka ditangkap dan diserahkan kepada pihak Jabatan Mergastua dan seterusnya dibawa ke hadapan pengadilan atas tuduhan menangkap atau menyimpan haiwan yang dilindungi.

Mereka telah dijatuhi hukuman denda sebanyak RM1,000 atau tiga bulan penjara pada tiap-tiap orang. Dua dari mereka dapat juga membayar

denda tersebut, sementara yang empat lagi itu kini, sedang merengkok di Penjara Alor Setar. Antara mereka ialah Mohamad Amin bin Abdul Manaf, dilahirkan pada 20 Mei 1981, penuntut Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Jalan Empangan Pedu, Kuala Nerang.

Seorang petani bekerja sebagai penanam sayur yang berpendapatan antara RM10 hingga RM15 sehari. Tinggal di sebuah pondok yang seluas lebih kurang 18 kaki persegi, bersama dengan empat orang anak dan seorang isteri yang bekerja di sebuah kilang di Seberang Perai, berulang alik antara rumah ke kilang, antara jam 4.30 pagi hingga 10.00 malam. Beliau didapati mengidap penyakit kencing manis yang sangat-sangat memerlukan rawatan. Namun, wang yang ada hanya cukup untuk membeli makanan serta membiayai anak ke sekolah. Cara yang paling singkat ialah menggunakan ubat-ubat akar kayu. Pada 26 Februari 2000, beliau meninggal dunia.

Inilah di antara kisah-kisah kehidupan yang dihadapi oleh sekumpulan manusia yang hidup di kawasan Parlimen P.007 yang bernama Padang Terap.

Walau apapun keadaannya, masyarakat di Padang Terap tetap berusaha untuk memberi pelajaran kepada anak-anak mereka, namun persekitaran tidak mengizinkan anak-anak mereka mencapai kelulusan yang lebih baik. Dalam peperiksaan yang baru-baru ini, ada di antara sekolah yang mendapat 0% kelulusan. Sebenarnya pencapaian yang dicapai oleh kanak-kanak di Padang Terap itu, belum boleh dibanggakan lagi oleh rakyat di Padang Terap malah rakyat di seluruh negara, masih terdapat banyak yang tercidir dan mereka dinafikan ke Tingkatan Empat dan Enam di sekolah masing-masing. Mereka dimasukkan ke Tingkatan Empat dan Enam masing-masing dalam keadaan yang tidak begitu meyakinkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2000, kerajaan telah mengambil kira tentang nasib para petani khususnya di luar bandar. Kita menyokong hasrat itu. Peruntukan sebanyak RM1,243.2 juta untuk sektor pertanian, saya kira masih belum mencukupi kerana ia apabila diagih ke seluruh pelosok kawasan yang dihuni oleh para petani, ia hanya merupakan gerimis yang sudah pasti tidak mampu membasahi bumi yang sudah lama gersang itu dan yang lebih malang lagi, jika pengagihan itu dilakukan secara tergesa-gesa kerana tujuan politik mengetepikan kepartian,. Kerajaan Barisan

Nasional haruslah belajar dari kesilapan-kesilapan yang telah lalu dan dalam menentu dan melaksanakan Dasar Pertanian Negara 3 ini.

Kerajaan harus sedar bahawa rakyat di desa-desa kini merupakan anak pesisir yang tidak cintanya lagi pada angin. Mereka di kawasan-kawasan lain akan bertindak seperti rakyat di Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan itu, saya juga ingin menyentuh tentang pendidikan. Sebagai sebuah institusi penting yang memainkan peranan dalam usaha untuk mempertahankan keperibadian, kebudayaan dan warisan sejarah sesuatu masyarakat, peruntukan yang paling besar yang dicadangkan dalam Belanjawan 2000 untuk institusi ini adalah wajar dan patut dipuji kerana ia adalah yang terbesar, cuma yang kita harapkan supaya setiap sen yang diperuntukkan itu akan digunakan oleh kementerian yang kini diterajui oleh dua orang tokoh akademik dan seorang tokoh pentadbiran yang masing-masing baru dilantik.

Kita menaruh harapan agar mereka berusaha memantapkan sistem pendidikan negara dengan pendidikan yang lebih telus tanpa sebarang diskriminasi demi mendidik generasi agar mereka dapat menghadapi cabaran alaf baru dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memantapkan sistem pendidikan negara sebagai persediaan menghadapi cabaran alaf baru, kementerian nampaknya akan membuat perubahan dalam Dasar Pendidikan Negara dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi. Kita mengalu-alukan perubahan ke arah yang lebih baik.

Adalah diharapkan agar segala perubahan dasar yang akan dibuat itu tidak akan mengketepikan atau mengkesampingkan pendidikan tradisional, pendidikan agama dan pendidikan moral. Kurikulum pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah dan menengah perlu diperkemaskinikan kerana yang ada kini hanya sekadar untuk menyelesaikan masalah fardu ain murid sahaja. Itu pun kita sering mendengar banyak rungutan dari ibu bapa dan murid sendiri. Ibu bapa mengatakan ia kurang berkesan, sementara murid pula mengatakan bahawa ia kurang menarik dan terlalu payah.

Para sarjana tempatan juga tidak kurang memberi kritikan terhadapnya. Antara perkara yang pernah dibangkitkan oleh golongan ini ialah tentang sempitnya skop kurikulum sehingga menyekat perkembangan para pelajar dalam aktiviti di luar bilik darjah. Penekanan hanya terbatas kepada penghafalan, kepada pengetahuan teori dan hafalan sahaja, tanpa memberikan perhatian kepada perkembangan bakat para pelajar. Perhatian lebih banyak tertumpu kepada permasalahan masa lampau tanpa mempedulikan masalah semasa dengan serius. Ia juga dikatakan tidak berkesesuaian antara isi kandungan kurikulum dengan minat dan kegiatan murid serta beberapa perkara lain yang bersabit dengan proses pengajaran dan pelajaran. Memang ada usaha yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu untuk mengatasi masalah-masalah ini. Tetapi kebanyakannya dilakukan sekadar bertujuan untuk mencari alasan bagi menjawab segala tuduhan yang telah dilemparkan terhadapnya atau untuk membela diri. Adalah lebih jujur jika Kementerian Pendidikan sanggup menerima tuduhan-tuduhan itu secara berani dan cuba pula mencari jalan untuk menyelesaikannya dengan penuh rasa tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang program-program yang melibatkan pemeliharaan alam sekitar. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan supaya lesen-lesen pembalakan dibekukan sekurang-kurangnya selama 25 tahun. Ini kerana bertujuan untuk memelihara hutan kita yang kini sudah banyak termusnah, hutan menjadi tunjang kepada kehidupan dunia. Hutan berfungsi menjaga keseimbangan karbon dioksida dan putaran air serta membekalkan oksigen. Malaysia mempunyai kawasan hutan hijau yang lebat lagi subur dan merupakan hutan yang tertua di dunia. Di dalam hutan kita, terdapat kira-kira 8,000 jenis pepohon berbunga, 3,000 jenis pohon kayu, 100 jenis orkid, 300 jenis pohon palma dan beratus-ratus jenis herba perubatan.

Sesungguhnya hutan adalah nikmat Allah yang terbesar kepada manusia kerana ia merupakan paru-paru dunia dan rumah bagi aneka tumbuhan dan haiwan yang turut berfungsi menjaga keseimbangan alam. Kini hutan kita telah musnah dengan banyaknya akibat kegiatan pembalakan dan projek-projek pembangunan di sesetengah kawasan.

Kawasan-kawasan di negara kita, kegiatan-kegiatan membalak berlaku secara intensif menyebabkan puluhan ribu ekar hutan termusnah dalam masa yang terlalu singkat. Sepatutnya hutan dipelihara dengan baik kerana jika ia tidak dipelihara atau dimusnahkan dengan sewenang-wenangnya, besar kemungkinan dunia akan diancam bencana alam yang paling buruk.

Saya akui bahawa di atas kesedaran ini, Malaysia telah mengambil inisiatif bagi mengeluarkan perisytiharan Langkawi pada 21 Oktober 1989 dan pengisytiharan Kuala Lumpur pada 28 April 1992 yang mendorong dunia mengadakan satu sidang kemuncak pada 3 hingga 4 Jun 1992 di Rio de Jenario yang membincangkan supaya setiap kawasan hutan yang telah termusnah itu digantikan dengan hutan monokultur. Namun ia tidak dapat menggantikan hutan asal yang dimusnahkan kerana setiap kali berlakunya kemusnahan hutan, beratus-ratus jenis tumbuhan turut termusnah sementara struktur tanahnya pula berubah, keseimbangan air terganggu dan yang lebih menyedihkan lagi ialah kehilangan ribuan jenis habitat

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong minta penjelasan.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Padang Terap. Saya hendak tahu berapa peratuskah daripada hasil negeri Kelantan diperolehi daripada pembalakan hutan dan adakah cadangan Yang Berhormat ini juga akan meliputi pembekuan pembalakan hutan di negeri Kelantan? Terima kasih.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih. Dalam masa pemerintahan Barisan Nasional tahun 1981 dan 11, 817 hektar luas balak ialah 12,206 hektar dan hasil ialah sebanyak RM389 juta. Dan tahun 1982 keluasan balak tebang ialah 11,817 hektar dan hasilnya ialah RM400 juta. Tahun 1983 – 11,817 hektar telah ditebang dan hasilnya ialah RM8,183 juta. Berbanding dengan tahun 1990 hingga 1998 hanyalah pada tahun 1990 –

8,110 hektar dan hasil yang diperolehi ialah RM18.15 juta yang dipungut dan begitulah seterusnya. Oleh kerana masa tidak begitu banyak untuk saya

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan. Pertanyaan saya adakah pembekuan itu juga saudara cadangkan meliputi pembukaan pembalakan di negeri Kelantan di bawah kerajaan yang ada hari ini. Terima kasih.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya mencadangkan semua negeri, tidak kira di negeri Kelantan, Terengganu, Johor terutamanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Semua negeri Yang Berhormat. Silakan Kubang Kerian.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya ingin mendapatkan penjelasan. Adakah Yang Berhormat maklum bahawa keluasan hutan berbanding keluasan tanah di Johor umpamanya lebih kurang 27% sahaja lagi tanah di negeri Johor yang masih berhutan sedangkan di Kelantan rekod yang ada ialah 59% dan begitu juga negeri-negeri yang lain, kawasan berhutan berbanding dengan keluasan tanah, peratusnya telah menurun dengan drastik dan adakah Yang Berhormat maklum semasa dalam masa pentadbiran Barisan Nasional di Kelantan, mereka telah melanggar kuota yang telah dihadkan oleh Majlis Perhutanan Negara dua kali ganda daripada yang telah dihadkan, tetapi hasilnya tiga kali ganda kurang daripada apa yang dicapai oleh Kerajaan Negeri Kelantan selepas 1990. Adakah Yang Berhormat sedar?

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kubang Kerian. Saya memang sedar dan itulah hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Hutan yang dimusnah itu dicadangkan supaya digantikan dengan hutan monokultur. Namun ia tidak dapat menggantikan hutan asal yang dimusnahkan kerana setiap kali berlakunya kerosakan hutan, beratus-ratus jenis tumbuhan turut termusnah sementara struktur tanahnya pula berubah, keseimbangan air terganggu dan yang lebih menyedihkan lagi ialah kehilangan ribuan jenis habitat kehidupan yang tidak dapat digantikan buat selama-lamanya.

[Membaca ayat al-Quran] Surat Fa'tir. Andai kata Allah mengambil kira terhadap sikap rakus manusia, nescaya Ia tidak lagi akan menghidupkan langsung makhluk-makhluk yang melata di muka bumi ini. *[Membaca ayat al-Quran]* walaupun Allah mempunyai khazanah yang sangat besar, namun apa yang diberi kepada manusia adalah dengan kadar yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mencadangkan semua tindakan hendaklah dibentuk ataupun dilakukan dalam bentuk yang berhati-hati berasaskan apa yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian sidang bahawa peranan pembangkang bukan hanyalah semata-mata membangkang secara melulu, tetapi kita membangkang adalah untuk mencari kebaikan. Seperti mana yang berlaku di Padang Terap umpamanya, Kerajaan Barisan Nasional tidak mengiktiraf wakil-wakil rakyat daripada pembangkang. Saya telah dinafikan hak sebagai wakil rakyat. Saya telah tidak dimasukkan ke dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan untuk sama-sama memberi buah fikiran bagi membina, membantu rakyat di kawasan itu. Baru-baru ini saya dikunjungi oleh ramai pelajar dan orang perseorangan untuk mendapat bantuan bagi melanjutkan pelajaran ataupun membiayai pelajaran anak-anak mereka di sekolah-sekolah menengah di luar Padang Terap ataupun masuk ke universiti. Antara mereka yang datang meminta bantuan itu ialah kaum ibu UMNO cawangan. Saya mengambil sikap seperti mana yang telah difirmankan oleh Allah S.W.T *[Membaca ayat al-Quran]* Orang yang meminta, janganlah kita hampakan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi kami tidak kira UMNOkah, PASKah, DAPkah, siapa juga yang datang untuk meminta bantuan itu kita beri. Tetapi Barisan Nasional tidak. Di negeri Kedah misalnya, kita minta sewa kedai milik Majlis Daerah untuk membuat pejabat mereka tidak membenarnya hendak sewa, bukan hendak free, itu pun tidak bagi. Untuk membuat jamuan hari raya bagi menyatakan terima kasih kepada pengundi-pengundi yang mengundi, yang memilih kita waktu pilihan raya dulu, kami minta Dewan untuk membuat jamuan pun mereka tidak benar. Jadi saya tidaklah begitu hairan dengan keadaan ini sebab

saya telah menduganya daripada awal dan juga saya faham inilah corak demokrasi yang ada di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Balik Pulau.

3.32 ptg.

Dato' Mohd Zain bin Omar [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk turut serta membahas ucapan belanjawan yang dibentang pada 25 Februari, Belanjawan 2000. Saya hendak bercakap sikit sahaja, saya minta jangan sesiapa pun minta laluan. Kalau rasa tidak puas hati, Yang Berhormat boleh bangun kemudian dan berbahas, boleh hentam saya balik kalau saya hentam orang. Saya orang kampung, hendak bercakap cara orang kampung - Kampung Balik Pulau samalah juga macam kawasan Pokok Sena sama-sama kita orang kampung.

Pertama sekali, saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan begitu teliti merancang supaya lima tahun ini akan dapat berkesan dan memberi manfaat kepada semua masyarakat. Bagi saya, buatlah apa pun, tidak ada semua orang yang puas hati. Kita kena ingat ini. Buatlah apa pun, tidak semua puas hati. Mesti ada golongan yang tidak puas hati. Jadi, mengikut demokrasi apa yang saya faham yang majoritilah boleh buat apa yang hendak dibuat. *[Tepuk]* Buat masa sekarang kita majoriti, jadi teruskanlah. Janganlah hirau sangat apa yang ditentang oleh pihak-pihak yang lain. Saya tidak mahulah hendak sebut seperti mana yang biasa disebut, dicakap apa pun mereka bercakap. Sekarang masyarakat semua ataupun rakyat semua sudah sokong alternatif. Kalau benar semua orang menyokong alternatif, alternatiflah yang memerintah sekarang. *[Ketawa] [Disampuk]*. Jangan kacau saya, saya tidak pakai baca ini.

Apa yang saya hendak tunjuk satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita manusia ini kalau kita 'berak', boleh guna perkataan itu ya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh, boleh.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Boleh. Kalau kita berak di tengah jalan, kita satu orang sahaja yang kata tidak busuk kerana tahi itu kita yang punya. Tetapi yang lain, katalah Yang Berhormat semua yang ada di sini kalau bertemu dengan seketul tahi yang saya buang tadi semua tutup hidung.

Bermakna apa yang kita buat, walaupun busuk bagi dia betul dan baik. Bagi orang lain kalau yang busuk tetap dia kata busuk. Dia tidak kata wangi. Ini harus ambil perhatian kepada semua Yang Berhormat.

Saya cuma hendak tunjuk satu, salah satunya saya hendak buat teguran kerana ini amat penting, saya hendak tujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan. Saya bukan kritik tetapi menegur supaya perkara ini diambil perhatian serius takut kalau-kalau nanti rosak masyarakat kita di masa akan datang. Kita tahu kalau hendak bangunkan sekolah, hendak binakan sekolah, kita mesti ada satu padang untuk kegiatan jasmani kerana kita tahu bahawa jasmani itu adalah latihan untuk rohaniah. Kalau tidak ada padang, tidak ada kegiatan, cuma penting kepada pelajaran, cuma bercakap untuk mendidik anak-anak sahaja tetapi untuk jasmani kepada anak-anak kita supaya anak-anak kita dapat mendisplinkan diri tidak ada mungkin di masa akan datang akan rosak.

Saya nampak boleh jadi kebelakangan ini banyak anak murid yang sudah melampau, yang agak begitu melampau dengan orang tua. Kerana apa? Mungkin dia tidak ada latihan jasmani. Maksud saya, pegawai yang bertanggungjawab untuk mengembangkan bangunan atau buat tambahan, bangunan tambahan di sekolah-sekolah yang mana anak muridnya ataupun masyarakat di kawasan itu memerlukan tambahan bangunan, rancangan untuk menyediakan tapak supaya bangunkan bangunan tambahan tidak ada. Akhirnya bila terdesak, padang bola, padang permainan itulah jadi tapak bangunan tambahan. Ini berlaku bukan sahaja dalam kawasan Balik Pulau, Tuan Yang di-Pertua, bukan kawasan Pokok Sena sahaja, bukan kawasan Kuala Kedah bahkan semua tempat kerana pegawai yang bertanggungjawab itu sudah lupa dan dia tidak merancang dengan begitu baik. Akhirnya Menteri yang kena kerana Menteri mengharapkan pegawai yang bertanggungjawab tadi dia tidak merancang dengan begitu baik.

Dalam negara kita ini semua tempat sudah berlaku dan terjadi bahawa padang sekolah dijadikan bangunan tambahan kerana murid-murid ataupun rakyat ataupun anak-anak sudah bertambah dalam kawasan itu. Ini harus diperbetulkan, harus kita ambil perhatian bila kita tengok di sini dia punya peruntukan pembinaan 99 buah sekolah rendah, 65 buah sekolah menengah,

25 buah asrama, 5 kolej dan sebagainya. Saya takut rancangan ini pula lagi 20 tahun akan berlaku seperti mana yang sedia ada dan sudah pun berlaku di tempat-tempat yang tidak ada tapak sekolah. Contohnya di dalam kawasan saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sikit sahaja sebab saya tertarik dengan Balik Pulau.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Dia kacau pulak dah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan Saya bersetuju benar dengar dari segi perancangan ini. Minta pandangan Balik Pulau, bukan sahaja dari segi kemudahan jasmani untuk fizikal tapak permainan tetapi kadang-kadang masalah perancangan ini buat sekolah di kampung tidak ada rumah sekolah. Begitu juga. Yang kedua, satu lagi masalah ini bila sudah besar sekolah tidak ada juga dibuat perancangan untuk buat surau. Dia cari wakil rakyat untuk minta peruntukan buat surau. Yang depa sana pun ini pembangunan tidak ambil kerohaniah. Depa terus tuduh kita. Ini sebelah sana. Tunggu salah sahaja 'pum' dia kata. Tidak ada kerja lainlah, juga katuk sahajalah untuk dapatkan pulangan politik yang tidak payah dibayar, hendak kata murah nanti dia marah saya pulak ini. Ini minta sikit Yang Berhormat Balik Pulau bersetuju tetapi isu yang kedua dari segi bukan sahaja riadahnya sahaja tetapi dari segi kemudahan untuk rumah guru mesti ada perancangan lebih awal kalau perlu elok kita ada surau kita buat rancangan lebih awal supaya lengkap satu sekolah seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat ini.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Terima kasih. Saya juga turut setuju bukan sahaja untuk perhatikan tapak itu dijadikan tapak sekolah bahkan rumah untuk guru-guru. Tetapi bercakap memang senang. Hendak jalankan rancangan itu amat berat. Walau macam mana pun, kita bermula dari sekarang. Tambahkan bangunan ataupun tempat penginapan guru-guru di kawasan-kawasan pedalaman yang mereka agak sukar hendak keluar ke tempat lain kerana perjalanan begitu jauh. Jadi perlu adakan asrama atau adakan rumah-rumah guru supaya guru rasa selesa.

Yang saya hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, masalah character. Kita nampak memang senang hendak tuduh orang memang senang, hendak maki orang memang senang. Apa yang kita nampak hari ini kita begitu baik, pemerintah begitu baik, kerajaan begitu baik, hendak kata apa pun katalah.

Nak maki pun makilah, Mahafiraun pun boleh dibiarkan oleh Perdana Menteri kita, nak kata apa. Mahafiraun katakanlah. Kita belum pernah kata lagi orang Pulau Pinang kata 'biak pi la'. Kita belum kata lagi. Maha apa kita tak kata lagi. Kita belum kata iblis ke dajal ke, belum, belum pernah kita keluarkan perkataan-perkataan yang macam itu. Yang penting sekarang apa perlu kita buat. Penentang nak keluarkan hujah, nak tunjuk pembetulan, nak baiki, nak cadang perkara yang baik buatlah seperti ketua pembangkang, nada lembut, hujahnya baik, pandangannya baik, tetapi ada pula nada keras, hujah pun keras, nak tunjukkan bahawa kami bukan kawan. Kamilah kumpulan lawan. Yang saya nak tunjuk, yang ini Tuan Yang di-Pertua, kita boleh baik, boleh bersalam, boleh duduk satu meja, boleh minum sama-sama, yang ada di sini. Kalau kata dak saya tak tahulah. Tetapi yang saya tahu kita boleh. Dalam kumpulan ini semua boleh berkawan. Yang saya susah hati masyarakat kita terutama orang Melayu, berpecah dua, berpatah arang. Tak mau tegur, di depan rumah saya dulu UMNO sekarang PAS, tak apalah dia nak masuk PAS, masuklah, tetapi bila dah masuk PAS sampai sekarang tak mahu lagi. Tak mahu tegur, bila kata assalamualaikum pun dia tak mahu.

Saya nak keluar semasa dalam kempen, nak ke jalan raya, jalan besar, dia duduk dekat simpang dengan kereta, kereta saya punya, saya yang lalu, dia yang geram 'reformasi', keriau kat saya. *[Ketawa]*. Padahal orang yang berjiran dengan saya, dulu begitu baik, dulu begitu baik, hari ini sudah menjadi musuh. Macam mana dia nak bermusuhan dengan saya, musuhlah. Kalau dia teringat nak tumbuk saya, tumbuklah. Tetapi apa yang saya nak tunjuk sekarang penyokong sudah mula berubah corak menjadi kumpulan yang bermusuhan dengan kita.

Yang ini yang kita takut, Tuan Yang di-Pertua, yang saya takut. Saya pun tak lama dah, kalau ikut umur saya, masuk 'maghrib'. Tau dak maghrib angka ni, angka maghrib

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Lepas Maghrib, Isyak, lepas itu tak taulah. Kita akan pergi, warisan kita belum tahu apa akan jadi. Ini yang saya bimbang, contohnya belum pernah berlaku di Pulau Pinang yang biasanya kita dengar 10-15 tahun yang lalu di sebelah Kelantan. Iman dua, berlaku di tempat saya, orang yang kerja reformasi itulah yang menjadi imam, sebab tu kita ambil tindakan, orang putih kata 'no way' nak sembahyang sama-sama, kerana kita semuanya Islam. Kalau tidak jangan sembahyang di surau ini. Masuklah dalam *Harakah* kata orang Bayan Lepas rampas, kunci pintu surau, tak mahu bagi orang sembahyang. Ini bukan perkara yang sebenar, kalau nak tahu tanya kita.

Kita ada imam, imam takbir, makmum ikut, dia datang tunggu bawa sejadah di belakang dia pula jadi imam, ada makmum yang takbir sama dengannya, dua orang, dua imam, sembahyang di dalam satu surau. Apa nak jadi. Di mana jiwa Islam kita, kita sembahyang pun bermusuh. Takkan agama kita menyuruh berbuat sedemikian rupa. Siapa yang nak perbetulkan ini, padahal kita di sini sama-sama kita boleh bersalam, kita boleh senyum, kita boleh minum, kalau ada yang merokok, kita boleh merokok, kita boleh tumpang minta sebatang rokok daripada kawan kita.

Kita anggap ini kawan kita. Kalau kita adalah mewakili rakyat, duduk di sini ialah untuk bercakap cuba tegur-menegur memperbetulkan benda yang tak betul kalau boleh. Menyuarakan masalah-masalah yang agak penting supaya mendapat mengambil perhatian orang yang berkuasa. Kalau kita bercakap pun dah begitu, buat begitu, siapa yang nak dengar Kalau saya pun orang maki saya, apa yang saya nak endah, timbul perasaan tak endah. Bila tak endah tidak ada demokratik. Tetapi sebenarnya kita yang buat bagi orang tidak endahkan kepada kita. Siapa nak bentuk ini. Kumpulan mana nak bentuk supaya betulkan rohani kita, siapa? Kita, saya, parti pembangkang, boleh? Kita sudah pisahkan penyokong kita supaya bertentangan di antara dua kumpulan Islam ini. Biasa berlaku jika dikatakan bukan Islam, kerana kita bersubahat dengan MCA dan Gerakan. Biasa berlaku macam itu, tetapi kita tak pernah kata apa, kita terima, kita duduk diam, kita cari jalan supaya orang sedar bahawa tuduhan itu tidak betul, itu bukan fatwa. Bukan fatwa berkawan dengan orang Islam kafir, saya tak tau sama ada betul atau tak betul

yang saya dengar cerita tok guru, kalau tok guru tak cakap tak betul, saya tak betul. Biasa nabi berkawan dengan Israel, biasa nabi berkawan dengan Yahudi, apakah Nabi Muhamad juga begitu. Ini tak betul, kena perbetulkan. Ini sudah terpesong akidahnya, apa kata hari ini, sekarang yang kata UMNO berkawan dengan MCA, Gerakan dan berkawan jadi kafir. Apa kata hari ini di sebelah kanan saya ni DAP dengan mereka. Nak jawab apa pula, kafir juga, belah sini kafir, belah sana kafir, habis semua kafir. *[Ketawa]* Jadi orang Pulau Pinang kata 'kapiak', belah ni kapiak, dia kapiak dulu. Hari ni belah ni pula kapiak, mana dia Islam. Siapa dia Islam sekarang, boleh jadi Tuan Yang di-Pertua seorang sahaja. Tu dia di atas, kerana dia duduk di tengah-tengah, dia seorang Islam yang lain dak. Ini yang saya minta diperbetulkan. Saya tak mahu perkara itu berlaku. Kalau tidak kita akan jadi bermusuhan, itu contoh yang kedua. Belah...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit sahaja.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Saya dok tengah naik ni.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sama-sama dalam bola, terima kasih. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi, syoklah dengar, ralit petang-petang ni, cuma Yang Berhormat mesti setuju dengan saya, hari ini, dulu surau, masjid dok penuh tapi sejak akhir-akhir ni selepas pilihan raya kita dok dengar markas-markas negara ini, tapi pelik pula makin ramai dok pergi sembahyang kat situ. Tinggal surau, tinggal masjid yang didirikan oleh kerajaan, semata-mata untuk kebaikan berjemaah. Yang kita bimbang sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, makin berpecah belah. Cuma satu lagi Yang Berhormat, saya dalam pilihan raya dulu ada dengar macam-macam pantun. Satu pantun ni kalau Yang Berhormat pernah dengarlah. Kalau tak betul tolong perbetullah. 'Wau bule teraju tiga, pangkah bule masuk syurga.' Terima kasih.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Terima kasih, yang itu baru saya boleh terima kerana ada lagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku kali yang pertama di Bayan Lepas dalam Parlimen Balik Pulau. Ada seorang anaknya meninggal tetapi di Bayan Lepas agak tegas sedikit, yang kelola

mayat mesti khariyah Bayan Lepas. Tetapi yang kita kecewa kita sendiri tidak sedar mana hari lambang bulan di belakang tengkok mayat, waktu kita hendak kapan hendak alih hadap kiblat, tengok-tengok lambang bulan. Tidak apalah kalau hendak buat macam itu pun buat, tetapi yang saya takut orang yang begitu taat setia sudah percaya sebulat hatinya itu percaya, takut dia lari akidah. Mana boleh bubuh lambang 'Barisan' di belakang tengkok, lambang 'bulan' di belakang tengkok, tidak lama sudah jadi Alternatif lambang 'roket' di belakang tengkok, hendak naik ke bulan.

Ini akidah Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu kata mereka salah, saya bercakap betulkah perjuangan ataupun cara kita bina masyarakat Melayu yang hari ini sudah anggap begitu yakin dan percaya hinggakan mayat pun ada lambang untuk masuk dalam kubur.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Saya sudah tidak larat, saya banyak lagi, minta maaf. Saya, bila hendak dekat penghabis baru saya bagi. Tunggu sat, belah sini pun saya tidak mahu bagi, belah sini pun saya tidak hendak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi kata tidak mahu bagi.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Saya daripada mula-mula lagi Dewan ini bersidang tidak pernah saya bercakap.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Kita fasal sama-sama dok makan nasi kandar kedai Hanifah dahulu ni

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Tak apa sat lagilah, sat lagi boleh

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sama-sama makan nasi kandar di kedai Hanifah takkan tak mahu bagi.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Saya tidak mahu diganggu sebab saya tidak tulis, orang lain baca tidak apa, saya tidak baca nanti lari, saya pun lari akidah. *[Ketawa]* Tolong.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Tolong, tolong, tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Ini pun sudah lari, separuh sudah lari, fikir balik apa hendak cakap.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Saya tidak mahu bagi, kalau tidak saya lari tajuk saya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Dacing senget kot, tidak adil tu.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Tidak apalah, tidak adil pun tak apalah, yang adil sebelah sana, yang tidak adil sebelah sini. Tidak apa, dacing pun dacinglah, hendak buat macam mana, saya suka dacing.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kot-kot dia bagi.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Tengoklah sudah mula dah, saya pun sudah tua cepat lupa, tolong ya. *[Ketawa]* Tolong ya. Dia pandai ganggu saya kerana dia takut saya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi Yang Berhormat janji daripada awal tidak mahu bagi, tiba-tiba belah sana bagi....

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Dia kacau saya, sekali ini saya tidak mahu bagilah, tolong sesiapa pun jangan minta, saya kata tadi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Oih! Lagu mana ni.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Tolong jangan siapa minta. Saya kata tadi, saya yang sebenarnya duduk diam dua minggu dah, tidak pernah saya bercakap, tetapi bila saya bercakap janganlah kacau saya. Bagilah chance kat saya, kata orang Pulau Pinang. Yang Berhormat bercakap beberapa kali tidak pernah saya ganggu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bukan hendak kacau Yang Berhormat, tetapi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sepatutnya berlaku adil untuk kita beri penjelasan kalau tidak nanti kekeliruan akan berlaku.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Saya tidak payah minta penjelasan, bangkit sat lagi godam saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bukan bersikap seperti itu Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak godam orang tanpa maklumat yang jelas.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Kalau tidak puas hati apa yang saya bercakap.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Kita perlu mendapat penjelasan baru kita boleh berhujah.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Tak apa. Dalam ucapan nanti, masukkan sedikit seolah-olah bagi penerangan balik, counter saya. Ini dia bagi hilanglah fikiran, di mana saya hendak cari. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap tidak baca.....

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Selepas peristiwa mayat tadi timbul lagi satu peristiwa. Malam raya....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Mayat nama apa yang mati itu, ya ng tanam pakai lambang parti, namanya?

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Balik tanya orang PAS di Bayan Lepas kemudian kalau tidak betul cabar saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bila tu?

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Baru dalam dua bulan.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Ini isu lapuk ni.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Tidak payahlah, ini saya cerita bukan cerita hendak menjadi munafik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cerita betulkah atau cerita tidak betul?

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Baliklah, pergilah Bayan Lepas tanya Yang Berhormat itu dia dekat.

Tuan Yang di-Pertua: yang Yang Berhormat, saya tak benar itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bayan Lepas itu, Kampung Perliskah, Kampung Seronokkah, Kampung Bukitkah?

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Kampung Perlis, Bayan Lepas, sudah

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, saya tidak benarkan Yang Berhormat, tidak boleh begitu melanggar Peraturan Mesyuarat.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Balik pergi siasatlah, hendak cerita A sampai Z benda yang saya tahu, saya tahulah. Okay, sambung balik, malam raya. Bila malam raya kariyah kata “Okay semua surau boleh takbir”, malam raya di Kampung Perlis pun buatlah, malam itu. Dia buat macam mana, di sepak takraw punya court, keliling duduk bersila depan surau, dia takbir sendiri. Jadi, dia balik di Bayan Lepas dalam Kampung Perlis ada dua kumpulan, ‘biaq pilah’ memang macam itu.

Saya bukan persoalkan tindakan itu ataupun perbuatan, yang saya hendak persoalkan apa akan jadi kepada orang Melayu di masa akan datang. Itu sahaja yang saya persoal hendak jawab kemudian jawablah, tidak usah jawab sekarang.

Yang ketiga, saya sentuh baliklah satu lagi kementerian, Kementerian Pertanian yang tadi Kementerian Pendidikan. Saya harap tolong ambil serius supaya jangan berlaku bangunan sekolah ini di padang-pandang bola, padang permainan, kerana kalau rohaniah kita, jasmani tidak kita latih dia akan jadi satu perkara yang amat berat, yang amat serius, amat bahaya di masa akan datang kerana kita beri kebebasan, hendak kata apa pun boleh, hendak buat apa pun boleh sebab itu berlaku di sekolah terlalu freedom, orang Putih kata, dengan izin, ia terlalu freedom kepada semua pihak, sampai budak-budak sekolah pun boleh langgar guru. Kalau guru marah dia boleh garis kereta guru.

Masa zaman kita dahulu tidak ada, saya ingat zaman Tuan Yang di-Pertua pun tidak berlaku, waktu Tuan Yang di-Pertua masih dalam sekolah tidak berlaku. Zaman saya pun tidak berlaku, zaman yang agak golongan yang saya kata waktu maghrib pun tidak berlaku di sekolah-sekolah, tetapi sekarang sudah berlaku. Bila kita bercakap kes ini ataupun isu ini dia akan tuduh kata “ah... kerajaanlah”. Dia tidak tahu pendidikan itu siapa yang lakukan, macam mana cara dia, ibu bapa dia bertindak bila terjadi sesuatu peristiwa di sekolah.

Ini harus diberi perhatian yang serius. Contohnya macam berlaku dekat UiTMlah sekarang, bila - saya pun dengar cerita betul atau tidak betul saya pun tidak tahu. Yang ini cerita, yang tadi yang betul Kononnya bila ceramah ceramah tidak dibenar, marah, “pasal apa kami hendak dengar ceramah pun tidak boleh”. Ini baliklah cerita zaman kita, tiga kumpulan Cina, Hindu,

Melayu. Bila tanya pergi jumpa penuntut-penuntut, orang Cina bangkit, “apa rancangan untuk masa depan bila kami dewasa kami dapat kelulusan untuk kami hadapi dunia yang akan datang”, Cina yang tanya. Hindu - ini pun orang cerita kat saya juga, bukan saya reka. Hindu pula, “bila saya lulus nanti sudah selesai apa semua apa saya boleh buat, kerajaan sedia ataupun tidak untuk kami bila kami lulus”, itu Hindu tanya. Melayu dia bangun, “Pasal apa kami tidak boleh berpolitik”, setakat itu sahaja dia politik sepanjang masa, pelajaran pun tidak, berlakulah seperti zaman-zaman yang lalu, tokoh-tokoh orang Melayu dalam universiti, periksa pun tidak ambil, akhirnya keluar.

Bukan tidak tahu nama-nama itu, tetapi saya tidak mahu sebutlah nama, punya berjuang, berjuang akhirnya dia tidak lulus, tidak ambil periksa, tiga tahun keluar begitu sahaja. Hari ini tidak tahu ada di mana. Ini yang saya hendak tunjuk tingkah laku sikap tiga kumpulan masyarakat ini. Kita hanya penting hendak bercakap, kita hendak bercakap sahaja tetapi kalau dia bercakap sambil rancang sambil buat supaya dia maju di masa depan, tidak apa. Seinggalah terjadi dalam peristiwa-peristiwa dalam jabatan-jabatan, berlaku di tempat saya kerana dia minat PAS dia kontrol projek tidak bagi, yang tadi pihak pembangkang pula kata, kontrol projek tidak bagi belah depa. Ini pun begitu yang minat PAS dia kontrol projek tidak bagi belah kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta gulung ya.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Akhir sekali saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak yang ini sahaja, selesai ini suruh saya berhenti, saya berhenti. Pertanian - ini cerita yang berpanjangan yang tidak dapat diselesaikan, cerita pukot tunda, pukot appollo, pukot kenka - di Perak dipanggil pukot kenka, beri lesen. Kita punya disiplin tidak cukup, sivik tidak cukup, bagi lesen. dia kena tiga batu jauh tetapi dia masuk dalam kawasan satu batu. Hendak marah tidak boleh, Menteri kata saya hendak buat macam mana, beri lesen kat dia suruh pergi tiga batu jauh tetapi dia masuk dalam kawasan satu batu, nelayan pa ntai menderita, dia angkut dengan telur-telur ikan sekali.

Jadi, ertinya kerajaan beri kebenaran tidak boleh awasi kumpulan-kumpulan ini ada kumpulan yang menderita seperti nelayan pantai.

Saya mintalah, saya tahu kalau Menteri tidak datang pun, Timbalan Menteri pun cukup. Dia pun garang, perbetulkan perkara ini. Jangan bagi

cerita ini berlarutan. Kita tidak mahu pergi, jumpa orang nelayan – cakap, cakap, cakap, selesai sebulan. Lepas sebulan dia mai balik. Orang Pulau Pinang kata, dia ‘mai’ balik. Dia tangkap balik udang, ikan di dalam kawasan pantai. Pada hal dia boleh masuk tiga batu jauh. Dia boleh cerita apa. Ini cerita macam orang bawa teksi, bawa prebet sapu. Macam mana hendak tangkap. Dia pakat dengan orang yang duduk itu. Kalau orang tanya, hang adik-beradik aku. Polis tidak boleh tangkaplah. Macam inilah juga nelayan laut dalam. Chet, pakai handphone. Nelayan pakai handphone zaman sekarang. *[Ketawa]* Siapa kata susah, pakai handphone. Jadi bila pakai handphone, keluar hendak pergi tangkap, tidak ada. Esok ada balik.

Yang saya hendak cadangkan begini, kalau Perak jangan datang ke Penang. Hak engkaulah di kawasan Perak. Kalau masuk, panggil mesyuarat Menteri, batalkan lesen dia kerana dia langgar. Saya ingat baru boleh jadi, macam banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat biasa bercakap kita kena tingkatkan hukuman.

Pada keseluruhannya, penutup, Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bercakap memang banyak perkara. Negara yang dipanggil negara sedang dalam pembangunan, sedang membangun mesti ada perkara yang tidak betul dan tidak selesai. Kalau diberi perintah, diberi waktu, kemudian dia tidak buat apa langsung, tukar pemerintah. Tetapi kalau dia boleh bagi nampak terang kepada kita, contohnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia punya lawan, kita pun lawan dia lagi. Musuh luar masuk, musuh dalam hentam tetapi dia masih lagi tahan. Negara kita masih lagi boleh dibandingkan dengan negara-negara yang lain. *[Tepuk]* Kalau hendak ikut peraturan, ‘chiok’ dah. Orang Pulau Pinang kata, ‘chiok’ dah Perdana Menteri. Luar ada, dalam ada, atas ada, bawah ada punya pressure. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Saya bercakap sahaja luar, kiri, kanan, depan, belakang. Punya kena, patut tersepek dah. Nasib baik tidak tersepek. Macam itu punya bagus mempertahankan negara supaya jangan merosot, jangan tersungkur, pun tidak puas hati. Sampai pi ‘maha’..... macam-macam ‘maha’.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato’ Mohd. Zain bin Omar: Jadi, saya minta tolonglah beri perhatian ini. Berilah pandangan-pandangan yang bernas. Mudah-mudahan

Parlimen kita akan menjadi salah satu Parlimen yang baik dan bermutu tinggi. [Tepuk] Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rasah.

4.05 ptg.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000 peringkat dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati ada pihak-pihak tertentu sengaja menggunakan internet untuk menyebarkan mesej yang tidak benar. Biasanya mesej yang tidak sihat adalah senang mencapai kerosakan. Mesej puji baik pula adalah susah untuk mencapai kegemilangan. Internet adalah begitu popular melalui e-mail, IRC, ICQ, Newsgroup, Homepages dan sebagainya tetapi tiada cara teknikal untuk mempertahankan kegiatan yang tidak sihat ini. Sekurang-kurangnya tidak terlalu terbuka menggunakan internet, menjatuhkan imej seseorang atau negara kita.

Oleh kerana penggunaan internet ini tidak dapat dikawal, orang-orang nakal, orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini telah menggunakan kesempatan ini menjatuhkan imej kita. Saya ingin cadangkan supaya kita dapat buat satu kajian gunakan internet juga, menjelaskan keharmonian masyarakat kita, kemajuan negara kita dan kebudayaan pelancongan negara kita melalui internet yang sama ini, hal-hal yang tidak benar mesti dihapuskan oleh pesanan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak sekolah hari ini dibebankan dengan beg sekolah yang berat sehingga 4 kg. atau 6 kg. Ini bukan sahaja menjadi satu kerumitan bagi anak-anak kita dan kaum ibu bapa malah akan membantut pertumbuhan sistem tulang dan struktur badan anak-anak. Untuk masa kini, saya ingin mencadang agar pihak Kementerian Pendidikan dapat merancang agar kita membekalkan buku elektronik iaitu dalam bentuk software yang hanya seberat beberapa gram sahaja dan mudah dibawa ke mana-mana. Ini sesuai untuk kita membawa generasi muda ke alam IT dan MSC yang sedang kita rancang untuk mengisi misi dan visi alaf baru.

Untuk jangka masa panjang, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya satu hari nanti setiap rumah sekurang-kurangnya ada sebuah komputer.

Kerajaan boleh membantu rakyat dapat membeli sebuah komputer dengan harga yang murah melalui skim bayaran bulanan yang ringan dan mudah. Masa itu, buku-buku teks adalah tidak perlu lagi dan 100% melalui komputer.

Tuan Yang di-Pertua, kita menggalakkan rakyat kita supaya dapat belajar dengan ilmu yang tinggi walaupun telah bekerja. Ini memang bagus tetapi baru-baru ini begitu ramai orang-orang muda yang tidak memegang sijil penuh SPM. Mereka cuba belajar melalui sambilan, sudah boleh dapat degree, MBA atau dengan tajuk Master yang dikeluarkan oleh universiti luar walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mengakui sijil itu tetapi ini akan mengelirukan masyarakat awam kita dan ini adalah tidak adil kepada anak-anak yang betul-betul graduated atau telah memperolehi ijazah pengajian tinggi.

Ibu bapa yang muda apabila memandu di pekan atau bandar, suka membawa anak yang kecil iaitu berumur 2 tahun atau 3 tahun duduk bersama di tempat kerusi memandu. Ini adalah habit baru. Perbuatan ini memang membahayakan nyawa. Pihak polis atau pihak JPJ memang susah ambil tindakan kerana susah hendak nampak perbuatan ini. Saya cadangkan kepada kementerian yang berkaitan dapat buat kajian supaya kegiatan yang tidak sepatutnya ini tidak diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, selama tiga minggu ini tiba-tiba ada beberapa kes penderaan pembantu-pembantu rumah pekerja asing begitu hangat disiarkan dalam surat khabar, sehingga hari ini. Ini adalah satu perbuatan yang amat 'disedihkan' tetapi begitu ramai pembantu-pembantu rumah asing yang ada dapat layanan yang baik daripada masyarakat mereka. Berita yang baik ini 'adalah' tidak disiarkan. Berita-berita yang baik ini memang kurang diketahui. Saya yakin orang-orang Malaysia memang bertanggungjawab dan berdisiplin cuma sedikit, bilangan kecil sahaja ada masalah. Masalah keluarga atau masalah tekanan hidup. Kerajaan kita memang ada undang-undang boleh mengawal perbuatan yang tidak sihat ini. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kerajaan dapat kaji semula untuk menguatkuasakan undang-undang kepada majikan dan pekerja, dua-dua pihak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan masalah pembetulan atau culvert di kawasan landasan keretapi di Dewan yang mulia

ini. Didapati pembedungan yang telah lama dibinakan ini adalah amat kecil dan ada kerana kemajuan yang pesat, pembedungan yang kecil ini adalah mudah tersumbat dan tidak 'sempat' untuk aliran air di waktu hujan dan mengakibatkan banjir kilat yang serius berlaku di kawasan perumahan, kawasan jalan raya dan kawasan tanaman dan sebagainya. Walaupun langkah-langkah pembersihan telah dijalankan oleh pihak kerajaan tempatan atau JPS tetapi ini cuma untuk mengatasi sementara saja. Untuk jangka masa panjang pembedungan yang kecil ini adalah perlu digantikan dengan lebih besar khususnya di Kawasan Parlimen Rasah. Saya harap kementerian yang berkenaan dapat mengambil berat masalah ini dan tindakan dapat diambil dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, minuman keras yang telah diketatkan di negeri Kelantan dan di negeri Terengganu, saya haraplah dapat dikaji dengan lebih teliti. Ini adalah kerana bahan minuman keras seperti arak ini adalah satu keperluan dalam budaya orang-orang Cina seperti majlis jamuan perkahwinan, majlis perayaan dan juga upacara sembahyang orang-orang Cina. Sembahyang orang-orang Cina memang dia gunakan minuman keras ini. Jadi....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, terima kasih.

Saya rasa mungkin Yang Berhormat tidak menyedari apa yang berlaku sebenarnya di Terengganu dan di Kelantan. Oleh sebab itu secara peribadi saya menjemput Yang Berhormat untuk datang ke Terengganu khususnya kerana sebenarnya apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri tidak menutup ataupun tidak menghalang orang yang bukan Islam daripada meminum minuman keras. Apa yang kita halang ialah orang-orang Islam tidak dibenarkan minum minuman keras dan hanya diberikan kepada orang yang bukan Islam untuk minum di tempat tertentu sahaja. Terima kasih.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih tetapi saya ada difahamkan oleh kawan-kawan daripada negeri Kelantan dan Terengganu memang susah, hendak belipun susah dia kata hendak beli ini minuman keras ini untuk buat sembahyang pun ada susah, ada terhad Jadi saya tidak gunakan perkataan diharamkan, saya kata macam sudah di 'tight' kan bukan ada longgar

sedikitlah. Memang ada masalah, dalam paper kita pun sentiasa ada baca. Jadi saya harap kajian yang teliti dapat dibuat supaya budaya masyarakat Cina ini di Kelantan dan di negeri Terengganu ini dapat dikekalkan.

Jadi saya tidak perlulah saya ucapkan panjang lebarlah. Ini semua point-point sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Bintang.

4.15 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun turut membahaskan Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kejayaan indeks komposit 'melepaskan' ke paras 1000 point yang mendorong mengalir masuk dana asing ke dalam BSKL sebanyak RM6.96 bilion baru-baru ini adalah merupakan tanda-tanda awal memulih yang belum pasti 'dipertahankannya'. Apa yang kita bimbang ialah gerakan kenaikan indeks komposit BSKL dikhuatiri bersifat sementara. Selaras dengan tempoh kempen pemilih pucuk pimpinan UMNO yang baru ini selepas Mei kelak, graf BSKL kembali kepada asal.

Tuan Yang di-Pertua, negara China yang difahamkan mengagungi kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia ke arah memajukan ekonomi dan menghargai dasar yang longgar bagi menangani krisis ekonomi tetapi pujian ini dari sebuah kuasa besar, janganlah pula menjadikan kita lupa diri. Pada saya lupa diri itu ialah berbalik berbelanja boros atas perkara-perkara tidak penting seperti projek mega dan seperti kata Yang Berhormat Menteri Pertahanan di Singapura bahawa negara Malaysia akan membeli senjata selepas economic pulih.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul dari krisis ekonomi seperti masalah hutang tidak berbayar (NPL) dengan izin, masih jauh untuk diselesaikan. Sehingga kini, Danaharta hanya baru berjaya menyelesaikan NPL berjumlah RM17.6 bilion pada nilai kasar berbanding RM45.5 bilion NPL yang diambilalih olehnya. Bagi dana modal pula, sehingga 9 Februari 2000, sebanyak 19 skim penyusunan semula melibatkan hutang RM14.1 bilion berjaya diselesaikan berbanding 67 permohonan bernilai RM36.3 bilion yang diterimanya. Ini bererti Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat

(CDRC) terlalu lembab dalam menyelesaikan NPL. Bagi 48 permohonan bernilai RM22.2 bilion masih belum diproses lagi. Ini satu kegagalan dana modal yang meresahkan ramai pemohon kerana menunggu terlalu lama. Barangkali setahun atau dua lagi masih belum dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mengarahkan penggabungan bank-bank kini diketuai oleh sepuluh bank menerajui memang dilihat untuk memperbaiki kelemahan sistem perbankan domestik di samping dapat bersaing dengan bank-bank asing tanpa disuntikkan modal yang cukup. Usaha menggabungkan akan mengambil masa juga.

Saya bersetuju jika penggabungan akan menyebabkan pembesaran modal kerja perbankan tetapi kekecohan dalam soal perebutan pemegangan ekuiti dan tanggungannya menyebabkan ia mengambil masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, DAP mahu melihat penggabungan bank akan mendorong kelicinan pemberian pinjaman dan urusan transaksi, kadar pinjaman yang rendah dan mudah kepada para pengguna. Walaupun penggabungan bank akan menyebabkan sistem pekerja kakitangan dengan penggunaannya sistem komputer tetapi ia menyebabkan mengurangkan kakitangan. Sungguhpun ada bunyi suara kakitangan tidak akan diberhentikan selepas bank bergabung, soalnya mengapa notis atau surat pekeliling diberhentiannya sukarela dikeluarkan dengan menyebut faedah-faedah 'berhentikan' diperolehi jika mereka berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai insentif potongan yang dihapuskan cukai dan duti import yang dibentangkan dalam Belanjawan Oktober lalu yang dikuatkuasakan menerusi perintah kastam, saya mendapati tidak banyak barang yang diturunkan harga dalam pasaran. Ini menyebabkan Belanjawan Oktober dibatalkan kerana pembubaran Parlimen dan para peniaga mengambil kesempatan tidak mahu menurunkan harga di samping tindakan penguat kuasa berhenti tiba-tiba dan kini hendak menguatkuasakan semula. Saya melihat ramai rakyat rugi dengan tindakan kerajaan ini. Tidak ada makna menghapuskan duti import ke atas banyak barang makanan dan barang-barang terpilih, namun harga tidak diturunkan. Rakyat merasa tertipu walaupun duti import turun atau dimansuh, namun harga barang-barang masih pada harga sebelumnya. Ia masih merupakan bahawa kewangan yang harus

rakyat tanggung untuk menyarai keluarga mereka. Saya ingin mendesak kerajaan supaya memperhebatkan semula gerakan penguatkuasaan bagi memastikan para peniaga mematuhi arahan kerajaan agar harga diturunkan selaras dengan menurunkan dan menghapuskan cukai dari duti 305 barang terpilih dan barang makanan.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftar pemilih baru sudah diwartakan pada 24 Februari 2000. Seluruh negara jumlah mengundi ialah 9,509,322 orang termasuk 680,000 pengundi baru. Malangnya, terdapat 735,859 orang nama dipotong dari daftar atas sebab kematian, ketidakpasti taraf kewarganegaraannya dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, ini bererti dalam pilihan raya yang lalu, banyak nama pengundi lama tidak dapat mengundi kerana nama hilang dalam daftar. Barangkali nama mereka telah dipotong dari daftar. Sangat menghairan orang yang sudah banyak kali mengundi pada masa lalu, nama hilang dari daftar dan tidak ada mana-mana daftar kecuali nama sudah dipotong. Saya tidak 'difaham' mengapa perkara ini boleh terjadi sedangkan mereka sudah membuat pertukaran masih hidup ada sijil kewarganegaraannya tetapi tidak boleh mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta SPR menyiarkan nama 735,859 nama yang dibatalkan itu untuk tatapan umum supaya mereka boleh menyemak. Adakah benar nama-nama mereka dimasukkan di dalam senarai tersebut. Yang menghairankan SPR membenarkan nama-nama orang yang nama hilang dari daftar boleh mendaftar semula apabila gerakan mendaftar dibuka semula.

Tuan Yang di-Pertua, memang satu yang malang bagi sistem demokrasi di Malaysia apabila 680,804 pengundi baru dan 467,707 pengundi lama yang membuat pertukaran alamat gagal mengundi dalam pilihan raya lalu. Walau bagaimanapun, pada pilihan raya tahun 2004 seramai 3 juta lagi menjadikan 12 juta pengundi akan dapat mengundi calon-calon mereka.

Tuan Yang di-Pertua, DAP juga menyokong cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membawa pindaan rang undang-undang ke atas Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 supaya mana-mana petisyen pilihan raya yang ditolak oleh Mahkamah Tinggi boleh dibawa ke Mahkamah Persekutuan. Ia akan membolehkan bukan sahaja parti-parti Barisan Nasional membuat

petisyen terhadap keputusan Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan tetapi parti-parti Barisan Alternatif membuat petisyen yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan defisit Menteri Kewangan ini juga ada menyebutkan kenaikan gaji 10% bagi 800,000 kakitangan awam dan baru dicadangkan kenaikan 10% untuk pesara. Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah banyak pihak bersuara supaya kenaikan gaji perkhidmatan awam ini dikaji semula tetapi tidak ada ruang kajian diberikan kepada anggota polis dan tentera yang berpangkat rendah. Tangga gaji mereka lebih rendah daripada tangga gaji kakitangan lain, meskipun khidmat mereka lebih mencabar dan membahayakan. Selain gaji mereka harus dikaji semula imbuhan lain hendaklah dipertimbangkan sesuai dengan keadaan pesara sekarang terutama mereka yang tinggal di Kuala Lumpur. Kerajaan 'bercakap' supaya kakitangan awam menjauhkan diri dari ancaman rasuah sedangkan gaji mereka masih bertaraf rendah. Saya pernah menyaksikan sendiri bagaimana anggota polis berpangkat rendah terpaksa menjalankan teksi sapu atau van sekolah haram semata-mata untuk menambah pendapatan mereka. Walaupun mengangkut kanak-kanak pergi dan balik ke sekolah secara haram tetapi pekerjaan tersebut halal. Ia semata-mata untuk mengelakkan diri dari terjebak dengan amalan rasuah. Apakah lagi anggota polis dan tentera yang menjaja buah-buahan selepas waktu bekerja, sememangnya dipuji kerana sanggup bersusah payah untuk memastikan anak-anak mereka dapat bersekolah. Malah, pihak berkuasa Dewan Bandaraya pun pernah bertindak zalim ke atas pesara-pesara tentera yang menjual nasi lemak tanpa kebenaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; bukan kerana tidak memohon lesen penjaja tetapi pengeluaran lesen telah dibekukan menyebabkan penjaja-penjaja tidak berlesen termasuk pesara tentera atau polis dikenakan tindakan oleh penguat kuasa Dewan Bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga pesara-pesara yang menerima pensen di bawah RM500 sebulan, mereka menghadapi kesusahan untuk meneruskan kehidupan kerana kos sara hidup sangat tinggi. Kebanyakan pesara memilih kerja sebagai kerani, pengawal keselamatan, budak pejabat, 'kerani menghantar cepat' dan tidak ditinggalkan mereka yang terpaksa menjadi

penjaja. Oleh itu, kenaikan gaji dan pencen pada kadar 10% tidak banyak mengubah kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, teksi merupakan kenderaan awam yang murah berbanding limousine. Langkah kerajaan untuk mengeluarkan sebanyak 300 permit baru untuk pemohon individual sememangnya tidak mencukupi. Apakah makna jika yang memohon borang tidak kurang dari 15,000 pemohon tetapi permit yang hendak diberikan ialah 300 sahaja. Bagaimana Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan hendak memilih pemohon yang layak sedangkan mereka yang memohon adalah sama taraf. Ada permohonan tulen terdiri daripada pemandu lama yang sudah memandu bertahun-tahun lamanya tetapi tidak mendapat permit sendiri. Ada bekas tentera atau polis atau kakitangan awam dan swasta yang membuat kerja sambil sebagai pemandu teksi, tidakkah akan timbul pilih kasih dalam kelulusan lesen atau permit.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengeruskan Mesyuarat*]

Permohonan permit untuk individual memang perlu dibolehkan kerana syarikat-syarikat teksi banyak yang menekan para pemandu. Selain sewa tinggi, mereka dibebankan kos menyelenggara teksi yang dipandu termasuk membayar kampaun pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Bandar Kuala Lumpur sudah mengeluarkan arahan bahawa selepas perayaan Tahun Baru Cina pada bulan April, Dewan Bandaraya akan melantik dan mengarahkan syarikat-syarikat menarik kenderaan beroperasi menarik mana-mana kenderaan yang diletak di bahu jalan, garisan kuning, diletak menghalang lalulintas, diletak secara double parking, dengan izin, pemilik dikehendaki membayar kompaun sebanyak RM300 dan kos simpan di stor RM50 dan tambang menariknya ialah RM70 berjumlah RM420. Memanglah langkah ini boleh membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyelesaikan masalah yang timbul akibat ketiadaan tempat letak kereta pada jangka pendek. Tetapi Dewan Bandaraya harus melihat bahawa dalam Kuala Lumpur, padang dan tempat letak kereta sangat 'mengkurangkan'. Sepatutnya langkah ini didahulukan dengan menyediakan tempat letak kereta yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal tentang siasatan yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat satu laporan mengenai kelewatan penggunaan rel kereta api antara pelabuhan Pulau Indah, ialah *Westport*, dengan izin, ke Port Klang yang melibatkan sebanyak RM383 juta dan landasan kereta api ini sepanjang 36 kilometer. Projek ini dijangka siap pada tahun 1998. Rel kereta api ini hanya boleh digunakan pada Oktober 1999, maknanya 10 bulan lewat pada asal masa siapnya. Kelewatan ini salah satu faktor utama ialah slipper conkrit, landasan kereta api tidak mengikuti spesifikasi dan ini mengakibatkan terpaksa menukar sebanyak 33,200 slipper conkrit ini.

Pada 10 Ogos 1999, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Ahmad Zahir, di satu sidang akhbar di Kuala Terengganu menyatakan bahawa dia akan mengarah pegawai Badan Pencegah Rasuah membuat siasatan tentang perojek rel kereta api di Pulau Indah ini. Memandangkan projek ini melibatkan wang rakyat dan pihak Badan Pencegah Rasuah masih belum memberitahu apakah hasil siasatan, mengapakah perkara ini dianggap sepi sahaja. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri harus membuat satu kenyataan tentang penyiasatan hal rel kereta api Pulau Indah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 mencadangkan banyak hal meliputi bidang pendidikan seperti pemberian pendahuluan kepada pelajar IPT Awam. Tetapi pelajar-pelajar IPT Swasta yang tidak mampu tidak diberikan pendahuluan walaupun kursusnya francais IPT Awam. Pelepasan belanja pendidikan dinaikkan kepada RM3 ribu. Kenaikan kadar pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara bagi pelajar IPT Swasta dan kenaikan biasiswa untuk pelajar IPT Awam.

Pengeluaran KWSP untuk tujuan pendidikan anak-anak, pembinaan 833 sekolah tambahan bagi melaksanakan sistem sekolah satu sesi. Pinjaman mudah RM200 kepada IPT Swasta untuk membeli peralatan latihan. Tetapi yang menarik, cadangan penubuhan kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen bagi mengatasi masalah pelajar bumiputera yang tercicir dan didedahkan kursus teknikal untuk 'menyediakan' masa depan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kolej komuniti ini sebenarnya memang satu konsep yang baik untuk memberi kemahiran kepada para pelajar yang tidak

meminati bidang akademik. Bukan sahaja anak-anak bumiputera yang menghadapi masalah ini tetapi anak bukan bumiputera juga menghadapi masalah yang sama yang memeningkan fikiran ibu bapa mereka. Bagi yang berkemampuan mungkin anak itu dihantar belajar ke kolej swasta yang mahal, bagi yang tidak mampu mereka akhirnya menjadi sampah masyarakat, pekerja buruh dan sebagainya. Kita mahu supaya kolej komuniti ini dibukakan kepada semua pelajar yang tercicir supaya mereka tidak tercicir pula dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 adalah menyebut bahawa projek perumahan rakyat bersepadu yang mendatangkan masalah di Kuala Lumpur, terdapat 26 projek yang terdiri daripada 34,890 unit rumah kediaman telah diluluskan. Jumlah ini tentulah tidak mencukupi dalam bilangan permintaannya. Rancangan Malaysia Ketujuh hampir tamat pada akhir tahun ini tetapi masalah perumahan untuk rakyat masih belum selesai. Dari maklumat 350,000 unit rumah kos rendah, hanya 71,713 unit, '20.48%' telah siap dibina. Ini menunjukkan pemaju lebih menumpukan pembinaan rumah kos sederhana dan kos tinggi yang bukan menjadi pilihan utama rakyat.

Kementerian dan pemaju terpaksa melancarkan kempen membeli rumah untuk melariskan jualan rumah-rumah kos sederhana dan kos tinggi yang tersadai di pasaran. Ini satu kesilapan kerajaan kerana tidak meletakkan keutamaan sewaktu meluluskan permohonan membina rumah oleh pemaju-pemaju kerana pemaju-pemaju besar ialah penderma besar Barisan Nasional, terutama kepada MCA. Bila tidak laku ia hanya menjadi tontonan rakyat yang tidak mampu dibeli. Mengapa kementerian

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang, Serdang minta penjelasan.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi – ini tuduhan liar. Adakah dibuktikan di mana pemaju 'perumahan' terima kepada MCA. Siapa? Sepanjang masa sebagai pemuda MCA saya tidak tahu hal ini. Jadi minta penjelasan, apa sebab ini – tuduhan liar ini tidak berasas sekali. Kalau berasas, sila buktikan.

Tuan Fung Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua rakyat sedar bahawa pemaju-pemaju besar di negara kita yang banyak menderma besar kepada MCA. Ini satu hakikat yang kita tidak boleh nafikan. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kementerian suka

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Kota Melaka bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Adakah Yang Berhormat bagi Bukit Bintang sedar, bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ng Cheng Kiat pernah mendedahkan bahawa *housing development account* yang telah diluluskan di Parlimen itu dilambat-lambatkan pelaksanaannya oleh kerana tekanan dari Presiden MCA, Dato' Dr. Ling Liong Sik, yang berkata kepada dia "*Do you know that largest financial contributors to MCA are...the developers.*" *[Disampuk][Tepuk]*

Tuan Fung Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat dari kota Melaka yang katanya benar. Ini satu hakikat, kita tidak boleh dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kementerian suka menyalahkan pemaju sedangkan kementerian berkuasa menentukan hala tuju lebih awal membina rumah untuk rakyat. Mengapakah setelah banyak rumah tidak dapat dijual, baru hendak menghentam pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat biasa yang bergelut dengan masalah perumahan terpaksa menyewa rumah yang tinggi sewanya, masih tinggal di kawasan setingan dan permohonan mereka untuk menyewa rumah dengan Pihak Berkuasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya masih berada dalam senarai menunggu bertahun-tahun lamanya. Mereka yang berjaya membayar wang sogokan akan diberi tempat dalam rumah-rumah pangsa DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu adalah perlu melambat pembinaan rumah pada masa depan dirangka semula seperti pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana sebanyak 60% hingga 70% dan bakinya 30% hingga 40% untuk rumah kos sederhana dan kos tinggi. Ini sesuai untuk Rancangan Malaysia Kelapan tetapi matlamat kerajaan ialah untuk membina 747,600 unit

di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, di mana 30% untuk rumah kos rendah. 20% untuk rumah kos sederhana dan 30% untuk kos tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan dalam industri perumahan masih belum diatasi kerana tidak sistem tapisan permohonan. Masih ramai orang – mereka yang berjaya mendapat rumah kos rendah dan rumah kos sederhana masih merupakan pembeli rumah yang sama di kawasan lain. Ini menyebabkan pemohon-pemohon tulen tidak berpeluang membeli rumah sesuatu skim. Alasan yang diberi oleh pemaju ialah sudah habis dijual. Kepada siapa habis dijual? Tidakkah ada sistem yang menyekat mereka?

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu amatlah sesuai satu sistem tapisan secara on-line pemohon-pemohon rumah hendaklah dilaksanakan supaya matlamat perumahan untuk rakyat dapat dicapai lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, tentang masyarakat penyayang – untuk membuktikan bahawa kerajaan memang berhasrat mewujudkan masyarakat penyayang, banyak lagi perlu dibuat dan dibuat dengan segera. Berikut adalah beberapa perkara yang hendaklah diselesaikan dengan segera.

- (i) struktur gaji bagi anggota polis – yang tadi dicadangkan dikaji semula untuk memastikan anggota polis peringkat bawahan dibayar gaji yang berpatutan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung. Masa ada

Tuan Fong Kui Lun: Lagi sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:dua minit lagi.

Tuan Fong Kui Lun: Okay. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

- (ii) memastikan tiada seorang penerima pencen terpaksa hidup dengan amaun pencen yang adalah rendah daripada paras kemiskinan atau property level, dengan izin, sebanyak RM460 sebulan;
- (iii) pampasan ehsan kepada penternak-penternak babi kerana pemusnahan babi semasa isu Nipah virus dibayar dengan segera. Sebenarnya, adalah begitu memerlukan bahawa setelah

- hampir setahun isu ini berlaku masih terdapat para penternak babi yang belum mendapat pampasan ehsan mereka; dan
- (iv) pampasan ehsan diberi kepada pekebun-pekebun yang telah mengalami kerugian besar akibat kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur di Cameron Highlands pada bulan Januari tahun ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baram.

4.45 ptg.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Tun Dato' Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia di atas Ucapan Belanjawan 2000, yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 29 Oktober 1999 dan sekali lagi pada 25 Februari tahun 2000 ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad serta pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang lain kerana memimpin Barisan Nasional dengan cemerlangnya menang dalam pilihan raya yang kita ada pada bulan November 1999.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan dan tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi Malaysia telah nampak berkesan dari petunjuk-petunjuk ekonomi dan statistik yang kita perolehi dalam bulan-bulan yang telah lalu. Kita sedar bahawa pertumbuhan ekonomi pada tahun 1999, telah mencatat pertumbuhan positif dan kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kena dianggap mencapai tumbuhan positif 5.4% pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua petunjuk-petunjuk daripada statistik yang disebutkan dalam kertas Belanjawan ini menunjukkan bahawa tuduhan-tuduhan oleh pihak pengkritik luar dan dalam bahawa dasar dan kaedah yang kerajaan tehh dilaksanakan itu memang tidak adil, wajar dan betul. Memandangkan kita nampak berjaya dalam usaha ini, kita dalam Barisan

Nasional tidak sebenarnya perlu diganggu oleh pihak itu dan kita dengan lebih bersemangat lagi terus mengekalkan dasar-dasar dan kaedah kita bagi memenuhi keperluan masa depan rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya menyokong strategi-strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara tanpa memohon bantuan dari pihak IMF dan lain-lain. Sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama, Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa prihatin dan bertanggungjawab kepada rakyat kita.

Oleh sebab itulah, kita perlu menggubalkan dasar dan strategi pembangunan ekonomi berasaskan sosio politik negara. Seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 2000 pada 29 Oktober 1999, "*Kita tidak mahu nasib kita ditentukan oleh orang asing dan kita tidak mahu melihat bumiputera dipinggir semula dan tidak rela melihat era politik kita ditentukan oleh pihak asing.*" Dan saya menekankan sekali lagi bahawa kita tidak mahu maruah dan kemerdekaan kita dijual beli.

Prinsip-prinsip yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini amatlah mustahak bagi menjamin masa depan bumiputera tanpa mengabaikan hak dan kedudukan bukan bumiputera dalam usaha kita membangunkan negara yang kita bangga dan sayangi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia keluar dari belenggu kemelesetan, saya ingat krisis kewangan yang lalu patutlah dianggap sebagai satu pengajaran bagi kita semua. Oleh yang demikian, kita perlu dengan seriusnya sentiasa berwaspada dan sedia menghadapi dan menangani cabaran-cabaran luaran dan dalam negara mulai daripada masa sekarang. Kita sedar bahawa risiko luar boleh menjejaskan ekonomi negara bila-bila masa sahaja.

Saya menegaskan supaya kerajaan berazam untuk meneruskan dasar pragmatik bagi memperkukuhkan pemulihan ekonomi negara yang berdaya saing dan berdaya tahan daripada risiko-risiko luaran pada masa jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, anggaran Belanjawan 2000 sebanyak RM78.025 bilion yang telah dicadangkan bagi tahun 2000 adalah sangat memuaskan memandangkan ekonomi negara kita baru nampak pulih

semula. Kita perlu sedar bahawa keadaan ekonomi yang seperti ini, kita tidak mempertikaikan mengapa budget ini dijangka mencatat defisit sekitar 4.5% dari KNK. Yang penting ialah kita mesti dan boleh bertindak dengan usaha yang semakin bersemangat untuk membangun negara kita dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM24.674 bilion atau 31.6% dan perbelanjaan mengurus RM53.35 bilion atau 68.4% pada tahun 2000 ini. Kita berharap bahawa pertumbuhan ekonomi kita akan terus meningkat lebih dari 5.4% seperti yang dijangkakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya, saya ingin sentuh beberapa sektor pembangunan yang penting khususnya bagi rakyat kita di kawasan pedalaman negara kita. Mereka ini termasuk petani, nelayan, pekebun-pekebun kecil yang tinggal di kampung ataupun rumah panjang yang masih memerlukan bimbingan, nasihat dan bantuan dari kerajaan lebih-lebih lagi sejak negara kita dilanda oleh kegawatan ekonomi dua tahun yang lalu.

Kita perlu mengembangkan program kita yang boleh meningkatkan produktiviti hasil pertanian mereka seperti pembinaan prasarana pertanian, memperkukuhkan lagi kegiatan pertubuhan peladang atau nelayan serta latihan dan penggunaan teknologi baru, pembinaan jalan desa dan jalan kampung, penyediaan bekalan air dan elektrik dan pembangunan semula kampung tradisi serta pusat-pusat pertumbuhan desa. Semua ini adalah sangat mustahak oleh sebab tempat-tempat pedalaman ini bukan sahaja mempunyai banyak keperluan akan tetapi berpotensi tinggi untuk dibangunkan. Contohnya, di kawasan saya di Baram, kebanyakan kampung daripada kawasan saya itu memerlukan bantuan dan pertolongan dari kerajaan khususnya dalam bidang bekalan bahan-bahan keperluan asas kehidupan seperti penjana elektrik, bekalan air, bahan-bahan binaan rumah dan lain-lain. Infrastruktur asas yang lain-lain seperti sekolah, klinik dan jalan kampung masih lagi belum mencukupi dan jika adapun belum memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, penduduk-penduduk luar bandar sentiasa berterima kasih kepada kerajaan kerana setiap tahun kita sedar peruntukan yang sedia ada itu semakin bertambah. Pada tahun 2000, peruntukan bagi pembangunan luar bandar adalah diberitahu RM1.36 bilion jika dibandingkan dengan tahun 1999 yang sebanyak RM1.12 bilion.

Saya yakin peruntukan ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat di desa khususnya bagi membiayai ekonomi desa, kemudahan kesihatan, pembinaan jalan luar bandar dan kampung, bekalan air dan bekalan elektrik.

Saya juga menyeru kepada kerajaan supaya menyediakan peruntukan yang lebih lagi kepada negeri Sabah dan Sarawak bagi mengelak keadaan regional disparity, dengan izin, di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan untuk meneruskan pembangunan sumber manusia di negara ini, ini menunjukkan bahawa kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Peruntukan sebanyak RM14.08 bilion bagi pembangunan sumber manusia tahun ini adalah sangat perlu bagi membiayai program pendidikan dan menyediakan prasarana pendidikan berkualiti.

Kita gembira mendengar bahawa peruntukan sebanyak RM8.8 bilion bagi membina sebanyak 833 buah sekolah yang terdiri daripada 371 buah sekolah baru dan 462 blok tambahan kepada sekolah-sekolah yang sedia ada akan disediakan. Begitu juga keutamaan diberi kepada pembinaan sekolah rendah, menengah, makmal komputer, rumah guru dan lain-lain di luar bandar. Tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi memperhebatkan program celek komputer bagi penuntut-penuntut di sekolah luar bandar, selaras dengan era IT itu sangatlah dialu-alukan. Saya berharap kawasan Baram juga tidak terlupa dalam semua usaha ini.

Selain dari itu, pengambilan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan akan ditingkatkan dari 70,552 kepada 79,482 orang dalam sesi 2000/2001 dan kerajaan akan terus membantu pembiayaan pelajar melalui Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Semua ini dengan peruntukan RM2.26 bilion. Dengan adanya peruntukan yang besar seperti ini, saya berharap bahawa semua lapisan masyarakat kita bermanfaat dan semua penuntut-penuntut kita tidak kira bangsa atau agama akan mendapat peluang pendidikan yang cemerlang khususnya di Sarawak di mana terdapat banyak sekolah-sekolah di luar bandar yang kurang kemudahan infrastruktur yang cukup moden dan guru-guru yang tidak cukup berkelayakan. Saya minta supaya bahan komputer dan buku teks dibekalkan bagi kegunaan murid-murid yang

perlu dididik dalam bidang teknologi maklumat ini khususnya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dengan cadangan kerajaan untuk mewujudkan kolej komuniti dengan tujuan menyediakan peluang pendidikan lepas menengah yang lebih luas, saya percaya kolej komuniti ini akan membolehkan pelajar-pelajar meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang bersesuaian. Cadangan kerajaan untuk mewujudkan kolej komuniti ini di setiap kawasan Parlimen itu adalah sangat baik dan kita daripada kawasan Baram minta ini dilaksanakan dengan secepat mungkin di Baram oleh kerana kita perlu menggunakan kolej komuniti yang seperti ini.

Saya sanggup akan mengambil tindakan bagi mencari tapak tanah untuk kolej komuniti tersebut.....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Baram menyatakan bahawa kita perlu pendidikan komputer ini di kampung-kampung tetapi masalahnya Yang Berhormat ialah di kampung-kampung ini banyak yang tidak ada bekalan elektrik yang khusus untuk komputer, apakah saranan Yang Berhormat supaya kampung-kampung ini dapat dibekalkan dengan bekalan elektrik secepat mungkin supaya anak-anak kampung ini dapat dibekalkan dengan komputer?

Satu lagi, sekarang ini negara kita mengutamakan IT tetapi untuk melatih anak-anak di kampung, komputer susah didapati dan syarikat-syarikat berasaskan IT ialah syarikat sekarang ini yang mendapat keuntungan yang banyak. Kalau dilihat Bursa Saham, Papan Utama, syarikat-syarikat yang berteraskan IT telah melonjak harga daripada bawah ke atas. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau dicadangkan supaya kerajaan menyelaras supaya syarikat-syarikat IT ini memberi sumbangan kepada pusat-pusat latihan komputer ini, mereka ini memperuntukkan sebilangan komputer yang asas disedekah ataupun disumbangkan kepada pusat latihan ini supaya seluruh penduduk ataupun murid di luar bandar dan juga di bandar, dapat kemudahan

latihan dan tentunya bila mereka ini pandai menggunakan komputer, mereka akan membeli komputer pula nanti daripada syarikat-syarikat ini dan tentunya syarikat-syarikat ini akan lebih untung lagi. Terima kasih.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sipitang. Penjelasan yang pertama tadi saya memang bersetuju kerajaan perlu menyelaraskan bekalan komputer-komputer ini kepada sekolah-sekolah kita di seluruh negara. Yang kedua itu tadi memang saya bersetuju atas masalah yang kita ada oleh kerana kebanyakan sekolah-sekolah yang jauh di luar bandar itu memang susah hendak ada bekalan elektrik. Jadi, oleh itulah dalam ucapan saya tadi saya minta supaya kerajaan dengan seriusnya mengambil tindakan untuk membekal banyak lagi komputer-komputer bagi sekolah-sekolah seperti ini. Dan juga dengan bekalan genset supaya mereka boleh menggunakan kemudahan tersebut untuk belajar dan berlatih memakai komputer.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meluahkan perasaan puas hati kerana sebanyak RM2.5 bilion telah pun disediakan setakat akhir tahun 1999 untuk membiayai pembiayaan hospital, klinik dan rumah-rumah bidan baru di bandar dan di desa. Pada tahun ini pula walaupun hanya sebanyak RM908.2 juta akan disediakan kita berharap agar peruntukan ini akan menyiapkan kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan lima buah hospital, sepuluh buah klinik kesihatan dan 493 buah klinik desa dan rumah bidan di seluruh negara. Selain dari itu, sebanyak 3300 jawatan baru akan diwujudkan sementara sejumlah 1,053 jawatan kosong akan diisi bagi menampung permintaan kesihatan awam yang meningkat. Berasas dari tujuan tersebut saya ingin tahu berapakah buah klinik desa yang akan dibina di negeri Sarawak khasnya di Baram kerana kita di Baram masih perlu klinik-klinik desa di kampung dan rumah panjang yang jauh di pedalaman. Contohnya Hospital Marudi perlu sebuah hospital yang baru kerana keadaan hospital yang sedia ada tidak mencukupi. Klinik desa di Long Lama dan Beluru perlu dinaik taraf ke hospital kecil atau pusat kesihatan. Klinik Desa Long San perlu dinaik taraf ke hospital kecil kerana kawasan ini jauh di hulu sungai dan pesakit semakin bertambah. Klinik-klinik desa baru perlu dibina di Long Pana, hulu sungai Tinja, di Long Anap,

kampung saya sendiri di Hulu Baram, Long Jikitan, Kampung Penan di Sungai Silat kerana tempat ini jauh sangat dari klinik desa yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan Belanjawan 1999 saya menekankan bahawa infrastruktur jalan raya adalah yang amat penting bagi mempercepatkan pembangunan sebuah negeri. Sekali lagi saya sentuh perkara ini kerana kerajaan perlu juga mengambil pertimbangan yang serius untuk memberi sebahagian dari peruntukan RM5.3 bilion untuk tahun ini bagi jalan raya di utara negeri Sarawak. Seperti mana yang telah disebutkan dalam ucapan saya itu, dalam ucapan saya beberapa kali yang lalu, saya juga minta supaya jalan utama Persekutuan yang belum dibina dari bandar Miri menerusi kawasan Baram dan terus ke pekan Limbang, Lawas dan seterusnya ke Kota Kinabalu dibina dengan secepat mungkin. Jalan ini telah lama ditunggu oleh rakyat kita di utara negeri Sarawak dan Sabah dan sampai Malaysia ke-7 pun belum ada bukti jalan ini akan dibina. Pada hemat saya jikalau jalan utama ke Persekutuan ini dibina pengguna-pengguna jalan raya Pan-Borneo Highway apabila hendak melawat ke Kota Kinabalu dari Miri tidak perlulah melalui negara Brunei dan ini akan menjimatkan masa dan tenaga.

Selain daripada itu, jalan utama Persekutuan itu kawasan pedalaman Sarawak seperti di Baram masih lagi tidak mempunyai jalan yang mencukupi. Kebanyakan tempat di Hulu Sungai Baram menggunakan jalan-jalan kayu balak yang sentiasa sangat bahaya sekali. Banyak juga kampung-kampung yang masih menggunakan perahu panjang dan bot untuk berhubung dengan satu sama lain. Jika dibanding dengan kawasan yang lain, kawasan Baram yang mempunyai satu kawasan yang terbesar sekali jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain di Malaysia ini nampak menjadi the last frontier for road development in Malaysia dengan izin. Saya tidak mahu ini menjadi the last frontier for road development in Malaysia.

Oleh sebab itu, saya minta supaya kerajaan memberi peruntukan tambahan bagi negeri Sarawak bagi pembinaan jalan utama Persekutuan tersebut khususnya bagi naik taraf atau tar seal jalan Beluru ke Jambatan Lapuk sepanjang 19 kilometer yang memerlukan peruntukan sebanyak RM19 juta. Dan membina jalan baru dari Sungai Teru ke Long Lama yang perlu RM15 juta dan pembinaan jalan baru dari Miri ke Pekan Marudi juga yang

memerlu kurang lebih RM25 juta. Saya merayu kepada kerajaan juga jikalau peruntukan tidak mencukupi pada tahun 2000 ini supaya peruntukan bagi jalan utama Persekutuan ini diberi pertimbangan dalam Rancangan Malaysia ke-8 nanti. Saya juga mencadang kepada kerajaan supaya mengambil alih jalan kayu balak yang besar yang sedia ada dari Jambatan Lapuk ke Hulu Baram supaya ini menjadi satu jalan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu pendekatan yang boleh menambah lagi pengeluaran negara ialah dari usaha pembangunan tanah yang terbiar di seluruh negara. Saya sentuh perkara ini sekali lagi kerana usaha ini akan memberi manfaat yang besar kepada negara dan kepada pihak hak milik tanah tersebut. Contohnya, di negeri Sarawak sendiri terdapat 2.5 milion hektar tanah termasuk tanah NCL yang boleh digunakan dan dibangun untuk penanam pokok-pokok kelapa sawit untuk mengeksportkan minyak kelapa sawit. Jikalau tanah ini dibangun pengeluaran kita pada tahun 2020 dari pengeksportan minyak kelapa sawit akan mendatangkan hasil kurang lebih berjumlah RM10 bilion. Ini bermakna industri ini kita perlu dibangun dengan seriusnya, kita berharap banyak lagi pelabur-pelabur yang melabur dalam pembangunan kelapa sawit ini di tanah yang banyak terbiar begitu sahaja. Selain itu terdapat lagi manpower yang berpotensi untuk dilatih untuk menjadi mereka lebih mahir dan produktif untuk bekerja di tempat-tempat yang dibangun itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah destinasi percutian antarabangsa. Setelah kita mengadakan Sukan Komanwel pada tahun 1998 Malaysia sekali lagi berjaya memperkenalkan negara di peringkat antarabangsa dengan mengadakan Formula One. Industri pelancong adalah satu industri yang penting dan akan memberi faedah kepada tabung negara tanpa kos yang tinggi. Kita gembira mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan seramai 6.5 juta pelancong dijangka akan melawat Malaysia pada tahun ini berbanding dengan 6 juta pada tahun yang lepas. Dan hasil pendapatan pertukaran wang asing kita jangka akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pendapatan negara dalam industri pelancong ini masih lagi boleh meningkatkan dengan adanya lebih lagi

promosi negara kita di luar negara terutamanya di perantauan Eropah dan Amerika Syarikat di mana negara kita masih lagi tidak mempunyai exposure yang mencukupi. Kebanyakan daripada travel agencies yang mengambil pelancong ke Asia masih lagi tidak mempunyai informasi yang cukup tentang Malaysia berbanding dengan Indonesia dan negara Thai.

Oleh sebab itu, saya menyokong cadangan kerajaan untuk memperuntukkan sebanyak RM240.5 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, aktiviti promosi serta galakan di dalam dan di luar negeri. Negara kita adalah sebuah negara yang kaya dengan kecantikan semula jadi seperti hutan tropika, air terjun dan laut yang bersih dan indah. Kita juga mempunyai budaya yang kaya dan berwarna, oleh itu sangat penting bagi kita bagi melaksanakan lebih lagi percutian yang mempunyai faktor yang dikenali sebagai CAN or 'CAN Tourism' di mana 'C' adalah 'Culture', 'A' adalah 'Adventure' dan 'N' adalah 'Nature'. Seperti di kawasan Baram yang mempunyai pelbagai budaya, yang mempunyai sejarah yang lama, kawasan yang luas, untuk adventure seperti wide water rafting dan hunting and gaming di kawasan semula jadi yang begitu indah dan bersejarah seperti di Gua Mulu, Niah dan tasik-tasik yang bersih dan cantik seperti Logan Bunut boleh dibangunkan.

Terdapat juga kawasan dingin yang boleh digunakan untuk health resort seperti di Bario Highlands dan kawasan dataran Usun Apau. Semua ini boleh dibangunkan untuk pembangunan pelancongan di negara kita. Saya berharap kerajaan akan mengkaji tempat-tempat yang berpotensi untuk dibangunkan bagi industri pelancongan di seluruh negara khususnya di negeri Sarawak khasnya di kawasan saya di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan mengenai kaum minoriti di Sarawak yang mana kedudukan sosial ekonomi mereka tidak begitu baik jika dibanding dengan kaum bumiputera lain. Di antara minoriti yang saya maksudkan ialah Bakitan 1,000 penduduk, Seping Bemali 460 orang, Bukit 300 orang, Sihan 300 orang, Lisum 150 orang dan kaum Penan 10,000 orang. Mereka ini tinggal di kawasan pedalaman di mana perhubungan dengan dunia luar adalah sangat terhad. Adalah terbukti bahawa kaum

minoriti yang tersebut mempunyai kedudukan taraf hidup yang rendah sekali di negara ini.

Saya tidak dapat memberi gambaran yang jelas oleh kerana tidak ada kajian yang terperinci mengenai latar belakang mereka. Ini bukan bermakna kerajaan tidak prihatin terhadap kebajikan mereka. Malah kerajaan Barisan Nasional telah memberi beberapa kemudahan projek menerusi program pembangunan luar bandar, namun taraf hidup mereka masih kurang memuaskan. Kemungkinan besar kemudahan projek yang diberi kepada mereka

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat, ini saya ingin bertanyalah apakah Yang Berhormat ada nampak juga agensi-agensi kerajaan di sana membuat kajian berhubung dengan permasalahan yang begitu berat yang ditanggung oleh masyarakat di kawasan Yang Berhormat. Mungkin ada satu kemusykilan dia, kerana bagi kita tidak ada masalah yang tidak boleh kita selesaikan secara perlahan-lahan. Jadi tidakkah Yang Berhormat bercadang membuat satu jawatankuasa memantau perkembangan perkembangan suku kaum di sana yang terlalu ketinggalan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat tidak panjang lagi. Saya perlu ingatkan Yang Berhormat.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, itu memang betul, oleh itu saya nak sentuh mengenai perkara ini dalam ucapan saya, nanti jelas dari ucapan saya ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar kemudahan projek yang diberi kepada mereka tidak memenuhi keperluan kaum tersebut oleh kerana kemudahan itu diberi atas keputusan pihak perancang dengan tidak mengambil kira pandangan kumpulan sasaran. Oleh yang demikian, timbul perkara di mana bantuan projek tidak tepat ataupun seimbang dengan keperluan penduduk setempat. Kemudahan seperti sekolah memang disediakan kepada masyarakat tersebut seperti yang lain semenjak kemerdekaan. Namun demikian, taraf pencapaian murid-murid kaum tersebut

sangat rendah. Adakah ini oleh kerana tanggapan murid-murid dan ibu bapa ataupun peranan guru-guru itu sendiri. Bagaimana dengan keadaan kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti bangunan, kediaman guru-guru dan sebagainya.

Pada amnya kita selalu menyalahkan kaum tersebut atas kedudukan taraf hidup mereka dan pencapaian pendidikan yang rendah. Adakah tanggapan-tanggapan ini munasabah? Pada pandangan saya mereka ini juga mempunyai sama kebolehan seperti kaum yang lain. Apa yang perlu kita mengetahui sama ada kemudahan yang telah diberi memenuhi keperluan masyarakat tersebut, seringkali berlaku pihak yang merancang tidak ada mengambil kira keperluan mereka yang sebenarnya. Dalam pada itu, kaum ini mempunyai nilai hidup, kebudayaan, adat resam dan organisasi sosial yang agak berbeza bersama masyarakat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena gulung, sudah suntuk masa.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Ya, dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak sampai dua minit, satu minit sahaja.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Okay, okay. Mungkin pihak kerajaan tidak mengetahui kaedah-kaedah yang penting demi memenuhi matlamat yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Oleh yang demikian, saya ingin memohon pertimbangan supaya kerajaan memberi peruntukan untuk menjalankan kajian terperinci terhadap golongan masyarakat minoriti seperti yang saya sebutkan tadi. Kajian tersebut sebaiknya merangkumi nilai hidup, kebudayaan, adat resam, sistem sosial dan aspirasi masyarakat tersebut. Oleh kerana pendidikan merupakan kunci kejayaan hidup manusia, kajian tersebut harus mengambil berat tentang keadaan sekolah-sekolah di luar bandar. Kemungkinan juga kemudahan infrastructure tidak memuaskan dan peranan guru-guru yang tidak begitu memberangsangkan, oleh kerana keadaan yang tidak sesuai yang mengakibatkan pencapaian murid-murid begitu berkurangan. Jika kita memahami sistem sosial, cara hidup mereka keseluruhannya dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada, saya yakin

pihak perancang boleh merancang program pembangunan yang lebih berkesan lagi.

Dengan ucapan demikian, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] Yang Berhormat bagi Sipitang.

5.18 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan di atas Belanjawan yang telah dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu. Sesungguhnya Belanjawan tersebut adalah belanjawan untuk rakyat dan untuk keharmonian negara kita ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri Kewangan dan juga penasihat-penasihat ekonomi negara yang telah dapat menyelesaikan dan mengeluarkan negara ini daripada kongkongan kemelesetan atau masalah ekonomi, yang mana negara kita tidak terikat dengan mana-mana badan dan boleh menentukan nasib kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Belanjawan yang dibentangkan pada hari Jumaat lepas jelas menunjukkan bahawa kepimpinan negara kita prihatin untuk memastikan keharmonian negara kita ini akan terus berjalan dengan lancar dan teratur. Rancangan-rancangan yang dibuat oleh kerajaan melalui kementerian-kementerian dengan peruntukan yang begitu besar, jelas menunjukkan bahawa kerajaan dan pemimpin prihatin tentang masalah dan juga untuk memastikan bahawa masalah rakyat dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah pun mengeluarkan garis panduan Dasar Pembangunan Pertanian Ketiga. Kita alu-alukan dasar ini untuk menyelesaikan dan juga membantu meningkatkan taraf ekonomi petani dan sekaligus telah mengurangkan beban ketergantungan kita kepada makanan yang kita import daripada luar negara. Namun demikian, masalah masalah petani ini kalau kita lihat perlu kita selesaikan sekaligus secara serius. Kita mestilah bersungguh-sungguh dalam membantu petani dan menyelesaikan masalah kaum petani dan juga kaum nelayan, yang mana kumpulan ini sejak akhir-akhir ini nampaknya menjadi kumpulan yang agak kita tinggalkan. Tetapi syukur Alhamdulillah, telah diaktifkan semula bahawa

kewujudan mereka di negara kita ini dianggap penting kerana kumpulan inilah walaupun di kampung jauh merekalah golongan yang mendukung perjuangan parti dan juga mendukung pemerintahan negara ini dan merekalah juga kumpulan yang membekalkan makanan kepada kita, baik daripada hasil pertanian mahupun hasil perikanan.

Kita mengalu-alukan bantuan-bantuan untuk petani luar bandar tetapi apa yang saya ingin tekankan, Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini ialah nasib kaum nelayan khususnya nelayan-nelayan di luar bandar. Tadi Yang Berhormat bagi Balik Pulau telah pun sebahagiannya menyuarakan masalah nelayan luar bandar ini. Apa yang berlaku di Semenanjung tentang nasib nelayan luar bandar ini samalah juga di Sabah dan Sarawak. Masalahnya ialah bahawa pendapatan kaum nelayan luar bandar ini telah menurun begitu teruk sekali sejak akhir-akhir ini. Kalau dahulu pendapatan nelayan tradisional ataupun di kampung-kampung mereka boleh menyara keluarga dengan sehari memancing ataupun memukat ikan atau dengan pendapatan sebulan boleh menyara keluarga dan anak-anak sekolah tetapi hari ini jelas kita lihat bahawa pendapatan mereka telah menurun lebih kurang separuh daripada itu.

Ini adalah kerana kita sendiri yang mengabaikan tanggungjawab kita untuk mengatur mereka ini, seperti yang dikatakan tadi bahawa nelayan-nelayan tradisional ini sudah kehilangan tempat mereka mencari pendapatan. Kawasan-kawasan mereka menangkap ikan telah diceroboh dan tempat-tempat pembiakan ikan telah dirosakkan, yang mana secara tradisinya di situlah tempat-tempat ikan membiak. Misalnya, bahawa saya beri contoh di Sabah, walaupun ada peraturan bahawa pukuk-tukuk tunda ini tidak boleh memukat tiga batu daripada pesisiran pantai tetapi ternyata bahawa mereka ini telah menceroboh ke kawasan-kawasan yang lebih dekat. Pernah beberapa ketika bahawa pukuk-tukuk tunda ini boleh dipanggil daripada tepi pantai, jadi ertinya mereka telah menceroboh ke kawasan-kawasan yang dekat dengan pantai.

Apa masalahnya di sini, masalahnya ialah penguatkuasaan kita. Kalau kita lihat penguatkuasaan adalah begitu lemah dan akibat kurangnya penguatkuasaan ini kita terus berterusan menghadapi masalah ini. Yang lebih menyedihkan lagi ialah pemilik-pemilik kapal pukuk tunda ini ialah telah

menyewakan atau memberikan kuasa untuk membawa pukut-pukat tunda ini kepada pendatang-pendatang ataupun pekerja-pekerja mereka yang tidak tahu peraturan dan undang-undang. Oleh itu pelanggaran peraturan ini semakin ketara, saya mohon untuk membantu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Moktar bin Radin: Ini sama-sama dari Sabah, kawasan pun hampir sama di luar bandar dan ada petani dan juga ada nelayan. Saya mahu pandangan Yang Berhormat kerana di Sandakan pula, di kawasan saya Kinabatangan ini, dia punya penguatkuasaan terlalu ketat sehingga minggu-minggu ada sahaja ditangkap. Berbeza pula dengan di Sipitang tidak ada penguatkuasaan, jadi apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa pegawai-pegawai penguatkuasa ini ada double standard ataupun mereka memilih-milih kawasan yang mana mereka mahu tangkap dan yang mana mereka tidak mahu tangkap. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya setuju Yang Berhormat, memang penguatkuasaan kita terpaksa lakukan dan inilah yang kita inginkan. Tetapi ada kawasan penguatkuasaan ini tidak dibuat dan inilah kelemahan kita. Mungkin ada masalah Yang Berhormat di Sandakan ialah bahawa menangkap ikan tiga batu daripada kawasan tepi pantai masih cetek, jadi kawasan-kawasan yang dekat dengan pantai mungkin tidak begitu serius tetapi di kawasan saya serius dan ini yang penguatkuasaan lemah di situ.

Saya setuju supaya peraturan ini dikaji kenapakah di sesetengah tempat penguatkuasaannya begitu ketat dan di sesetengah tempat tidak dilaksanakan langsung sehingga terdapat konflik dan juga menjadi masalah kepada nelayan. Maksud saya di sini adalah supaya undang-undang yang kita ada itu kita laksanakan untuk menyenangkan rakyat kita, bukan untuk menyusahkan rakyat kita. Inilah yang paling penting dan penguatkuasaan itu dapat mempertingkatkan pendapatan rakyat di luar bandar khususnya nelayan dan menyenangkan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Sipitang kerana saya juga mewakili pantai timur dan kebanyakan pengundi saya adalah nelayan. Dalam aduan nelayan kepada saya, saya dengar masalahnya hampir sama dengan masalah yang dibangkitkan oleh Sipitang. Antaranya masalah ancaman daripada negara-negara jiran termasuk juga masalah pemasaran ikan dan pengkalan pendaratan nelayan.

Jadi oleh kerana masalah ini sama, saya minta pandangan daripada Sipitang adakah setuju dengan saya dalam masalah menyelesaikan masalah kemiskinan petani dan nelayan ini, meskipun Kelantan ini diperintah oleh PAS dan Alternatif dan Sabah oleh Barisan Nasional bahawa kita mestilah mengemukakan penyelesaian tanpa mengira perbezaan politik dalam soal ini. Setuju atau tidak? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya setuju dengan Yang Berhormat, memang kerajaan Barisan Nasional dia jaga rakyat semua sama ada dia diperintah oleh pembangkang ataupun pemerintah sendiri. Tetapi apa yang Yang Berhormat maksudkan tadi ialah masalah itu kita perlu melihat masalah nelayan ini supaya jangan berlarutan supaya hidup mereka ini dibela secara serius sama ada secara menguatkan undang-undang ataupun secara membuat program-program baru. Maksud saya di sini ialah jikalau pencerobahan itu punca masalah kepada penghidupan nelayan, kita harus tangani masalah ini secara serius dan kita selesaikan, dengan izin, 'once for all', kita tidak mahu lagi perkara ini berulang kerana kita tahu penyelesaiannya tetapi bila nelayan ini mengadu, penguatkuasaannya tidak dibuat dan ia berulang-ulang. Alasan yang kita beri kadang-kadang ialah kurang pegawai penguatkuasa, tidak cukup staff.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah suntuk, Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Boleh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerant ut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dat o’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)

- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M.,
D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin
-

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 10

Selasa

29 Februari 2000

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengalu-alu Rombongan Dari Dewan Undangan Negeri Perak
(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000
(Halaman 22)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000
(Halaman 22)